Sektor Kewangan

114-117 Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan
117-130 Pengurusan Sistem Perbankan
121-122 Rencana: Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF)
131-133 Aktiviti-aktiviti Penyeliaan
134-139 Rencana: Langkah-langkah Perbankan pada Tahun 2003
140-167 Prestasi Sistem Perbankan
155-164 Rencana: Pelan Induk Sektor Kewangan
165-166 Rencana: Penubuhan Sistem Insurans Deposit Di Malaysia
167-172 Institusi-institusi Kewangan yang Lain
172-188 Pasaran Kewangan
180-181 Rencana: Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2003
188-195 Perkembangan dalam Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
190-192 Rencana: Akta Sistem Pembayaran 2003
195-198 Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Malaysia

Sektor Kewangan

SUMBER DAN KEGUNAAN DANA SISTEM KEWANGAN


Jumlah aset sistem kewangan meningkat dengan ketara sebanyak 12.1% kepada RM1,564 bilion pada tahun 2003, sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi secara keseluruhan. Sebagai peratusan daripada KDNK, jumlah aset sistem kewangan meningkat kepada 399% daripada KDNK (386% pada tahun 2002).

Aset sistem perbankan dan institusi perantaraan kewangan bukan bank (NBFI) meningkat pada tahun 2003. Jumlah aset sistem perbankan meningkat sebanyak 13.2% (6.8% pada tahun 2002), manakala aset NBFI meningkat sebanyak 8.4% (8.6% pada tahun 2002). Sebahagian besar daripada peningkatan aset dalam sistem perbankan adalah disebabkan oleh pertumbuhan aset bank perdagangan yang lebih kukuh. Ini mencerminkan terutamanya peningkatan penyimpanan antara bank (19.5%), pelaburan dalam sekuriti (15%) dan pinjaman dan pendahuluan (7.2%). Pertumbuhan dalam aset NBFI adalah didorong terutamanya oleh peningkatan dalam aset kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans (+RM30.5 bilion), yang mencakupi 65.1% daripada peningkatan dalam jumlah aset NBFI.

Pada tahun 2003, sebahagian besar sumber-sumber baru adalah disumbangkan oleh deposit yang disimpan dengan institusi kewangan dan caruman kepada kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans. Deposit yang disimpan dengan institusi kewangan meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 11.8% pada tahun 2003, berbanding dengan 6% pada tahun 2002. Institusi perbankan (yang terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun) kekal sebagai penerima deposit yang terbesar pada tahun 2003 dengan mencakupi 71.1% daripada kenaikan deposit yang diperoleh oleh sistem kewangan pada tahun 2003 (83.5% pada tahun 2002) dan 81.4% daripada jumlah terkumpul deposit sistem kewangan pada akhir tahun 2003 (82.6% pada tahun 2002). Pertumbuhan deposit yang kukuh adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi yang bertambah baik yang menghasilkan pendapatan boleh guna dan kekayaan kewangan yang lebih tinggi di kalangan isi rumah dan perusahaan perniagaan.

Dari segi pemegang, deposit adalah disimpan terutamanya oleh sektor swasta bukan kewangan (yang terdiri daripada individu dan perusahaan perniagaan), iaitu mencakupi 71.2% daripada jumlah terkumpul deposit pada akhir tahun 2003 (79.6% pada akhir tahun 2002). Deposit kumpulan ini meningkat sebanyak 16.6% pada tahun 2003 disebabkan oleh kenaikan dalam deposit yang disimpan oleh individu (47.2% daripada jumlah terkumpul deposit). Pada tahun 2003,

Graf 4.1
Aset Sistem Kewangan pada akhir tahun 2003*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.1
Harta Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2003*a*
	2002	2003*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	**58.5**	**122.2**	**1,046.7**
Bank Negara Malaysia	12.5	38.6	200.8
Bank perdagangan[1]	33.2	66.7	629.6
Syarikat kewangan	8.9	11.3	142.0
Bank saudagar	0.3	2.8	44.1
Syarikat diskaun	3.6	2.8	30.2
Badan perantaraan kewangan bukan bank	**42.6**	**46.8**	**517.3**
Kumpulan wang simpanan pekerja, pencen dan insurans	27.0	30.5	347.7
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*15.2*	*18.0*	*220.2*
Kumpulan wang simpanan & pencen lain	*4.5*	*1.5*	*46.2*
Kumpulan wang insurans nyawa	*6.7*	*9.8*	*64.1*
Kumpulan wang insurans am	*0.6*	*1.2*	*17.2*
Institusi kewangan pembangunan[2]	11.1	6.7	79.1
Institusi kewangan lain[3]	4.5	9.6	90.5
Jumlah	**101.1**	**169.0**	**1,564.0**

1 Termasuk bank-bank Islam (sejak 1999).

2 Termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Perbadanan Kemajuan Borneo, Bank Pembangunan Sabah Berhad, Perbadanan Kredit Sabah, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC) dan Lembaga Tabung Haji.

3 Termasuk unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) and Amanah Saham Mara Berhad, pertubuhan-pertubuhan koperasi, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran, syarikat modal usaha niaga dan institusi kredit perumahan (termasuk Cagamas Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad dan Malaysia Building Society Berhad).

a Awalan

Jadual 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2003*a*
	2002	2003*a*	
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	12.6	24.0	158.8
Mata wang	1.8	2.3	29.4
Deposit	36.3	74.8	709.4
Peminjaman	9.7	3.1	48.0
Dana dari institusi kewangan lain[1]	2.3	18.0	88.9
Kumpulan wang insurans dan simpanan	23.0	22.7	297.1
Tanggungan lain	15.5	24.1	232.4
Jumlah	**101.2**	**169.0**	**1,564.0**
Kegunaan:			
Mata wang	0.3	-1.1	6.3
Deposit dengan institusi kewangan lain	13.9	36.6	224.5
Bil	2.7	-2.2	16.7
Perbendaharaan	*1.6*	*-2.1*	*3.5*
Perdagangan	*1.1*	*-0.1*	*13.2*
Pinjaman dan pendahuluan[2]	35.2	39.3	599.8
Sekuriti	24.0	51.2	393.4
Kerajaan Malaysia	*0.9*	*19.9*	*124.3*
Asing	*0.5*	*0.3*	*3.5*
Korporat	*21.2*	*32.3*	*259.0*
Lain-lain	*1.4*	*-1.3*	*6.6*
Emas dan rizab pertukaran wang	14.0	38.6	166.1
Harta lain	11.1	6.6	157.2


1 Termasuk rizab berkanun institusi perbankan.

2 Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta.

a Awalan

deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan juga meningkat dengan ketara sebanyak 14.6% (2.7% pada tahun 2002), sementara deposit yang disimpan oleh individu meningkat sebanyak 7.7% (6.9% pada tahun 2002). Seperti pada tahun-tahun yang lepas, deposit tetap mencakupi sebahagian besar kenaikan dalam deposit sektor swasta bukan kewangan. Pemegang deposit terus menunjukkan minat terhadap deposit dengan tempoh cukup matang yang lebih pendek memandangkan perbezaan kadar faedah yang lebih kecil antara kadar deposit jangka pendek dan panjang.

Graf 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2003*a* (% bahagian)



a Awalan

Simpanan berkontrak dengan kumpulan wang simpanan dan pencen serta sumbangan kepada kumpulan wang insurans terus menjadi sumber utama dana bagi sistem kewangan. Ia meningkat sebanyak 8.3% untuk mencakupi 19.4% daripada jumlah dana yang diperoleh oleh sistem kewangan pada akhir tahun 2003. Sementara itu, modal dan rizab sistem kewangan meningkat sebanyak 17.8% pada tahun 2003 (+10.2% pada tahun 2002), mencerminkan terutamanya prestasi kewangan yang bertambah baik dalam institusi perbankan.

Kenaikan dalam jumlah sumber sistem kewangan pada tahun 2003 sebahagian besarnya digunakan untuk pemberian pinjaman dan pendahuluan serta pelaburan dalam sekuriti. Pinjaman dan pendahuluan meningkat sebanyak RM40.4 bilion atau 7.2% pada

Jadual 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2003*a*
	2002	2003*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	16.1	37.3	355.2
Syarikat kewangan	3.0	0.2	64.0
Bank saudagar	0.2	2.4	13.9
Syarikat diskaun	3.2	2.3	10.7
Bank Simpanan Nasional	0.7	0.2	8.3
Lain-lain[4]	0.1	16.3	52.7
Jumlah	**23.3**	**58.7**	**504.8**
Deposit permintaan	5.9	13.5	77.5
Deposit tetap	9.5	34.3	329.7
di antaranya:			
Sehingga 1 tahun	*15.5*	*33.1*	*278.6*
Lebih daripada 1 tahun	*-6.0*	*1.2*	*51.1*
Deposit tabungan	5.8	4.5	68.6
IDB[5]	0.5	0.3	2.6
Repo[6]	1.6	6.1	26.4

1 Merujuk kepada deposit perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu.
2 Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan insurans, serta unit amanah.
3 Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
4 Termasuk institusi kewangan pembangunan, pertubuhan-pertubuhan koperasi dan institusi kredit perumahan.
5 Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
6 Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

Jadual 4.4
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan


	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2003*a*
	2002	2003*a*	
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**20.8**	**30.1**	**562.0**
Pertanian	0.0	-0.7	13.3
Perlombongan dan kuari	-0.2	0.1	1.1
Perkilangan	0.1	0.1	55.0
Pembinaan dan harta tanah	-1.5	4.4	80.9
Pembelian harta kediaman	17.1	16.8	147.8
Perdagangan runcit dan borong, hotel dan restoran	2.3	-0.3	21.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1.3	0.5	14.7
Perkhidmatan perniagaan	-2.6	1.7	21.6
Kredit penggunaan	0.1	10.1	96.4
Pembelian saham	0.1	-1.7	19.3
Lain-lain	4.1	-0.9	90.9
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**48.1**	**-16.8**	**240.1**
Jumlah	**68.9**	**13.3**	**802.1**

1 Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.
a Awalan

tahun 2003 (RM35.2 bilion atau 6.7% pada tahun 2002). Perkembangan ini adalah disebabkan oleh permintaan yang meningkat daripada sektor isi rumah seperti yang dicerminkan oleh permintaan pinjaman yang lebih tinggi bagi pembelian rumah kediaman dan kredit penggunaan. Di samping itu, pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga adalah lebih tinggi pada tahun 2003 dengan pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 10% pada asas tahunan, iaitu pertumbuhan tertinggi yang dicatatkan semenjak bulan Julai 2001.


Pelaburan dalam sekuriti oleh sistem kewangan terus meningkat pada tahun 2003, mencatatkan kenaikan ketara sebanyak 15% pada tahun 2003 (7.5% pada tahun 2002). Sebahagian besar peningkatan adalah dalam ekuiti dan mencerminkan keyakinan dan peluang bagi pulangan yang tinggi dalam pasaran ekuiti. Kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans terus menjadi pelabur utama dalam sekuriti, mencakupi 51.4% daripada peningkatan dalam pelaburan sekuriti. Sementara itu, pemegangan kasar

Graf 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2003*a* (% bahagian)



a Awalan

Graf 4.4
Haluan Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2003*a* (% bahagian)



a Awalan

emas dan rizab pertukaran asing juga mencatatkan kenaikan yang ketara sebanyak RM38.6 bilion atau 30.3% pada tahun 2003 (RM14 bilion atau 12.3% pada tahun 2002). Ini disebabkan aliran masuk pertukaran asing yang lebih besar yang dihasilkan oleh lebihan dagangan yang besar, aliran masuk modal jangka pendek dan panjang, dan keuntungan penilaian semula belum terealisasi ke atas rizab.

PENGURUSAN SISTEM PERBANKAN

Dasar perbankan pada tahun 2003 terus menjurus ke arah mempertingkatkan tahap kecekapan dan daya saing institusi-institusi perbankan dalam negeri serta mengukuhkan daya tahan sistem perbankan untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Dasar yang dilaksanakan pada tahun-tahun lepas untuk menstruktur semula serta mengukuhkan sistem perbankan, di samping prestasi ekonomi yang lebih kukuh, telah menyumbang kepada pengukuhan sistem perbankan pada tahun 2003. Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan kekal pada tahap melebihi 13% sepanjang tahun 2003, manakala pinjaman tidak berbayar terus menurun. Ini membolehkan sistem perbankan menyokong aktiviti ekonomi dengan berkesan. Jumlah kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat sebanyak 11.2% dan 7.2%, manakala jumlah pinjaman berkembang sebanyak 4.8% pada tahun 2003. Pada keseluruhannya, jumlah pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan menerusi pemberian pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta meningkat pada kadar tahunan 5.9%.

Penamatan penstrukturan semula sektor kewangan dan kekukuhan kunci kira-kira membolehkan institusi-institusi perbankan mengalih perhatian kepada langkah-langkah meningkatkan kecekapan operasi dan memenuhi cita rasa pelanggan. Sehubungan ini, dasar perbankan tahun 2003 disasarkan kepada usaha mengukuhkan asas-asas dan persekitaran bagi menggalakkan institusi perbankan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dengan cekap, lebih berinovasi di samping mengekalkan kestabilan kewangan. Satu strategi penting ialah memastikan sistem perbankan terus kekal sebagai pendorong pertumbuhan, terutama sekali dalam menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan sampingan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dasar perbankan tahun 2003 menjurus kepada pengukuhan asas-asas dan persekitaran bagi institusi perbankan menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti secara cekap, menggalakkan inovasi serta mengekalkan kestabilan kewangan.

Kemajuan Penstrukturan Semula Sektor Kewangan

Penstrukturan semula sektor kewangan yang bermula sejak krisis kewangan Asia pada dasarnya sudah selesai. Selepas pembubaran Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat pada bulan Ogos 2002, satu lagi mercu pencapaian proses penstrukturan semula sektor kewangan pada tahun 2003 ialah penamatan operasi Danamodal Nasional Berhad pada 31 Disember 2003, iaitu lima tahun selepas ia ditubuhkan pada tahun 1998. Sepanjang beroperasi, Danamodal menyuntik sebanyak RM7.1 bilion ke dalam 10 buah institusi perbankan yang terjejas akibat daripada krisis kewangan Asia, jauh lebih rendah daripada belanjawan awal sebanyak RM16 bilion. Danamodal telah memperolehi semula RM6.1 bilion daripada pelaburan modal ini, manakala baki sebanyak RM1 bilion yang disuntik di sebuah lagi institusi dijangka akan dilepaskan sepenuhnya pada tahun 2004. Sebelum penamatan operasinya, Danamodal telah menebus balik keseluruhan bon 5 tahun tanpa kupon yang berjumlah RM11 bilion pada 21 Oktober 2003. Pada akhir tahun 2003, baki aset yang masih dipegang oleh Danamodal berjumlah RM2.2 bilion.

Penubuhan Danamodal yang tepat pada masanya telah memastikan kejayaan keseluruhan penyelesaian masalah sektor perbankan akibat daripada krisis kewangan Asia. Suntikan dana oleh Danamodal telah meningkatkan modal institusi perbankan yang lemah tetapi masih berdaya maju. Dengan kedudukan modal yang lebih baik serta rombakan operasi dalaman masing-masing, institusi-institusi terlibat telah dapat meneruskan semula aktiviti pemberian pinjaman mereka. Tindakan awal Danamodal dan pematuhan sepenuhnya kepada amalan prinsip "kerugian pertama" di mana pemegang-pemegang saham menyerap semua kerugian sebelum suntikan modal, telah mengawal kos program permodalan semula di tahap yang rendah iaitu sebanyak kira-kira 0.2% daripada KDNK.

Danaharta, yang menamatkan aktiviti pembelian pinjaman tidak berbayar (NPL) sektor kewangan pada tahun 2001, telah mencapai kemajuan ketara dalam operasi pemulihannya. Sepanjang operasinya, Danaharta dijangka dapat mengutip kembali RM30.6 bilion daripada nilai hak pinjaman diperoleh terlaras berjumlah RM52.4 bilion dalam portfolionya, iaitu bersamaan dengan kadar pemulihan jangkaan keseluruhan sebanyak 58%. Setakat akhir tahun 2003, Danaharta telah menerima pemulihan berjumlah RM22.4 bilion

Jadual 4.5
Danaharta: Pemulihan Pinjaman setakat 31 Disember 2003

	Hak pinjaman diambil alih terlaras[1] (RM bilion)		Kadar pemulihan dijangka (%)	
	NPL yang diambil alih	NPL yang diuruskan	NPL yang diambil alih	NPL yang diuruskan
Penstrukturan pinjaman biasa	2.2	5.5	62	87
Penyelesaian hutang	2.7	6.7	89	78
Skim penyusunan	2.9	6.9	66	77
Skim di bawah Pentadbir Khas	2.5	2.9	51	35
Perampasan dan penjualan	9.9	4.5	28	46
Lain-lain	1.7	3.0	60	53
Tindakan undang-undang	0.2	1.0	-	-
Jumlah	**21.9**	**30.5**	**49**	**66**
Jumlah keseluruhan	**52.4**		**58**	

[1] Merangkumi jumlah hak pinjaman yang diambil alih sebanyak RM47.7 bilion dan faedah tertunggak sebanyak RM4.7 bilion.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

(kira-kira 73% daripada RM30.6 bilion), dengan RM19 bilion telah ditukar ke dalam bentuk wang tunai dan bakinya dalam bentuk pinjaman yang disusun semula, sekuriti dan hartanah. Baki jangkaan pemulihan berjumlah RM8.2 bilion masih di pelbagai peringkat pemulihan. Pada tahun 2003, Danaharta telah mengagihkan secara kumulatif hasil pemulihan berjumlah RM13.4 bilion dalam bentuk wang tunai dan 66,472,441 unit sekuriti kepada Kerajaan dan 36 buah institusi kewangan. Agihan pemulihan kepada institusi-institusi kewangan dibuat menurut perjanjian perkongsian lebihan hasil daripada usaha pemulihan pada nisbah 80:20 antara institusi kewangan dan Danaharta.

Dengan kejayaan yang dicapai dan kadar pemulihan yang memberangsangkan, Danaharta telah membayar balik pinjaman berjumlah RM1.3 bilion dengan Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada bulan Jun 2003, iaitu lebih awal daripada rancangan asal. Di samping itu, Danaharta berjaya menebus dua tranche pertama bon tanpa kupon dengan jumlah nilai muka sebanyak RM2.6 bilion pada 31 Disember 2003. Baki 13 tranche bon dengan nilai muka sebanyak RM8.5 bilion akan matang pada setiap suku tahun yang berikutnya sehingga 31 Mac 2005. Setakat akhir tahun 2003, Danaharta mempunyai aset dalam bentuk wang tunai dan kesetaraan wang tunai sebanyak RM5.9 bilion. Berdasarkan kedudukan kewangan terkini dan pemulihan NPL yang akan dikutip, Danaharta yakin ia mampu menebus baki bon berjumlah RM8.5 bilion tanpa perlu menggunakan jaminan Kerajaan.

Tumpuan Dasar pada Tahun 2003

Tumpuan utama dasar perbankan pada tahun 2003 ialah kesinambungan usaha memperkukuhkan kebolehan dan keupayaan institusi-institusi perbankan domestik. Usaha mempertingkatkan kecekapan dan daya saing institusi-institusi perbankan domestik khususnya dipergiatkan sepanjang tahun 2003 dengan fokus utama bagi memperkukuhkan sumber manusia dalam institusi-institusi perbankan. Inisiatif ini dilengkapi dengan langkah-langkah bagi mengekalkan kestabilan kewangan.

Memandangkan pemberian pembiayaan adalah penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berpanjangan dan seimbang, tumpuan utama dasar pada tahun 2003 juga adalah untuk memastikan kesemua sektor ekonomi terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi dan berterusan. Untuk tujuan ini, tumpuan dasar menjurus kepada usaha memudahkan akses kredit melalui pembangunan infrastruktur kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan pelbagai sektor ekonomi, terutamanya sektor PKS yang berperanan penting menjana pelaburan dan pertumbuhan dalam negeri. Di samping itu, satu program pembiayaan mikro dengan jangkauan yang meluas untuk perusahaan mikro diwujudkan pada tahun ini.

Pasaran kewangan dan produk yang kini semakin canggih memerlukan pengguna mempunyai kesedaran dan pemahaman yang lebih tinggi mengenai produk dan perkhidmatan sektor perbankan bagi membolehkan mereka membuat keputusan kewangan yang bernas. Sehubungan ini, rangka kerja kesedaran dan perlindungan pengguna telah diperkukuhkan pada tahun 2003. Usaha ini bertujuan menyediakan asas-asas untuk persekitaran operasi yang lebih kompetitif dengan pengguna dalam sektor perbankan boleh membuat keputusan yang bernas dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang telah dibuat.

Meningkatkan Kapasiti Dalam Negeri

Dalam persekitaran yang kian kompetitif, institusi perbankan perlu peka dan memahami pemacu-pemacu prestasi bagi memenuhi kehendak pengguna dengan cekap dan berkesan. Lebih penting lagi, sistem perbankan perlu berada pada kedudukan yang baik untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan untuk memanfaatkan ekonomi secara menyeluruh. Berasaskan objektif ini, Bank Negara Malaysia terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan keupayaan institusi perbankan domestik serta kecekapan sistem perbankan secara menyeluruh. Selepas tiga tahun berlalu, usaha mempertingkatkan keupayaan institusi perbankan domestik telah menghasilkan kesan positif dengan peningkatan bukan sahaja dari segi prestasi kewangan tetapi, tidak kurang pentingnya, peningkatan dari segi kualiti perkhidmatan dan daya inovasi ke atas produk di samping menambah penggunaaan teknologi dalam penghantaran produk dan pengurusan risiko.

Bagi mengukur tahap kualiti perkhidmatan institusi perbankan, Bank Negara Malaysia telah melancarkan satu program 4 tahun untuk menilai keperluan, jangkaan dan tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan dan syarikat insurans. Sebagai sebahagian daripada program ini, satu kaji selidik telah dijalankan pada tahun 2003 meliputi seluruh negara melibatkan 5,000 pelanggan institusi perbankan dan syarikat insurans yang terdiri daripada individu, PKS, syarikat korporat bersaiz besar dan multinasional. Kaji selidik tersebut merangkumi pelbagai aspek produk dan perkhidmatan institusi perbankan, termasuk perbankan konvensional dan Islam, serta produk dan perkhidmatan syarikat insurans dan takaful. Proses menganalisis kaji selidik akan memberi gambaran ringkas mengenai tahap keperluan dan kepuasan pelanggan serta mengenal pasti bidang yang boleh dimajukan bagi tujuan meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan dalam sektor perbankan dan syarikat insurans.

Kumpulan institusi perbankan domestik juga kini memberi tumpuan pada usaha memaksimumkan manfaat penggabungan, khususnya melalui rasionalisasi dan penyusunan semula operasi dalaman serta meningkatkan kecekapan operasi mereka. Ini telah membolehkan institusi perbankan di bawah satu bumbung menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan yang lebih luas bagi memenuhi keperluan pengguna. Untuk tujuan ini, satu langkah penting yang diambil pada tahun 2003 ialah pindaan kepada Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang membenarkan bank perdagangan dan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan domestik yang sama bergabung menjadi satu entiti tunggal. Entiti ini akan memegang dua jenis lesen, iaitu satu untuk menjalankan perniagaan bank perdagangan dan satu lagi untuk menjalankan perniagaan syarikat

kewangan. Perubahan dalam rangka kerja undang-undang ini memberi peluang kepada kumpulan perbankan memperkukuhkan struktur kumpulan dan merasionalisasikan operasi mereka, sekali gus mempertingkatkan kecekapan mereka.

Sebagai penyedia perkhidmatan, institusi perbankan amat bergantung kepada modal intelektual manusia. Di peringkat tertinggi pengurusan, pengurus-pengurus kanan yang berkemahiran tinggi adalah penting untuk memacu strategi dan meletakkan institusi perbankan pada kedudukan baik bagi memaksimumkan peluang daripada persekitaran kewangan yang sentiasa berubah. Pada masa yang sama, kakitangan yang mempunyai kemahiran yang sesuai juga diperlukan di kesemua peringkat bagi melaksanakan strategi perniagaan, di samping merealisasikan proses dan sistem perniagaan yang lebih baik. Memandangkan persekitaran perniagaan dan permintaan pengguna yang sering berubah, peningkatan kemahiran kakitangan institusi perbankan secara berterusan adalah penting. Menyedari hakikat ini, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan dua langkah penting bagi menyediakan saluran pembelajaran secara berterusan yang boleh digunakan oleh institusi-institusi perbankan untuk memperkukuhkan kemahiran kakitangan mereka. Penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) bertujuan mencapai objektif mempercepatkan pembentukan pemimpin-pemimpin institusi perbankan yang mahir. Untuk tujuan ini, ICLIF akan bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian antarabangsa yang terkemuka dalam bidang perniagaan dan institusi-institusi terulung bagi menyediakan program-program pengurusan eksekutif khususnya kepada pembangunan kecekapan kepimpinan dan pemimpin-pemimpin dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Tidak kurang pentingnya adalah keperluan menyediakan saluran bagi mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran kakitangan di pelbagai peringkat lain dalam menghadapi keadaan pasaran kewangan yang sering berubah. Kakitangan institusi perbankan semakin memerlukan kemahiran khusus, terutamanya dalam bidang pengurusan risiko, penilaian kredit dan pembangunan sistem. Untuk tujuan ini, usaha telah dimulakan untuk menukar peranan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) untuk memenuhi keperluan pembelajaran tenaga pengurusan di peringkat pertengahan, serta kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif. Di samping itu, IBBM, sebagai pemberi khidmat latihan, berhasrat untuk melengkapi institut-institut bertaraf profesional, universiti-universiti dan syarikat perunding pengurusan. Oleh itu, untuk terus kekal berkesan sebagai pemberi khidmat latihan utama bagi sektor kewangan, IBBM menumpukan perhatian pada dua bidang yang luas. Pertama, penawaran latihan dan akreditasi yang lebih fokus, terutamanya dalam bidang-bidang khusus. Kedua, berfungsi sebagai perunding latihan yang berkesan kepada institusi perbankan. Untuk merealisasikan hasrat ini, IBBM telah merumus beberapa strategi, termasuklah merumus portfolio baru bagi latihan dan kelayakan, memperkukuhkan struktur dalaman untuk mendokong keperluan masa depan dan meningkatkan keupayaan untuk menawarkan kursus-kursus yang khusus.

Satu lagi inisiatif yang diambil untuk memperkukuhkan institusi perbankan ialah penubuhan bank-bank pelaburan. Cadangan-cadangan dasar telah dibuat bertujuan meletakkan institusi baru ini pada kedudukan yang lebih kukuh dan kompetitif berbanding dengan institusi-institusi di peringkat serantau dan global. Pada masa yang sama, satu rangka kerja pengawalseliaan berhemat sedang dirumus dengan mengambil kira peraturan-peraturan sedia ada, ciri-ciri berlainan yang terdapat pada institusi baru ini dan rangka kerja pengawalseliaan di peringkat antarabangsa bagi institusi-institusi yang setanding. Ini termasuklah struktur yang difikirkan sesuai untuk bank pelaburan dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan. Dalam hal ini, satu isu penting adalah untuk merumus rangka kerja modal dan mudah tunai yang sesuai dan yang dapat menyatukan kaedah-kaedah pengukuran risiko di bawah rangka kerja yang sedia ada. Rangka kerja modal dan mudah tunai ini sedang dirumuskan untuk mencerminkan dengan tepat jenis-jenis risiko yang diambil oleh institusi baru tersebut supaya ia menunjukkan tahap sebenar kesolvenan dan risiko yang diambil oleh bank pelaburan.

Memastikan Akses Pembiayaan yang Berterusan

Dengan tumpuan dasar menjurus ke arah menjana pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber dalam negeri, akses pembiayaan adalah kritikal bagi menggalak dan mengekalkan penggunaan dan pelaburan sektor swasta. Memandangkan sistem perbankan kekal sebagai penyumbang utama dana kepada ekonomi, langkah dasar sepanjang tahun menjurus kepada usaha memastikan aktiviti pemberian pinjaman sistem perbankan menyokong pertumbuhan ekonomi serta menggalakkan akses

Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa

Sektor kewangan memainkan peranan yang penting bagi menggalakkan pertumbuhan dan transformasi ekonomi ke arah struktur ekonomi yang lebih pelbagai. Hasrat ini menjadi teras utama Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), iaitu pelan 10 tahun yang dilancarkan pada tahun 2001 untuk membangunkan sektor kewangan yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan dinamik dengan amalan terbaik yang menyokong dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi. Dalam fasa pertama PISK usaha-usaha ditumpukan kepada meningkatkan kemampuan dan keupayaan institusi kewangan domestik bagi menghadapi suasana ekonomi dan kewangan yang sentiasa berubah dan lebih mencabar. Ini amat penting bagi memastikan institusi kewangan domestik menjadi lebih inovatif, berorientasikan teknologi dan lebih fokus dari segi strategi serta berupaya untuk bersaing secara berkesan dan cekap. Ini akan, memastikan ia terus relevan dan dapat memenuhi keperluan ekonomi yang sentiasa berubah.

Dengan sektor perkhidmatan kewangan yang kian bertambah kompleks dan lebih berdaya saing, institusi kewangan perlu melakukan pengubahsuaian untuk menjadi lebih produktif dan inovatif dalam memenuhi permintaan yang lebih tinggi oleh perniagaan dan individu dan mengekalkan daya saing mereka . Oleh yang demikian, kualiti sumber manusia dan kemampuan kepimpinan dalam sektor kewangan menjadi bertambah penting bagi menentukan kejayaan institusi kewangan ini. Pada masa ini, keperluan latihan untuk pengurusan pertengahan dan kakitangan bagi institusi kewangan telah disediakan oleh institusi pendidikan seperti Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan *Malaysian Insurance Institute* (MII). Bagi melengkapi institusi ini, adalah amat perlu untuk diwujudkan saluran bagi membolehkan para pemimpin dan pengurusan kanan institusi kewangan menjalani latihan secara berterusan, khususnya dalam pengurusan strategik dan kepimpinan, sekali gus mengemudi hala tuju strategik institusi mereka dan menjadikan institusi tersebut sebagai organisasi yang cemerlang. Dalam hal ini, kemahiran kepimpinan memerlukan pembelajaran yang berterusan dalam menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah. Ini termasuk mewujudkan budaya mencapai prestasi tinggi dalam organisasi untuk membawa institusi ke arah kecemerlangan dan menyumbang ke arah pertumbuhan jangka panjang institusi dan sektor kewangan secara keseluruhan. Pemimpin perlu berupaya mengenal pasti dan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan memaksimumkan peluang yang timbul daripada persekitaran yang sentiasa berubah. Motivasi inilah yang mendorong pembangunan infrastruktur latihan pada peringkat tinggi untuk pengurusan atasan organisasi. Ini bagi melahirkan sekelompok pengurusan atasan yang berkualiti tinggi dalam sektor kewangan dan korporat.

Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dengan matlamat menyediakan pendekatan yang fokus dan terancang untuk melahirkan pemimpin yang bertaraf dunia dalam sektor kewangan dan perniagaan di Malaysia dan di rantau ini. ICLIF secara rasminya dilancarkan pada 28 Oktober 2003 dan ditubuhkan sebagai sebuah syarikat tanggungan terhad menurut jaminan dengan peruntukan dana sebanyak RM500 juta (AS$132 juta). Pendapatan yang dihasilkan daripada dana ini akan digunakan untuk membiayai operasi ICLIF. Penubuhan ICLIF merupakan salah satu daripada sumbangan Bank Negara Malaysia dalam menyediakan saluran untuk pihak pengurusan atasan institusi kewangan dan korporat bagi meneruskan pembelajaran sambil berpeluang menjalin rangkaian hubungan dan bertukar-tukar pengalaman serta mampu membentuk hubungan alumni yang mantap. Sehubungan itu, ICLIF diberi mandat untuk membentuk kecemerlangan pemimpin yang berwawasan serantau dengan menyediakan peluang pembelajaran dan pengalaman melalui program pembangunan yang berkesan. ICLIF juga berusaha memenuhi keperluan institusi kewangan di rantau ini dan seterusnya, melengkapkan usaha mempromosikan Malaysia sebagai pusat latihan kecemerlangan serantau bagi sektor perkhidmatan kewangan.

Bagi mencapai matlamat mempercepatkan pembangunan modal intelek dan keupayaan pengurusan kanan institusi kewangan dan korporat, ICLIF menguna pakai pendekatan pelbagai disiplin dengan menawarkan program dalam pengurusan strategik dan program yang relevan yang meliputi keseluruhan industri perkhidmatan kewangan termasuk industri perbankan, insurans dan kewangan Islam. ICLIF berhasrat mengambil pendekatan yang proaktif dengan mengenal pasti keperluan industri yang akan

digunakan sebagai input untuk merangka programnya. Program ICLIF terbahagi kepada tiga kategori utama:

- Program pengurusan eksekutif yang terancang dalam bidang pengurusan strategik, pengurusan pelanggan dan pemasaran, pengurusan sumber manusia, pengurusan teknologi perniagaan dan pengetahuan serta pengurusan risiko;
- Menganjurkan seminar dan bengkel tentang isu-isu semasa di samping menyediakan platform bagi pihak pengurusan atasan industri kewangan dan korporat, pengawalselia dan ahli-ahli akademik untuk berbincang mengenai isu-isu ekonomi dan kewangan semasa; dan
- Program khusus dalam perkhidmatan kewangan Islam dan bidang kepakaran lain.

Satu ciri ICLIF yang ketara adalah hubungan strategiknya dengan institusi pengajian perniagaan antarabangsa. Ini membolehkan ICLIF menyediakan program yang sesuai dalam konteks serantau dan dapat memenuhi keperluan industri kewangan dan korporat. Dengan perkongsian strategik ini juga, ICLIF serta beberapa buah institusi pengajian perniagaan antarabangsa telah bersetuju merangka dan memulakan program pengurusan eksekutif yang berstruktur di ICLIF. Dalam hal ini, rakan kongsi strategik menyediakan tenaga pengajar, sementara ICLIF menyediakan insfrastruktur dan kemudahan yang perlu. Pendekatan ini akan membolehkan peserta mengikuti program pengurusan yang berkualiti tinggi dengan kos yang berpatutan. Ini memberi peluang yang lebih besar kepada pemimpin dalam sektor kewangan dan korporat mendapat manfaat daripada perkongsian pengetahuan dan rangkaian hubungan yang bertaraf antarabangsa.

Bagi mencapai objektif tersebut, ICLIF merangka satu model kompetensi kepimpinan yang unik bagi menganalisis dan memahami syarat yang diperlukan untuk melahirkan pemimpin korporat yang cemerlang dalam konteks serantau. Segala kemahiran dan kebolehan ini digunakan sebagai asas dalam merangka kursus dan program latihan kepimpinan untuk ICLIF. Antara program-program yang telah diatur adalah Program Pembangunan Kepimpinan Global (GLDP), yang merupakan program terulung ICLIF. GLDP adalah satu program latihan eksekutif yang unggul dan diselia oleh fakulti yang terdiri daripada pakar runding dan para ilmuan institusi pendidikan utama. Ini membolehkan ICLIF menggabungkan idea dan pendapat terbaik dalam berbagai isu dan masalah kepimpinan. Antara institusi dan pakar runding yang terlibat adalah Peter F. Drucker Graduate School of Management-Claremont Graduate University, Marshall School of Business University of Southern California, Stanford Graduate School of Business dan Towers Perrins. GLDP memberi penekanan yang khusus dalam melahirkan pemimpin yang berkaliber dalam industri kewangan dan korporat dengan menggabungkan penggunaan teori dan praktikal dalam membentuk teknik-teknik kepimpinan. Program ini juga berperanan memberi peluang kepada peserta untuk memperluaskan hubungan kerja dan berkongsi pendapat serta berbincang dengan pemimpin organisasi lain. GLDP akan diadakan dua kali setahun dan terbahagi kepada tiga bahagian, dengan bahagian I dan II diadakan di Malaysia manakala bahagian III merangkumi program khusus selama dua minggu di institusi-institusi pengajian dan organisasi korporat yang terbaik di Amerika Syarikat. GLDP yang pertama telah diadakan pada 9 hingga 13 Februari 2004, dan telah dihadiri oleh 20 pegawai pengurusan atasan daripada institusi kewangan dan korporat dari Malaysia dan rantau ini.

ICLIF diuruskan oleh Lembaga Pengarah tersendiri yang dipengerusikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia. ICLIF juga menerima tunjuk arah daripada Majlis Penasihat yang terdiri daripada individu-individu yang berkarisma, terkemuka dan dikenali dari dalam dan luar negara. Ini bertujuan untuk menyediakan hala tuju yang strategik dalam merangka program latihan yang berkualiti, dan mengkaji keperluan latihan sektor perkhidmatan kewangan dan korporat di rantau ini bagi memenuhi objektif ICLIF.

Penubuhan ICLIF bertujuan menekankan bahawa pelaburan dalam sumber manusia, terutamanya dalam melahirkan kecemerlangan kepimpinan, adalah proses yang berterusan dalam persekitaran yang dinamik. ICLIF akan menumpukan perhatian khusus dalam memberikan sumbangan positif bagi melahirkan pemimpin yang cemerlang, dan seterusnya menjadi sebuah pusat kepimpinan yang cemerlang dalam bidang kewangan di rantau ini.

pembiayaan oleh semua sektor ekonomi. Sememangnya, permintaan yang meningkat untuk pinjaman daripada golongan isi rumah dan perniagaan, yang didorong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah dan prospek ekonomi yang bertambah baik, telah dipenuhi oleh institusi perbankan dengan berkesan.

Terdapat anjakan ketara dalam arah aliran pemberian pinjaman oleh institusi perbankan kepada sektor isi rumah dan perniagaan kecil-kecilan. Mengikut pecahan pemberian pinjaman, bahagian yang dicakupi oleh sektor isi rumah meningkat daripada 33.4% pada akhir tahun 1997 kepada 48.7% pada akhir tahun 2003. Anjakan dalam aliran pemberian pinjaman ini telah menyokong pertumbuhan penggunaan persendirian dan memberi kesan limpahan positif kepada sektor-sektor ekonomi yang lain. Dari perspektif kestabilan kewangan, anjakan ke arah pinjaman bernilai rendah dan berjumlah tinggi juga meluaskan agihan risiko kredit dalam sistem perbankan, sekali gus mengurangkan kemungkinan berlaku kerugian besar akibat kegagalan segelintir peminjam besar. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia sedar bahawa peningkatan berterusan hutang isi rumah tanpa disokong oleh peningkatan tahap pendapatan isi rumah boleh menjejas keupayaan sektor isi rumah membayar balik hutang, lantas menggugat kestabilan sistem perbankan. Bank Negara Malaysia mempunyai satu mekanisme pengawasan untuk memantau pendedahan sistem perbankan kepada sektor isi rumah dan keupayaan pembayaran hutang sektor isi rumah. Setakat ini, pendedahan kepada sektor isi rumah kekal di tahap berhemat. Dengan paras pendapatan yang meningkat, sektor isi rumah di Malaysia terus mempertingkatkan tabungan kewangan bersih seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan pengumpulan deposit berbanding dengan pengumpulan hutang. Di samping itu, sungguhpun terdapat kenaikan pada tahap NPL sektor isi rumah, nisbah NPL masih di tahap terurus. Tidak kurang pentingnya ialah kebolehan institusi perbankan dalam menguruskan risiko-risiko ini. Semenjak krisis kewangan, institusi perbankan telah memperkukuhkan infrastruktur dan keupayaan pengurusan risiko mereka supaya lebih bersedia untuk mengendalikan profil risiko aset yang sentiasa berubah. Usaha ini diperkukuhkan dengan terdapatnya maklumat kredit yang lengkap, baik positif mahupun negatif, bagi semua peminjam dalam sistem perbankan berasaskan masa benar melalui Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit.

Selaras dengan keutamaan dasar untuk memperkukuhkan sokongan kepada sektor PKS bagi merangsang sumber pertumbuhan dalaman, tumpuan khusus diberi terhadap usaha meningkatkan akses pembiayaan bagi sektor PKS. Walaupun pelbagai skim pembiayaan telah diwujudkan oleh kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi, tahap kesedaran PKS tentang kewujudan skim-skim tersebut ternyata rendah. Bagi mengatasinya, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Unit Khas PKS pada bulan Mei 2003 untuk membantu PKS mendapat maklumat tentang pelbagai skim pembiayaan yang disediakan untuk mereka, dan juga untuk memberi khidmat nasihat kewangan. Selain itu, Unit Khas PKS turut membantu PKS dalam proses permohonan pinjaman. Pada akhir tahun 2003, Unit ini menerima 1,789 pertanyaan daripada PKS, dengan 82% adalah pertanyaan mengenai sumber pembiayaan, manakala bakinya adalah berkaitan dengan masalah kesukaran mendapat pinjaman dan permintaan untuk menstruktur semula pinjaman. Sungguhpun Unit ini mencuba sedaya upaya membantu PKS yang berdaya maju, pihak PKS sendiri perlu memastikan bahawa rekod kewangan disimpan dengan memuaskan bagi memudahkan proses ini.

Bagi merangsang sumber pertumbuhan dalaman, usaha tertumpu pada peningkatan akses sektor PKS kepada pembiayaan.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh PKS ialah NPL sedia ada yang menyebabkan mereka sukar mendapat pinjaman baru walaupun perniagaan masih beroperasi dan berdaya maju. Oleh itu, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan satu mekanisme penyelesaian hutang kecil pada bulan Oktober 2003 bagi membantu PKS berdaya maju yang dibelenggu oleh NPL dengan menstruktur semula pinjaman dengan institusi terlibat. Sebuah Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil telah diwujudkan untuk membuat penilaian bebas mengenai daya maju perniagaan serta mencadangkan penstrukturan semula pinjaman dan keperluan pembiayaan baru untuk PKS yang terlibat. Mekanisme ini terbuka kepada PKS yang perniagaannya masih beroperasi yang mempunyai agregat NPL tidak melebihi RM3 juta.

Memandangkan penstrukturan semula NPL ini mungkin melibatkan pembiayaan baru, Bank Negara Malaysia turut mewujudkan Dana Pemulihan untuk Perniagaan Kecil dengan peruntukan sebanyak RM800 juta.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan akses pembiayaan, dana untuk Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2), telah dipertingkatkan. Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM1.35 bilion bagi TIKS2 dan RM650 juta bagi TUB2. Kesannya, jumlah peruntukan di bawah kedua-dua Tabung ini masing-masing meningkat kepada RM2 bilion dan RM1.15 bilion. Selain daripada mewujudkan dana-dana khas, Bank Negara Malaysia juga menghendaki institusi perbankan menetapkan sasaran pemberian pinjaman kepada PKS. Sekiranya sasaran institusi dianggap kurang memuaskan, sasaran yang sewajarnya telah dikenakan.

Di samping itu, pelbagai inisiatif juga diambil oleh institusi perbankan untuk membantu PKS mendapat pembiayaan. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah menubuhkan unit khas PKS, menyediakan khidmat nasihat kewangan dan memaparkan piagam pelanggan. Pemaparan piagam pelanggan oleh semua institusi perbankan melicinkan lagi proses meluluskan pinjaman dengan memaklumkan dokumen penting yang perlu dikemukakan kepada institusi perbankan untuk menyokong permohonan pinjaman, kriteria kelayakan, definisi daya maju projek dan tempoh yang diambil oleh institusi perbankan untuk memproses permohonan pinjaman. Institusi perbankan juga dikehendaki memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab pinjaman ditolak. Bank Negara Malaysia memantau pematuhan piagam pelanggan melalui proses pemeriksaan di premis.

Penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang tidak dijangka pada awal tahun 2003 memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan dan sektor yang berkaitan. Dua langkah khusus telah diperkenalkan bagi memberi bantuan dan meringankan beban kewangan perniagaan yang terlibat, serta pekerja-pekerja mereka. Kemudahan Jaminan Khas berjumlah RM1 bilion diwujudkan pada bulan Mei 2003 bagi meringankan masalah aliran wang tunai yang dihadapi oleh perniagaan yang terjejas secara langsung oleh wabak SARS. Di bawah skim ini, perniagaan terlibat boleh memperolehi pinjaman modal kerja daripada institusi perbankan sehingga agregat RM2.5 juta pada kadar faedah rendah. Di samping itu, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad memberi kemudahan jaminan sehingga 80% kepada pinjaman-pinjaman tersebut. Institusi perbankan turut menyediakan bantuan kewangan kepada peminjam dalam industri yang terjejas akibat SARS dalam bentuk penstrukturan semula atau penjadualan semula untuk semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit. Bagi pekerja-pekerja yang gaji mereka telah dipotong oleh majikan masing-masing, institusi perbankan menawarkan bentuk bantuan kewangan yang sama bagi pinjaman perumahan mereka.

Satu inisiatif penting yang diambil pada tahun 2003 ialah mengukuhkan infrastruktur dan pengaturan institusi sedia ada untuk memanjangkan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada perusahaan mikro. Pada bulan Februari 2003, Bank Negara Malaysia telah mencadangkan untuk memanfaatkan rangkaian cawangan luas Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia bagi menyediakan pembiayaan mikro. Bagi menyerap amalan-amalan terbaik dan kemahiran yang diperlukan dalam institusi kewangan pembangunan tersebut dalam memberi pembiayaan mikro, inisiatif telah diambil bagi membangunkan produk kewangan mikro, mengadakan manual dan sistem operasi, di samping menganjurkan program latihan untuk pegawai pinjaman dan pengurus cawangan. Sementara itu, dalam usaha mempromosikan kredit mikro, Kerajaan memperuntukkan RM1 bilion, yang disalurkan menerusi Bank Pertanian Malaysia (RM500 juta), Bank Simpanan Nasional (RM300 juta) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (RM200 juta). Berikutan sambutan yang memberangsangkan daripada perusahaan mikro, Kerajaan mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion kepada Bank Pertanian Malaysia dan Bank Simpanan Nasional dalam Bajet 2004 bagi membiayai aktiviti perusahaan mikro. Bank Negara Malaysia juga bekerjasama dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Jabatan Pembangunan Koperasi bagi mengukuhkan pergerakan koperasi sebagai potensi sumber kewangan yang penting untuk perusahaan mikro dan golongan berpendapatan rendah. Usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi meningkatkan rangka kerja pengawalseliaan bagi koperasi untuk mencapai objektif ini.

Menggalakkan Konsumerisme yang Aktif

Satu aspek penting dalam peralihan ke arah sistem kewangan yang lebih berorientasikan pasaran ialah menggalakkan konsumerisme yang aktif. Pengguna boleh menjadi elemen penting untuk memacu pencapaian dan kecekapan institusi-institusi perbankan. Untuk ini, pengguna perlulah lebih arif tentang pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, serta skop bagi hak-hak dan tanggungjawab mereka. Pada masa yang sama, saluran yang efektif perlu wujud supaya pengguna mendapat perlindungan dan pembelaan. Usaha-usaha sepanjang tahun terus tertumpu ke arah peningkatan kesedaran pengguna dan pengukuhan infrastruktur perlindungan pengguna, termasuk memastikan akses perkhidmatan perbankan pada kos yang berpatutan.

Seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan, satu rangka kerja pendidikan dan perlindungan pengguna yang efektif sedang dirumus untuk menyediakan asas-asas bagi persekitaran di mana pengguna, pada akhirnya perlu lebih bertanggungjawab ke atas keputusan kewangan yang mereka buat. Sebaik sahaja maklumat dan risiko yang berkaitan telah didedahkan dan dijelaskan, pengguna mestilah lebih aktif membanding, meneliti dan membuat keputusan mengenai pelaburan atau pembelian yang akan dibuat, serta memikul tanggungjawab ke atas keputusan mereka. Namun demikian, ini tidak bermakna institusi-institusi perbankan terlepas daripada tanggungjawab mereka untuk memastikan produk-produk yang dipasarkan menepati apa yang dijanjikan dan pelanggan memperolehi nilai berpatutan bagi wang yang dibelanjakan.

Program Pendidikan Pengguna, yang kini sudah memasuki tahun kedua pelaksanaannya, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Pada akhir tahun 2003, jumlah pelawat laman web BankingInfo telah mencecah 6.4 juta dan 1.2 juta naskhah buku kecil telah diambil oleh orang ramai. Pada tahun ini, sebanyak enam buah buku kecil lagi telah diterbitkan, menjadikan kesemuanya 18 buah buku kecil yang telah diterbitkan untuk pengguna. Dua daripada buku-buku kecil tersebut bertujuan memberi maklumat bagi membantu PKS membuat permohonan pinjaman serta memahami jenis-jenis produk pembiayaan dalam pasaran. Buku kecil baru yang lain menyediakan maklumat mengenai hak-hak dan tanggungjawab seorang penjamin, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, pembiayaan perumahan-i dan kad caj.

Bank Negara Malaysia kini hampir selesai merangka peraturan-peraturan mengenai tahap ketelusan dan pendedahan produk. Peraturan-peraturan ini bertujuan menyediakan maklumat yang menyeluruh, jelas dan tepat mengenai risiko dan liabiliti produk dan perkhidmatan kewangan kepada para pengguna untuk memudahkan mereka membuat keputusan yang bernas. Piawai pendedahan ini tertumpu pada empat perkara pokok yang dianggap penting dalam membuat keputusan, iaitu bentuk dan masa pendedahan patut dibuat, butiran yang perlu didedahkan dan juga keperluan pendedahan dalam pengiklanan. Untuk memudah dan mengurangkan kos mencari maklumat oleh para pengguna, Bank Negara Malaysia juga sedang menyiapkan "Jadual-jadual Perbandingan" mengenai hasil dan kos produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan. Jadual-jadual ini akan bertindak sebagai sumber rujukan maklumat lengkap berhubung dengan kos dan ciri-ciri produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan. Di peringkat permulaan, tumpuan diberi untuk membangunkan jadual-jadual perbandingan produk deposit dan kredit yang lazimnya ditawarkan kepada pengguna.

Memandangkan pengguna semakin bijak memilih, persaingan akan mendorong institusi-institusi perbankan untuk menawarkan produk yang ada kelainan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah bagi memperolehi kelebihan daya saing. Institusi-institusi perbankan juga semakin memanfaatkan kemajuan dalam bidang teknologi untuk melancar dan memasarkan produk dan perkhidmatan baru, di samping saluran penyerahan baru. Persekitaran yang dinamik ini akan membawa

Usaha terus tertumpu ke arah meningkatkan kesedaran pengguna dan mengukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna, termasuk memastikan akses kepada perkhidmatan perbankan pada kos berpatutan.

kepada pengenalan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin luas kepelbagaiannya kepada para pengguna. Namun begitu, memandangkan inovasi sedemikian memerlukan pelaburan yang besar, kos bagi produk dan perkhidmatan yang lebih canggih akan mengakibatkan pengenaan fi dan caj. Walaupun ini tidak dapat dielakkan, perhatian telah diberi untuk memastikan orang ramai mempunyai akses perkhidmatan perbankan asas pada kos yang minimum, manakala produk dan perkhidmatan yang lebih kompleks dan canggih mencerminkan kos yang berpatutan. Ini bertujuan memastikan harga perkhidmatan perbankan adalah berpatutan. Dalam merealisasikan hasrat ini, keseimbangan dibuat antara keperluan menyediakan persekitaran operasi dan keperluan menggalakkan inovasi sambil mengambil kira kepentingan pengguna. Oleh itu, walaupun Bank Negara Malaysia tetap komited untuk membiarkan kuasa pasaran menetapkan harga, ini akan dilakukan dalam persekitaran di mana hak pengguna turut dilindungi.

Sehubungan ini, Bank Negara Malaysia telah memulakan langkah merumus satu rangka kerja perkhidmatan perbankan asas yang bertujuan memastikan pengguna dalam sektor perbankan, terutamanya golongan berpendapatan rendah, mendapat akses perkhidmatan perbankan asas yang mampu diperolehi. Di bawah rangka kerja ini, semua institusi perbankan dikehendaki menawarkan akaun bank asas yang menyediakan tahap minimum perkhidmatan dan transaksi perbankan yang dikenal pasti kepada rakyat pada kos yang minimum. Rangka kerja perkhidmatan perbankan asas ini sedang disiapkan untuk dilaksanakan pada tahun 2004.

Tumpuan juga diberi pada usaha mengukuhkan mekanisme penyelesaian pertikaian untuk pengguna mendapat pembelaan. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia hampir selesai merumus struktur dan rangka kerja operasi bagi entiti baru, Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) yang dijangka akan mula beroperasi pada separuh tahun pertama 2004. Entiti baru ini akan berfungsi sebagai sebuah pusat sehenti bagi menyelesaikan aduan pengguna mengenai pelbagai perbankan runcit terhadap institusi-institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Skop BPK yang lebih luas ini akan menyediakan satu mekanisme penyelesaian aduan yang lebih cepat dan efektif bagi pengguna. Di samping itu, skop operasi BPK juga telah diperluaskan dan jumlah maksimum tuntutan juga telah dinaikkan seperti yang tertera di dalam jadual berikut:

Elemen	**Sektor Perbankan**	**Sektor Insurans**
Had tuntutan	Kerugian dialami tidak melebihi RM100,000	Tuntutan tidak melebihi: • RM200,000 (insurans motor dan kebakaran); • RM100,000 (lain-lain); dan • RM5,000 (kerosakan harta pihak ketiga)
Jenis Pertelingkahan	Semua jenis aduan pengguna yang berkaitan dengan perbankan runcit kecuali yang melibatkan dasar, keputusan kredit, kualiti perkhidmatan dan kes-kes yang telah dibawa atau sedang dirujuk ke mahkamah. Aduan-aduan yang berkaitan adalah seperti berikut: • Pinjaman Persendirian • Pinjaman Perumahan • Mesin Juruwang Automatik • Kad Kredit • Sewa Beli • Akaun Simpanan • Akaun Semasa • Simpanan Tetap • Pengiriman	Semua pertikaian antara pemegang polisi/pembuat tuntutan dan penginsurans atau pihak ketiga kecuali pertikaian yang membabitkan penentuan harga produk insurans dan isu-isu penaja jaminan, kes-kes penipuan dan kes-kes yang telah dibawa atau sedang dirujuk ke mahkamah.

Mengekalkan Kestabilan Kewangan

Aktiviti kewangan yang semakin kompleks dan dinamik memerlukan rangka kerja pengawalseliaan yang diperkukuhkan secara berterusan bagi mengekalkan kestabilan kewangan. Keutuhan sistem perbankan adalah penting untuk melindungi kepentingan penyimpan dan memastikan sistem perbankan kukuh serta mempunyai modal yang mencukupi bagi menyokong proses pertumbuhan melalui aktiviti pemberian pinjaman yang rancak. Dalam hal ini, tumpuan yang sewajarnya terus dihalakan kepada usaha memperkukuhkan peraturan berhemat untuk memastikan peraturan tersebut adalah relevan dalam konteks pasaran kewangan yang sering berubah-ubah. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia peka dengan keperluan untuk memastikan bahawa peraturan baru tidak mengekang inovasi dan persaingan antara peserta pasaran kewangan.

Untuk mengukuhkan lagi rangka kerja pengawalseliaan, Akta Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 telah dipinda pada tahun 2003. Satu akta baru, iaitu Akta Sistem Pembayaran 2003 turut digubal pada tahun 2003 untuk menyediakan rangka kerja perundangan yang komprehensif supaya sistem pembayaran dilindungi daripada elemen-elemen yang boleh menggugat kestabilan kewangan dan juga supaya keyakinan orang awam terhadap sistem dan instrumen pembayaran dikekalkan.

Antara pindaan penting yang dibuat kepada Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 ialah:

- Pengukuhan rangka kerja pengawalseliaan untuk pasaran atas kaunter bagi bon Ringgit. Ini membolehkan Bank Negara Malaysia memainkan peranannya dalam menyedia infrastruktur untuk pasaran bon Ringgit, termasuklah kuasa untuk mengeluarkan peraturan yang perlu bagi pengawalan dan operasi sistem untuk pasaran hutang sekuriti;
- Peruntukan untuk Bank Negara Malaysia menggalakkan sistem pembayaran nasional dan instrumen pembayaran yang diyakini, cekap dan lancar. Ini berikutan enakmen Akta Sistem Pembayaran 2003, yang memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal selia sistem pembayaran dan instrumen pembayaran; dan
- Penubuhan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia *[Sila rujuk bahagian perbankan Islam untuk butir-butir lanjut].*

Amalan urus tadbir korporat di institusi-institusi perbankan turut diperkukuhkan pada tahun ini. Urus tadbir korporat yang baik akan menyokong pengawalan dan penyeliaan yang kukuh. Dalam kebanyakan kes, urus tadbir korporat ialah benteng pertahanan pertama apabila berdepan dengan krisis. Bagi membolehkan urus tadbir korporat memainkan peranannya, amalan korporat yang baik perlu disemai dan ditanamkan dalam setiap aspek operasi dan di kesemua peringkat organisasi. Urus tadbir korporat yang kukuh membawa kepada tahap tanggungjawab dan pertanggungjawaban yang lebih besar di kalangan pihak lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan. Oleh itu, institusi perbankan perlu diterajui oleh lembaga pengarah yang efektif dengan kemahiran yang mencukupi dan tahap profesionalisme yang tinggi. Untuk membantu mencapai matlamat ini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa Lembaga, Kelayakan Minimum dan Keperluan Latihan untuk Pengarah serta Definisi dan Tanggungjawab Pengarah Bebas pada bulan Mei 2003. Garis panduan ini menetapkan keperluan bagi institusi perbankan untuk menubuhkan tiga buah jawatankuasa lembaga, iaitu jawatankuasa pencalonan, jawatankuasa ganjaran dan jawatankuasa pengurusan risiko, berserta bidang rujukan untuk setiap jawatankuasa.

Jawatankuasa pencalonan bertanggungjawab memastikan hanya individu-individu yang paling layak dan mampu menyumbang serta menjalankan tanggungjawab mereka secara efektif dilantik ke lembaga pengarah dan kedudukan pengurusan penting. Antara lain, jawatankuasa ini juga dikehendaki merumus tatacara formal dan telus bagi pelantikan ahli-ahli lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif, di samping memperkenalkan satu mekanisme untuk menilai keberkesanan pengarah, lembaga pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai pengurusan kanan. Jawatankuasa ganjaran pula mengawasi hal-ehwal ganjaran ahli lembaga pengarah dan pegawai pengurusan kanan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengesyorkan satu struktur ganjaran bagi ahli pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai pengurusan kanan. Ia perlu memastikan bahawa rangka kerja ganjaran tersebut adalah kompetitif dan sesuai dengan budaya, objektif dan strategi institusi berkenaan, serta mencerminkan tanggungjawab ahli lembaga, ketua pegawai eksekutif dan pegawai pengurusan kanan. Jawatankuasa pengurusan risiko bertanggungjawab mengawasi aktiviti pengurusan

kanan dalam menguruskan kredit, mudah tunai, operasi, perundangan dan risiko-risiko lain, di samping memastikan infrastruktur serta proses pengurusan risiko wujud dan berfungsi.

Memandangkan bidang perbankan kini semakin rumit dan tanggungjawab lembaga pengarah pula berat, pengarah perlu mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai bagi membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab dengan berkesan. Sehubungan ini, Garis Panduan ini juga memberi tumpuan pada kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk tujuan ini. Di samping itu, menyedari peranan penting pengarah-pengarah bebas dalam menerajui urus tadbir korporat dan menerap ciri-ciri kebebasan dalam lembaga pengarah, Garis Panduan tersebut juga menetapkan definisi bagi pengarah bebas, serta peranan dan tanggungjawab mereka. Memandangkan tanggungjawab utama mereka ialah melindungi kepentingan pemegang saham minoriti dan orang awam, pengarah bebas dikehendaki mengawasi secara berkesan serta memastikan kewujudan elemen kebebasan yang kukuh dalam lembaga pengarah. Bagi melengkapkan usaha ini, Garis Panduan untuk Pelantikan Juruaudit Luar telah diterbitkan pada bulan Ogos 2003 bagi mengurangkan kemungkinan percanggahan kepentingan yang timbul akibat perhubungan yang bersifat jangka panjang dengan juruaudit luar.

Kewujudan struktur konglomerat kewangan yang semakin kompleks memerlukan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan yang komprehensif bagi konglomerat kewangan. Objektif rangka kerja ini adalah untuk memastikan bahawa kedudukan kewangan konglomerat tersebut dapat dinilai dan dipantau sebaiknya oleh penyelia. Oleh itu, pengawalseliaan akan menyeimbangkan antara keperluan untuk menggalakkan sinergi dan kecekapan kumpulan dengan keperluan untuk memastikan aktiviti-aktiviti konglomerat kewangan tidak menyebabkan risiko berlebihan kepada sistem kewangan. Bagi tujuan ini, satu kertas konsep mengenai Penyeliaan Gabungan Konglomerat Kewangan telah diterbitkan pada bulan Disember 2003 bagi memformalkan dan memperkukuhkan infrastruktur dan rangka kerja pengawalseliaan sedia ada untuk konglomerat kewangan. Memandangkan aktiviti berbeza yang dijalankan oleh entiti-entiti berlainan dalam konglomerat kewangan menghasilkan risiko yang pelbagai, rangka kerja yang dicadangkan tidak menetapkan pendekatan berhemat yang seragam bagi semua entiti dalam konglomerat kewangan tersebut. Sebaliknya, rangka kerja tersebut lebih memberi penekanan kepada pembangunan garis panduan dan prinsip berhemat bagi memastikan syarikat induk kewangan berkeadaan kukuh dan mampu menyokong anak-anak syarikatnya.

Rangka kerja tersebut tertumpu pada lima bidang, iaitu struktur kumpulan, urus tadbir korporat, pengurusan risiko, pendedahan antara syarikat-syarikat sekumpulan dan keperluan pelaporan. Bagi struktur kumpulan, rangka kerja tersebut menggariskan prinsip-prinsip utama yang boleh dijadikan asas untuk konglomerat kewangan menentukan struktur optimum mereka, baik dari aspek perniagaan mahupun pengawalseliaan. Walaupun diakui bahawa konglomerat kewangan akan menyusun struktur kumpulan mereka mengikut strategi dan pasaran *niche* masing-masing, langkah-langkah keselamatan yang secukupnya perlu diterapkan bagi memastikan struktur kumpulan tidak mendatangkan risiko sistemik kepada sistem perbankan. Peraturan diperlukan khususnya untuk memastikan kesulitan kewangan yang dialami oleh entiti-entiti tidak dikawal selia memberi kesan yang minimum kepada entiti-entiti yang dikawal selia dalam kumpulan tersebut. Di samping itu, terdapat keperluan memastikan obligasi Kerajaan untuk menjamin keselamatan deposit tidak diperluas kepada institusi bukan pengambil deposit dalam kumpulan tersebut. Rangka kerja ini turut menyemai prinsip-prinsip asas urus tadbir korporat, yang menjurus kepada proses dan struktur yang digunakan untuk mengurus perniagaan dan hal-ehwal syarikat induk kewangan (SIK) dan entiti-entiti berkaitan, dengan memberi lebih penekanan kepada peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan SIK.

Memandangkan SIK perlu menyediakan sokongan kewangan kepada semua entiti dalam kumpulannya, rangka kerja ini juga menetapkan keperluan kecukupan modal untuk sesebuah kumpulan. Dalam menilai kekukuhan kewangan sesebuah konglomerat, Bank Negara Malaysia akan menumpukan perhatian pada kecukupan modal setiap institusi perbankan secara individu dan disatukan (jika institusi tersebut mempunyai anak-anak syarikat), dan juga kecukupan modal di peringkat kumpulan dan syarikat induk. Dari segi pengurusan risiko, rangka kerja ini memerlukan lembaga pengarah SIK menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk mengawasi keseluruhan pengurusan risiko kumpulan dan

meneliti kawalan dan tatacara pengurusan kanan dalam mengurus risiko tersebut serta memastikan tindakan pemulihan diambil. Bagi memastikan kesemua punca risiko yang boleh berjangkit, kecuali jualan silang, dikenal pasti dan segera ditangani, rangka kerja ini juga memerlukan dasar bertulis berhubung pendedahan syarikat-syarikat sekumpulan dimasukkan ke dalam pengurusan risiko di peringkat kumpulan. Seterusnya, SIK dikehendaki mengemukakan laporan berkala kepada Bank Negara Malaysia bagi memudahkan penilaian berterusan ke atas konglomerat kewangan.

"Garis Panduan Had Kredit Seorang Pelanggan" (GP5) juga sedang dikaji bagi memperluaskan definisi pendedahan kepada seorang pelanggan untuk merangkumi pendedahan kepada selain daripada kemudahan kredit. Pendedahan ini termasuklah, antara lain, pendedahan dalam bentuk pemegangan saham dan sekuriti hutang serta butiran luar kunci kira-kira. Kajian ini juga melibatkan pelarasan beberapa peraturan sedia ada mengenai pendedahan kepada pelanggan besar di bawah satu garis panduan komprehensif yang mudah dirujuk dan dipatuhi oleh institusi perbankan.

Oleh kerana institusi perbankan semakin menggunakan instrumen kewangan yang canggih, mereka lebih terdedah kepada risiko pasaran yang tinggi. Sehubungan ini, satu kertas konsep mengenai Pengambilkiraan Risiko Pasaran ke Dalam Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) telah diterbitkan pada pertengahan tahun 2003 untuk menilai kesan pengambilkiraan risiko pasaran kepada RWCR. Kajian ini menunjukkan bahawa RWCR sistem perbankan akan mengalami sedikit penurunan sebanyak 0.12 mata peratusan dengan semua institusi mengekalkan RWCR melebihi 8%. Di kalangan institusi perbankan, bank saudagar mencatat penurunan RWCR paling ketara akibat aktiviti utama mereka adalah dalam pasaran modal. Berikutan beberapa siri perbincangan dengan Kumpulan Kerja Industri Risiko Pasaran, rangka kerja ini terus diperhaluskan dan kertas konsep kedua diterbitkan pada bulan Januari 2004. Antara perubahan ketara ke atas rangka kerja ini termasuklah definisi akaun dagangan dan perbankan, olahan pegangan sekuriti yang berpunca daripada penyusunan semula hutang/pinjaman dan penilaian pegangan kertas tidak cair. Institusi perbankan dikehendaki menilai impak kuantitatif rangka kerja baru ini sebelum akhir bulan Februari 2004.

Tinjauan pasaran oleh Bank Negara Malaysia telah mengesan insiden amalan tidak sihat dalam pasaran bon dalam negeri. Bagi mengekalkan integriti pasaran, institusi perbankan telah diingatkan supaya tidak menggalakkan atau terlibat secara langsung dalam amalan tidak sihat berkaitan urus niaga bon ini, serta meningkatkan kawalan dalaman masing-masing. Urus niaga kurang telus serta kekurangan maklumat dalam pasaran bon di atas kaunter adalah antara faktor penyumbang kepada gejala perniagaan tidak sihat ini. Bagi mengatasi jurang maklumat ini dan meningkatkan ketelusan pasaran, Bank Negara Malaysia sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur pasaran bon. Langkah-langkah yang akan diambil termasuklah membangunkan platform perniagaan elektronik bagi meningkatkan mekanisme penemuan harga di samping mengautomasikan dan mengintegrasikan proses-proses perniagaan bagi meningkatkan lagi kecekapan operasi.

Di arena antarabangsa, usaha berhubung Persetujuan Modal Basel Baru atau Basel II terus menjadi tumpuan utama *Bank for International Settlements* (BIS). Berikutan penerbitan kertas perbincangan kedua pada bulan Januari 2001 dan selepas berunding dengan industri kewangan di peringkat global, BIS mengeluarkan kertas perbincangan ketiga (CP3) pada bulan April 2003. Antara pindaan utama yang terkandung dalam CP3 termasuklah penetapan wajaran risiko yang lebih rendah bagi gadai janji rumah kediaman dan pinjaman yang lewat dibayar balik yang mempunyai tahap peruntukan yang tinggi, pengenalan pendekatan alternatif *"Standardised"* untuk risiko operasi atas budi bicara penyelia dan penghalusan sesetengah elemen pendekatan *"Internal Ratings Based"* (IRB). Sebelum mengeluarkan CP3, BIS telah menjalankan kajian impak kuantitatif (QIS3) bagi menilai impak cadangan Basel II ke atas keperluan modal minimum pada bulan Oktober 2002. Hasil tinjauan QIS3 yang diumumkan pada bulan Mei 2003 menunjukkan bagi institusi perbankan yang mengamalkan pendekatan *"Standardised"*, keperluan modal risiko kredit akan naik sedikit berbanding dengan persetujuan modal yang sedang diguna pakai oleh mereka. Bagi institusi perbankan yang mengamalkan pendekatan IRB, pengurangan ketara dalam keperluan modal risiko kredit telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, keperluan modal baru bagi risiko operasi lebih daripada mengimbangi pengurangan keperluan

modal risiko kredit, menyebabkan peningkatan keseluruhan dalam modal institusi perbankan yang mengamalkan pendekatan *"Standardised"*. Secara perbandingan, keperluan modal minimum institusi perbankan yang ingin mengamalkan pendekatan IRB yang lebih sofistikated pada umumnya tidak berubah. Peraturan-peraturan baru ini dijangka siap sebelum pertengahan tahun 2004.

Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian impak awal pada bulan Oktober 2002 bagi mengenal pasti impak Basel II kepada industri perbankan dalam negeri menggunakan pendekatan *"Standardised"*. Dengan menggunakan pendekatan *"Standardised"*, hasil kajian menunjukkan RWCR sistem perbankan akan menurun sedikit tetapi kekal pada paras yang jauh melebihi keperluan berhemat sebanyak 8%. Penurunan dalam RWCR sebahagian besarnya berpunca daripada keperluan modal baru bagi risiko operasi yang telah lebih daripada mengimbangi kenaikan dalam RWCR yang berpunca daripada keperluan modal risiko kredit. Di samping itu, penemuan awal kaji selidik juga menunjukkan pinjaman korporat yang belum mendapat penarafan dan pinjaman yang lewat dibayar balik menyumbang kepada peningkatan aset berwajaran risiko.

Seiring dengan kajian impak ini, kajian juga turut dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesediaan institusi perbankan dalam negeri untuk mengamalkan pendekatan IRB yang memerlukan bank menggunakan penarafan dalaman bagi menaksir keperluan kecukupan modal. Cabaran utama pendekatan IRB ialah kewujudan data yang bersih dan boleh digunakan bagi memenuhi keperluan minimum masa lampau data sejarah untuk tempoh lima tahun. Tugas mengumpul, membersih dan mengesah data memerlukan masa. Bagi sesetengah institusi perbankan, tugas ini mungkin menjadi lebih rumit dengan program penggabungan dan penyatuan yang baru sahaja berakhir dan penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan yang bakal dilaksanakan kerana data masa lampau untuk tempoh lima tahun hanya boleh diwujudkan selepas proses penggabungan bagi mencerminkan profil risiko semasa institusi tersebut. Penyimpanan data akan menjadi faktor utama di bawah Basel II memandangkan institusi perbankan akan memerlukan gudang data yang mencukupi bagi memenuhi keperluan sistem IRB yang berintensifkan data. Untuk memudahkan pelaksanaan Basel II, institusi perbankan juga perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk program latihan kakitangan bagi memperolehi kepakaran teknikal dan membantu pelaksanaan Basel II.

Bagi institusi perbankan yang sudahpun mempunyai sistem penarafan dalaman, cabaran yang dihadapi adalah sistem-sistem tersebut secara relatifnya baru dan belum cukup teruji. Sesetengah institusi perbankan adalah juga dalam proses mengukuhkan sistem penarafan dalaman masing-masing kepada yang bersifat dua dimensi, iaitu meliputi risiko peminjam dan risiko kemudahan. Cabaran-cabaran lain yang bakal dihadapi oleh institusi perbankan adalah termasuk keupayaan memanfaatkan sepenuhnya penjimatan modal menerusi pelegaan risiko kredit dan teknik pengurusan risiko di bawah Basel II.

Bagi membantu pelaksanaan Basel II di Malaysia, satu Pasukan Petugas Basel II akan ditubuhkan untuk menggalakkan konsistensi dan pemahaman antara institusi-institusi perbankan. Pasukan petugas ini yang terdiri daripada pegawai Bank Negara Malaysia dan kumpulan tenaga pakar daripada sektor perbankan akan berkongsi pengalaman dan membangunkan amalan dan pendekatan terbaik untuk pengawalan modal.

Menuju Ke Hadapan

Kemajuan pesat telah dicapai dalam penstrukturan semula sektor kewangan dan usaha meningkatkan daya tahan dan keupayaan sektor perbankan. Sementara itu, ekonomi Malaysia akan terus berkembang, dengan kemunculan sumber-sumber pertumbuhan yang baru. Hal ini, berserta dengan arus perubahan dalam persekitaran kewangan global, akan mendesak sektor perbankan domestik supaya meningkatkan kecekapan, daya saing dan daya tahan mereka. Dalam menuju ke hadapan, strategi untuk meningkatkan kecekapan sektor perbankan domestik sambil mengekalkan kestabilan kewangan, akan tetap diteruskan. Pada masa yang sama, memandangkan peranan penting sektor perbankan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan seimbang, tumpuan akan terus diberi bagi memastikan sektor perbankan terus menyokong agenda sosioekonomi negara.

AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIAAN

Aktiviti penyeliaan sepanjang tahun 2003 tertumpu pada pelbagai strategi bagi menggalakkan kestabilan sistem perbankan selaras dengan perkembangan industri dan landskap kewangan yang semakin kompleks. Ia melibatkan pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis yang berlandaskan pendekatan terlaras risiko, penilaian pasaran menerusi sesi perbincangan formal dan tidak formal dengan industri perbankan serta peningkatan keupayaan dan kaedah penilaian penyelia. Pendekatan ini bertujuan mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh institusi perbankan serta keupayaan mereka menguruskan risiko tersebut. Seterusnya, pelan penyeliaan dirangka bagi setiap kumpulan perbankan supaya sumber penyeliaan dapat diagihkan secara optimum dengan memberi tumpuan pada bidang yang berisiko tinggi. Kedudukan kewangan dan operasi semua entiti dalam kumpulan perbankan serta aktiviti yang dijalankan oleh mereka turut diambil kira bagi mengelak prestasi kumpulan perbankan berkenaan terjejas dan seterusnya boleh menggugat keseluruhan sistem perbankan.

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan 93 pemeriksaan di premis institusi perbankan, termasuk bank-bank Islam, serta institusi kewangan pembangunan. Pemeriksaan ini merangkumi ibu pejabat, cawangan dalam dan luar negara, syarikat induk bank dan syarikat yang berkaitan dengan institusi perbankan. Skop penyeliaan ini meliputi pemeriksaan ke atas operasi perbankan Islam serta langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram yang dilaksanakan oleh institusi perbankan. Di samping itu, Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan lebih banyak sumber penyeliaan bagi menilai amalan pengurusan risiko pasaran serta risiko operasi institusi perbankan, selain risiko kredit.

Bagi melengkapi dan membantu aktiviti pemeriksaan di premis, pengawasan luar premis juga turut dilaksanakan untuk memantau kedudukan kewangan sesebuah institusi secara berterusan. Institusi perbankan juga dikawal selia dengan rapi menerusi penyemakan laporan malar serta ujian tekanan yang dihantar secara berkala bagi mengenal pasti sebarang masalah yang mungkin timbul. Ia juga meliputi penilaian dan kelulusan penyata kewangan institusi perbankan, yang disemak bagi memastikan penyata kewangan tersebut disediakan mengikut piawaian perakaunan dan garis panduan Bank Negara Malaysia. Di samping itu, kecukupan peruntukan hutang lapuk dan ragu serta peruntukan ke atas kemerosotan nilai pelaburan turut diberi penekanan. Fungsi pengawasan luar premis turut dipergiat, dengan pengawasan kredit dan penipuan melalui pangkalan data maklumat elektronik.

Keutuhan institusi perbankan turut dinilai dengan menggunakan ukuran rangka kerja 'CAMELS', yang meliputi penilaian terhadap kecukupan modal, kualiti aset, keupayaan pengurusan, prestasi perolehan, kecairan dan sensitiviti terhadap risiko pasaran.

Kepelbagaian strategi dalam aktiviti penyeliaan pada tahun 2003 menggalakkan kestabilan sistem perbankan.

Penambahan komponen "sensitiviti terhadap risiko pasaran" dalam rangka kerja CAMELS pada tahun 2003, telah memperkukuhkan rangka kerja penyeliaan Bank Negara Malaysia dalam menilai proses pengurusan risiko pasaran dan teknik-teknik pemodelan institusi perbankan. Pada tahun ini juga, satu kaedah mengukur risiko pasaran telah diwujudkan bagi membantu penyelia perbankan mengesahkan model risiko yang digunakan oleh institusi perbankan. Selain itu, penyeliaan bersepadu terhadap kumpulan perbankan juga adalah unsur penting dalam proses penyeliaan perbankan. Justeru, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pemeriksaan di premis syarikat induk bank serta entiti bukan perbankan dalam kumpulan tersebut. Pendekatan ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengenal pasti punca masalah, menilai kekuatan dan keupayaan syarikat induk dalam memberi sokongan kewangan kepada institusi perbankannya serta menilai keseluruhan entiti bukan bank yang mungkin boleh menggugat keutuhan kumpulan institusi perbankan tersebut.

Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan rangka kerja penilaian risiko yang teratur, sejajar dengan penyeliaan terlaras risiko, bagi menilai profil dan kecukupan proses pengurusan risiko sesebuah institusi perbankan. Di samping tumpuan pada pelaksanaan pengurusan risiko kredit dan pasaran, institusi perbankan kini berusaha ke arah sistem pengurusan risiko bersepadu, yang mampu memberi gambaran menyeluruh kepada pihak pengurusan

bagi mengenal pasti hubung kait antara risiko-risiko supaya ianya dapat diurus dengan lebih berkesan. Sehubungan ini, institusi perbankan juga telah membina proses yang lebih teratur dalam mengurus risiko operasinya. Memandangkan pembangunan rangka kerja pengurusan risiko bersepadu institusi perbankan berada di tahap yang berbeza, Bank Negara Malaysia terus memainkan peranan pembangunan dalam memantau dan menilai kemajuan serta perancangan institusi perbankan berkenaan dalam bidang tersebut.

Bagi menggalak urus tadbir korporat yang mantap, penyelia perbankan menjalankan penilaian terhadap amalan urus tadbir korporat bagi memastikan amalan tersebut diterap dalam pelbagai aspek operasi serta di kesemua peringkat institusi. Sebahagian besar daripada tugas ini ditumpukan pada penilaian terhadap keberkesanan lembaga pengarah yang akhirnya bertanggungjawab ke atas keseluruhan pengurusan institusi perbankan. Penilaian ini juga memberi input bernilai bagi tujuan kelulusan pelantikan dan pelantikan semula pengarah.

Selaras dengan Pelan Induk Sektor Kewangan, Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan telah dirangka bagi menyediakan pendekatan yang menyeluruh ke arah menguatkuasakan tindakan yang akan diambil berikutan aktiviti penyeliaan institusi perbankan. Fasa pertama rangka kerja ini melibatkan Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tidak Formal, yang telah dilaksanakan pada September 2002. Ia membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil tindakan awal dengan cepat dan berkesan dalam menangani kelemahan yang mungkin timbul, bukan sahaja ke atas institusi perbankan tetapi juga syarikat-syarikat yang berkaitan. Bank Negara Malaysia kini berada dalam fasa kedua, iaitu dalam proses menghasilkan Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Formal, sebagai lanjutan kepada rangka kerja tidak formal yang sedia ada. Tindakan di bawah rangka kerja formal akan diambil terhadap institusi yang bermasalah sekiranya tindakan tidak formal gagal mencapai matlamat yang dikehendaki. Walaupun rangka kerja perundangan telah sedia ada, Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Formal akan memperjelaskan mekanisme tindakan yang diambil. Seterusnya, dalam menguatkuasakan tindakan awal terhadap institusi perbankan bermasalah, Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Formal juga merangkumi langkah pembetulan segera, yang akan diambil apabila nilai ambang yang ditetapkan bagi campur tangan penyeliaan dicapai.

Penilaian Bank Negara Malaysia terhadap langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram yang diambil oleh institusi perbankan merupakan satu lagi bidang penting penyeliaan yang diberi penekanan selepas penggubalan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2002. Rangka kerja Pengubahan Wang Haram yang telah dilaksanakan ini tertumpu pada lima fungsi utama iaitu kualiti pemantauan pengurusan, dasar dan prosedur yang menyeluruh, keberkesanan kawalan dalaman, kecukupan dan ketepatan pengurusan sistem maklumat serta kualiti sumber manusia termasuk latihan yang disediakan.

Sesi dialog yang sering diadakan dengan pihak pengurusan dan ahli lembaga pengarah institusi perbankan juga adalah sebahagian daripada aktiviti penyeliaan bank. Perbincangan ini bertujuan meningkatkan keberkesanan komunikasi dua hala bagi menangani isu-isu penyeliaan. Pendekatan ini membolehkan Bank Negara Malaysia memainkan peranan menilai keupayaan dan tahap kesediaan institusi perbankan dalam menghadapi sebarang cabaran.

Bank Negara Malaysia juga telah lama mengenal pasti kepentingan memelihara keutuhan infrastruktur teknologi maklumat (IT) yang menjadi tunjang kepada operasi perbankan. Bagi menggalakkan persekitaran IT yang mantap dan selamat di institusi perbankan serta mengekalkan keyakinan pihak awam dan mengurangkan gangguan perkhidmatan yang ditawarkan, tumpuan terhadap penyeliaan sistem maklumat terus diberi perhatian. Ini dilakukan menerusi kaedah pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis untuk memastikan penggunaan amalan terbaik IT dan pematuhan pengawalan. Pada tahun 2003, sebanyak 18 pemeriksaan sistem maklumat telah dilaksanakan ke atas institusi perbankan merangkumi cawangan luar negeri dan subsidiari institusi perbankan dalam negeri. Pemeriksaan ini bertujuan memastikan kawalan dan sistem yang bersesuaian digunakan khususnya bagi produk dan perkhidmatan perbankan yang berisiko tinggi seperti Perbankan Internet, Perbankan Bergerak, Kad Kredit dan Mesin Juruwang Automatik.

Bagi meningkatkan fungsi penyeliaan sistem maklumat dan menggalakkan ketelusan, Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah strategik yang sejajar dengan piawaian antarabangsa demi meningkatkan kualiti dan keberkesanan pemeriksaan di premis. Satu kaedah pemeriksaan sistem maklumat yang baru telah dirangka dan akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2004. Kaedah

ini membolehkan penilaian yang lebih seimbang bagi meningkatkan kualiti dan piawaian pemeriksaan sistem maklumat, di samping penggunaan kaedah yang tersusun bagi penilaian risiko yang menjadi asas kepada penanda aras IT. Seterusnya, laporan pemeriksaan yang lebih berkualiti telah diguna pakai. Bank Negara Malaysia juga telah merangka garis panduan baru berkuat kuasa pada tahun 2004, untuk mengukuhkan tahap pengurusan IT dalam institusi perbankan.

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan usaha menaik taraf perakuan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9002:1994 yang sedia ada kepada MS ISO 9001:2000 bagi proses perancangan dan pemantauan ke atas mutu pemeriksaan di premis. Skop perakuan bagi piawaian baru ini juga telah diperluaskan bagi merangkumi cawangan dan subsidiari institusi perbankan dalam negeri yang beroperasi di luar negara di samping penambahan ke atas piawaian yang sedia ada. Perakuan baru ini merupakan satu pengiktirafan terhadap komitmen Bank Negara Malaysia dalam mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi bagi melaksanakan tugas penyeliaan. Bank Negara Malaysia juga berusaha mendapatkan perakuan MS ISO 9001:2000 untuk pemeriksaan sistem maklumat di premis institusi perbankan dalam negeri.

Bank Negara Malaysia mempunyai komitmen yang tinggi untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran penyelia perbankan seiring dengan persekitaran kewangan yang kian canggih dan mencabar. Di samping latihan yang tersusun, penyelia perbankan juga dilatih dalam beberapa bidang khusus seperti model risiko dan prinsip syariah sejajar dengan perkembangan pasaran. Mereka juga berperanan sebagai sumber rujukan serta membina keupayaan penyeliaan Bank Negara Malaysia. Pendekatan ini meningkatkan keupayaan Bank Negara Malaysia dalam melaksanakan tugas penyeliaan dengan lebih berkesan serta mampu memberikan saranan yang membina kepada institusi perbankan.

Dengan persekitaran kewangan yang sentiasa pesat berubah terutamanya berkenaan dengan Persetujuan Modal Baru Basel, Bank Negara Malaysia kini berhadapan dengan cabaran yang kian meningkat dalam bidang penyeliaan. Penyelia perbankan diberi latihan dan pendedahan yang berterusan seiring dengan perkembangan global sebagai prasyarat kepada penyeliaan yang berkesan demi memastikan Malaysia setanding dengan amalan terbaik antarabangsa. Bagi menghadapi cabaran Modal Baru tersebut, penyelia perbankan sedang dilengkapi dengan pengetahuan serta kemahiran yang sesuai, khususnya dalam menilai kaedah yang canggih dengan berkesan untuk menentukan keperluan modal yang sewajarnya. Usaha ini merangkumi penglibatan dalam program-program latihan sama ada di rantau ini atau di peringkat antarabangsa, sesi dialog bersama agensi-agensi penyeliaan dan badan-badan antarabangsa yang lain mengenai isu-isu pelaksanaannya serta perbincangan dengan industri perbankan. Ini bagi meningkatkan pemahaman mengenai tahap kesediaan mereka ke arah pelaksanaan keperluan Modal Baru.

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah mengeratkan lagi hubungan kerja dengan agensi-agensi penyeliaan dalam negeri dan luar negeri. Ini bagi memudahkan kerjasama serta proses pertukaran maklumat antara satu sama lain. Kerjasama ini amat penting bagi memudahkan usaha Bank Negara Malaysia dalam melaksanakan penyeliaan bersepadu yang berkesan ke atas institusi perbankan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan sembilan pemeriksaan ke atas cawangan dan subsidiari bank dalam negeri yang beroperasi di luar negeri. Penilaian ke atas kedudukan kewangan entiti tersebut dibincangkan dengan hos agensi-agensi penyeliaan berkenaan bagi mengenal pasti sebarang isu bersama yang perlu diberi perhatian serta langkah-langkah penyelesaiannya. Bank Negara Malaysia juga menjalankan dua pemeriksaan ke atas subsidiari luar pesisir dalam negeri secara usahasama dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA).

Bank Negara Malaysia komited dalam peranannya memelihara keteguhan dan kemantapan sistem perbankan menerusi penyeliaan bank yang berkesan. Bagi mencapai objektif ini, Bank Negara Malaysia akan terus menumpukan usaha-usaha terhadap pengukuhan sumber dan proses penyeliaannya. Ia meliputi latihan yang lebih intensif dalam bidang kepakaran yang khusus, melahirkan pakar dalam operasi utama perbankan, menjalin kerjasama lebih erat dengan agensi-agensi penyeliaan dan pengawalan lain serta badan antarabangsa di samping mengautomasikan proses kerja untuk meningkatkan tahap kecekapan.

Langkah-langkah Perbankan Pada Tahun 2003

Langkah-langkah perbankan yang dilaksanakan pada tahun 2003 memberi keutamaan kepada peningkatan kecekapan, daya saing dan keutuhan sektor kewangan. Beberapa inisiatif juga diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi meningkatkan akses pembiayaan perniagaan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Persiapan keinstitusian juga diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan perlindungan pengguna.

Langkah-langkah Meningkatkan Keteguhan dan Kekukuhan

Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, Kelayakan Minimum dan Keperluan Latihan bagi Pengarah serta Definisi dan Tanggungjawab Pengarah Bebas
Garis Panduan tersebut dikeluarkan pada bulan Mei 2003 selaras dengan usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan tahap urus tadbir korporat institusi berlesen. Antara lain, Garis Panduan tersebut meliputi aspek-aspek berikut:

- Keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga yang merangkumi jawatankuasa pencalonan, jawatankuasa ganjaran dan jawatankuasa pengurusan risiko serta terma-terma rujukan bagi setiap jawatankuasa berkenaan. Objektif utama jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:
  Jawatankuasa Pencalonan
  Bertanggungjawab menentukan prosedur yang formal dan telus bagi pencalonan pengarah dan ketua pegawai eksekutif dan penilaian keberkesanan setiap pengarah dan lembaga pengarah secara keseluruhan serta prestasi ketua pegawai eksekutif dan pegawai kanan pengurusan.
  Jawatankuasa Ganjaran
  Bertanggungjawab menentukan prosedur yang formal dan telus bagi pembangunan dasar ganjaran pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai kanan pengurusan serta memastikan bahawa ganjaran yang diberi adalah kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi institusi berlesen tersebut.
  Jawatankuasa Pengurusan Risiko
  Bertanggungjawab memantau aktiviti-aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus risiko kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan risiko-risiko lain serta memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi dengan berkesan.

- Memastikan hanya individu yang berkelayakan sahaja dilantik untuk berkhidmat dalam lembaga pengarah institusi berlesen. Garis Panduan tersebut menetapkan kelayakan minimum dan keperluan latihan bagi para pengarah.

- Memandangkan peranan kritikal yang dimainkan oleh pengarah bebas dalam urus tadbir korporat, Garis Panduan tersebut juga menetapkan definisi, peranan dan tanggungjawab pengarah bebas.

Kebebasan Juruaudit dan Pelantikan Juruaudit Luar
Berikutan beberapa skandal di luar negara yang melibatkan ketaknalaran perakaunan, pihak pengawal selia seluruh dunia memandang berat terhadap isu kebebasan dan peranan juruaudit. Lanjutan kepada isu ini, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Pelantikan Juruaudit Luar oleh Institusi Berlesen yang meliputi keperluan-keperluan berikut:

- Pengenaan penukaran rakan kongsi ikatan sesebuah firma audit diwajibkan selepas tempoh 5 tahun perkhidmatan. Rakan kongsi ikatan yang telah melepaskan tugas-tugas perkhidmatan audit tidak dibenarkan menjadi rakan kongsi ikatan bagi institusi berlesen tersebut sehingga selepas tempoh 5 tahun tamat.
- Penyediaan perkhidmatan bukan audit kepada institusi berlesen oleh firma audit yang sama memerlukan kelulusan Jawatankuasa Audit institusi tersebut.

- Kelulusan Bank Negara Malaysia diperlukan bagi pelantikan semula juruaudit luar setiap tahun. Walau bagaimanapun, institusi berlesen perlu sentiasa memastikan kebebasan juruaudit dalam tempoh interim 5 tahun tersebut.

Piawaian Berhemat Pensekuritian Disokong Aset

Walaupun aktiviti pensekuritian boleh membawa manfaat yang ketara kepada institusi perbankan, aktiviti ini juga berupaya meningkatkan profil risiko keseluruhan institusi perbankan. Dengan ini, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Piawaian Berhemat bagi Urus Niaga Pensekuritian Disokong Aset yang meliputi rangka kerja am pengurusan risiko dan olahan pengawalan selia berkaitan urus niaga pensekuritian disokong aset yang dijalankan oleh institusi perbankan. Piawaian berhemat tersebut dikeluarkan pada 10 Mac 2003.

Garis Panduan Kad Kredit

Garis Panduan Kad Kredit dikeluarkan pada bulan Mac 2003 kepada semua pengeluar kad kredit. Garis Panduan tersebut bertujuan mempromosi konsumerisme aktif di kalangan pengguna dan meningkatkan pemahaman mengenai penggunaan kad kredit serta perlindungan hak-hak pengguna kad kredit.

Garis Panduan tersebut menggariskan keperluan minimum operasi kad kredit yang perlu dipatuhi oleh semua pengeluar kad kredit. Antara lain, Garis Panduan tersebut meliputi perkara-perkara berikut:

- Kriteria kelayakan minimum bagi permohonan kad kredit.
- Had RM250 sebagai liabiliti pemegang kad kredit bagi urus niaga tanpa kebenaran akibat kehilangan atau kecurian kad kredit.
- Penyekatan penggunaan kad kredit bagi aktiviti-aktiviti haram.
- Keperluan pengeluar kad kredit untuk membuat penilaian kredit berhemat dan penentusahan kepercayaan kredit pemohon kad kredit dengan menggunakan Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS) dan sumber-sumber maklumat kredit lain.

Pemindahan Kepada Mesin Teler Automatik (ATM) Berasaskan Cip

Dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan, institusi perbankan dikehendaki memindahkan kad pembayaran kepada teknologi kad berasaskan cip. Institusi perbankan domestik dikehendaki menaik taraf prasarana ATM kepada prasarana berupaya cip sepenuhnya serta menukar semua kad ATM pelanggan kepada kad berasaskan cip sebelum bulan September 2003, manakala, institusi perbankan asing yang diperbadankan secara tempatan pula, sebelum bulan Mac 2004.

Piawaian Keselamatan Minimum bagi Cek

Kertas kerja konsep cadangan Garis Panduan Piawaian Keselamatan Minimum bagi Cek dikeluarkan kepada industri perbankan pada bulan November 2003. Garis Panduan tersebut mencadangkan spesifikasi piawaian minimum bagi ciri-ciri keselamatan cek, kemudahan pengesanan pemalsuan cek, pengurusan keselamatan dalam pencetakan cek dan khidmat nasihat tentang amalan terbaik kepada pelanggan.

Olahan Perakaunan untuk Fi Pengendalian bagi Pinjaman Sewa Beli

Bagi tujuan penyeragaman olahan perakaunan untuk fi pengendalian bagi pinjaman sewa beli industri syarikat kewangan, semua fi pengendalian berkenaan yang diluluskan dan dikeluarkan selepas 1 Januari 2004 oleh syarikat kewangan perlu diselesaikan dalam tempoh yang dialami. Bagi pinjaman sewa beli yang diluluskan dan dikeluarkan sebelum 1 Januari 2004, yang kaedah pelunasan telah diguna lebih dahulu, syarikat kewangan adalah dibenarkan untuk meneruskan kaedah pelunasan bagi fi pengendalian yang belum lunas. Sehubungan ini, bagi bayaran terdahulu atau jika pinjaman sewa beli menjadi tidak berbayar, baki fi pengendalian yang belum lunas tersebut perlu diselesaikan.

Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda (DTA) dan Olahan DTA bagi Tujuan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR)

Selaras dengan piawaian MASB 25 yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), institusi berlesen perlu mengiktiraf semua aset cukai tertunda dalam laporan kewangan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan RWCR, pendapatan atau perbelanjaan cukai tertunda adalah dikecualikan daripada pengiraan modal kumpulan-1 dan pengiraan aset berwajaran risiko.

Kertas Kerja Konsep Perangkuman Risiko Pasaran dalam Rangka Kerja RWCR

Kertas kerja konsep yang pertama (CP1) mengenai Perangkuman Risiko Pasaran dalam Rangka Kerja RWCR dikeluarkan pada bulan April 2003 untuk memperoleh maklum balas daripada industri perbankan. CP1 telah menerima dan mengubahsuai saranan-saranan Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel berdasarkan persekitaran industri perbankan tempatan.

Berikutan beberapa siri perbincangan dengan Kumpulan Kerja Industri Risiko Pasaran, kertas kerja konsep kedua (CP2) dikeluarkan pada bulan Januari 2004 dan merangkumi perubahan yang signifikan terhadap CP1, terutamanya dalam aspek-aspek berikut:

- Klasifikasi sekuriti dalam buku jual beli dan buku perbankan;
- Pemegangan sekuriti hasil daripada penyusunan semula hutang/pinjaman;
- Polisi perlindungan nilai;
- Kedudukan taja jamin; dan
- Penilaian sekuriti tidak cair.

Selain itu, CP2 juga bertujuan menolok tahap kesediaan industri untuk menerima rangka kerja risiko pasaran yang disemak dan menaksir kesan kuantitatif konsep tersebut terhadap institusi kewangan.

Kertas Kerja Konsep Penyeliaan Bergabung Konglomerat Kewangan

Selaras dengan Saranan 3.26 dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), Bank Negara Malaysia telah merangka rangka kerja Penyeliaan Bergabung Konglomerat Kewangan. Ini bertujuan memastikan kekukuhan kewangan bagi kumpulan kewangan dapat dinilai dengan sewajarnya dan dikawal selia oleh penyelia secara menyeluruh untuk mengurangkan risiko yang berpunca daripada kumpulan kewangan yang mungkin menyahstabilkan sistem kewangan.

Selaras dengan ini, kertas kerja konsep Penyeliaan Bergabung Konglomerat Kewangan dikeluarkan kepada industri perbankan pada bulan Disember 2003. Saranan-saranan khusus yang dicadangkan merangkumi struktur kumpulan, urus tadbir korporat, pengurusan risiko, pendedahan dalam kumpulan dan keperluan laporan.

Pelaksanaan Program Pematuhan pada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA)

Bagi menangani aktiviti pengubahan wang haram, institusi perbankan dikehendaki melaksanakan program pematuhan pada AMLA. Program pematuhan tersebut merangkumi pelaksanaan sistem pemantauan urus niaga yang efektif dalam semua operasi institusi perbankan termasuk cawangan dan subsidiari. Di bawah program ini, latihan pekerja secara berterusan dan pengauditan bebas secara berkala perlu dilaksanakan.

Langkah-langkah Meningkatkan Daya Saing dan Kecekapan Industri Perbankan

Garis Panduan Kelulusan Produk Baru

Garis Panduan tersebut dikeluarkan pada bulan Mac 2003, merupakan sebahagian daripada langkah-langkah yang mendokong falsafah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia, iaitu "apa yang tidak dilarang, dibenarkan" sepertimana yang disarankan dalam PISK. Tujuan utama Garis Panduan tersebut ialah memansuhkan keperluan kelulusan terdahulu dengan kaedah notifikasi produk dan proses

kelulusan yang lebih mudah. Kaedah ini dijangka akan memberi dorongan kepada institusi perbankan untuk meningkatkan pelaburan dalam pembangunan produk baru yang lebih inovatif. Garis Panduan tersebut juga mengandungi keperluan untuk mendokong prinsip ketelusan dan memudahkan akses maklumat produk oleh pelanggan.

Pelaburan Berhubung Derivatif

Berkuat kuasa 12 Mei 2003, institusi perbankan dibenarkan untuk menawarkan produk pelaburan berhubung derivatif, selain daripada pelaburan berhubung derivatif kadar faedah dalam denominasi Ringgit. Sehubungan ini, kelulusan menyeluruh diberi kepada institusi perbankan untuk menawarkan produk pelaburan berhubung derivatif seperti berikut:

- Produk pelaburan berhubung dengan derivatif kadar faedah, komoditi, ekuiti dan pendapatan tetap, dalam denominasi Ringgit dan mata wang asing; dan
- Produk pelaburan berhubung dengan derivatif mata wang asing, dalam denominasi mata wang asing sahaja.

Walau bagaimanapun, institusi perbankan perlu memastikan bahawa syarat-syarat am penawaran produk pelaburan berhubung derivatif dan peraturan-peraturan kawalan pertukaran yang berkenaan dipatuhi. Bagi produk pelaburan berhubung derivatif kredit, kelulusan khusus daripada Bank Negara Malaysia masih diperlukan.

Pindaan Akta Bank Negara Malaysia 1958 (ABNM) dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (ABIK)

Kedua-dua ABNM dan ABIK telah dipinda untuk memberi peruntukan perundangan bagi menyokong usaha memajukan pasaran bon dan meningkatkan lagi daya saing dan kecekapan industri perbankan. Pindaan-pindaan tersebut berkuat kuasa 1 Januari 2004 bagi ABNM dan 15 Januari 2004 bagi ABIK.

Antara lain, ABNM dipinda bagi memperuntukkan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan fungsinya dalam menyediakan infrastruktur pasaran bon Ringgit, termasuk kuasa untuk menubuhkan dan menjalankan sistem bagi pasaran bon serta membuat peraturan operasi sistem tersebut.

ABIK digubal untuk memberi peruntukan bagi penubuhan syarikat perbankan dan kewangan, sebagai satu entiti yang memegang dua lesen, iaitu satu lesen bagi menjalankan perniagaan perbankan dan satu lagi bagi menjalankan perniagaan syarikat kewangan.

Langkah-langkah Peningkatan Akses kepada Pembiayaan

Penubuhan Unit Khas PKS Bank Negara Malaysia

Sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan lagi akses PKS kepada pembiayaan, Bank Negara Malaysia menubuhkan Unit Khas PKS pada bulan Mei 2003 bagi membantu PKS dalam aspek-aspek berikut:

- Menyediakan maklumat mengenai pelbagai sumber pembiayaan yang boleh diperoleh oleh PKS;
- Memudahkan proses permohonan pinjaman bagi PKS;
- Menyelesaikan masalah PKS yang berdaya maju untuk mendapatkan pembiayaan; dan
- Memberi khidmat nasihat kepada PKS berhubung keperluan kewangan.

Peranan Unit Khas PKS akan dikembangkan untuk merangkumi perkara-perkara berikut:

- Koordinasi, pemantauan dan penilaian terhadap keperluan pembiayaan oleh PKS;
- Merumus dasar dan strategi bagi meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan;
- Menubuh dan menyelenggara pangkalan data pembiayaan PKS;
- Meningkatkan kesedaran PKS terhadap pelbagai sumber pembiayaan; dan
- Merumus program latihan berstruktur bagi PKS.

Peruntukan Tambahan bagi Tabung Khas PKS
Sebagai salah satu usaha bagi memastikan dana yang mencukupi boleh diperoleh oleh PKS pada kos yang berpatutan, Bank Negara Malaysia telah menambahkan peruntukan dana sebanyak dua kali pada tahun 2003 iaitu masing-masing berjumlah RM1,350 juta dan RM650 juta, bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2). Secara keseluruhan, jumlah dana bagi TIKS2 dan TUB2, masing-masing meningkat kepada RM2 bilion dan RM1.15 bilion.

Mekanisme Penyelesaian Pinjaman Kecil
Bagi membantu penyusunan semula pinjaman tidak berbayar PKS yang masih beroperasi serta membantu keperluan kewangan mereka, Bank Negara Malaysia menubuhkan Mekanisme Penyelesaian Hutang Kecil pada bulan November 2003.

Menerusi mekanisme ini, sebuah Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil yang terdiri daripada 11 orang ahli telah ditubuhkan bagi menjalankan penilaian bebas terhadap daya maju perniagaan serta mencadangkan kaedah penyusunan semula pinjaman dan keperluan pembiayaan baru bagi perniagaan yang terjejas. Unit Khas PKS Bank Negara Malaysia berfungsi sebagai Urus setia kepada Jawatankuasa tersebut.

Mekanisme ini dibuka kepada semua PKS yang masih beroperasi dan mempunyai pinjaman tidak berbayar agregat tidak melebihi RM3 juta dengan bank perdagangan, syarikat kewangan, bank-bank Islam, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad.

Memandangkan proses penyusunan semula pinjaman mungkin melibatkan pembiayaan baru, Bank Negara Malaysia menubuhkan Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil dengan peruntukan sebanyak RM800 juta. Sehubungan ini, perniagaan yang layak, boleh memperoleh pembiayaan baru sehingga RM1.5 juta pada kadar pembiayaan 5% setahun bagi tempoh pinjaman maksimum selama 5 tahun.

Dengan penubuhan mekanisme ini, Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan dan Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana telah ditamatkan.

Akses Pembiayaan bagi Sektor-sektor Keutamaan
Seperti pada tahun-tahun yang lepas, Bank Negara Malaysia terus memberi penekanan peminjaman oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan kepada sektor-sektor keutamaan, iaitu komuniti Bumiputera, PKS dan pembelian rumah kos rendah dan sederhana. Institusi perbankan diperuntukkan sasaran pinjaman berdasarkan beberapa faktor tertentu yang mengambil kira kapasiti masing-masing.

Penubuhan Kemudahan Jaminan Khas bagi Perniagaan yang Terjejas Akibat Wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS)
Sebagai sebahagian daripada Pakej Ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan pada Mei 2003 untuk membantu perniagaan yang terjejas akibat wabak SARS, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Kemudahan Jaminan Khas dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion dalam bentuk dana jaminan melalui *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC).

Antara ciri-ciri utama kemudahan tersebut adalah seperti berikut:

- Kemudahan ini dilaksanakan melalui semua bank perdagangan, bank-bank Islam, syarikat kewangan, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad;
- Had jumlah pembiayaan maksimum ialah RM2.5 juta untuk tempoh pinjaman selama 2 tahun;
- Kadar pinjaman ialah 3.75% setahun bagi tahun pertama dan tidak melebihi kadar 3 bulan KLIBOR tambah 1 mata peratusan untuk tahun berikutnya; dan
- CGC akan menjamin 80% daripada pinjaman yang diberi oleh institusi pelaksana.

Bantuan Kewangan Institusi Perbankan untuk Peminjam dalam Industri-industri yang Terjejas Akibat Wabak SARS

Bagi menangani wabak SARS yang menjejaskan beberapa industri, institusi perbankan dikehendaki merumus skim penjadualan atau penyusunan semula yang sesuai untuk mengurangkan beban kewangan yang dialami oleh peminjam yang perniagaannya terlibat dan aliran tunainya terjejas akibat wabak SARS. Program penjadualan/penyusunan semula tersebut perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

Bagi melancarkan pelaksanaan langkah ini, Bank Negara Malaysia telah mengecualikan keperluan dalam Garis Panduan Pengelasan Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk yang memerlukan kelulusan Bank Negara Malaysia bagi tujuan penjadualan semula pinjaman berbayar yang melebihi sekali dalam tempoh 2 tahun.

Langkah-langkah Berkaitan dengan Konsumerisme

BankingInfo

Bagi menggalakkan lagi kesedaran kewangan di kalangan pihak awam dan meningkatkan pemahaman mengenai peranan dan fungsi peserta segmen yang berkaitan dalam sistem kewangan, Bank Negara Malaysia melancarkan Program Pendidikan Pengguna, yang dikenali sebagai "BankingInfo" pada bulan Januari 2003.

Secara amnya, "BankingInfo" bertujuan untuk:

- Menyebar maklumat mengenai ciri-ciri produk dan perkhidmatan perbankan, termasuk hak dan tanggungjawab pengguna serta institusi kewangan dengan jelas dan mudah;
- Mempromosi pemahaman awam tentang peranan dan fungsi peserta-peserta sistem kewangan;
- Menyedarkan para pengguna mengenai urus niaga haram dan penipuan kewangan;
- Menyediakan maklumat asas mengenai pengurusan kewangan dan kepentingan simpanan serta perancangan kewangan; dan
- Menyediakan maklumat mengenai cara menebus rugi sekiranya berlaku kerugian kewangan.

Sehingga kini, 18 buku kecil telah diterbitkan untuk para pengguna dan terbitan tersebut boleh didapati dari semua cawangan institusi perbankan serta laman web www.bankinginfo.com.my.

Pembentukan Biro Perantaraan Kewangan (BPK)

Selaras dengan Saranan 3.37 PISK, kertas kerja konsep mengenai pembentukan BPK yang berobjektif untuk mengembangkan lagi peranan-peranan yang dimainkan oleh kedua-dua Biro Perantaraan Perbankan dan Biro Perantaraan Insurans telah dikeluarkan pada bulan April 2003.

Keahlian-keahlian dalam BPK akan merangkumi:

- Bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan bank-bank Islam;
- Institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
- Operator dan pengeluar instrumen pembayaran di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003; dan
- Syarikat insurans, operator Takaful dan Malaysian Nasional Reinsurance Berhad.

Pembentukan BPK ini dijangka membantu institusi kewangan dalam meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan. BPK juga meliputi julat aduan yang lebih luas terhadap institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN

Tinjauan Ringkas

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan sistem perbankan pada tahun 2003 kekal pada tahap kukuh. Penunjuk-penunjuk kewangan utama bagi sistem perbankan masih di paras baik tanpa mempamerkan tanda-tanda kelemahan. Tahap permodalan tetap tinggi dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) mengalami penurunan manakala keuntungan meningkat. Seiring dengan persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan peningkatan berterusan dalam sentimen perniagaan dan pengguna, aktiviti pemberian pinjaman institusi perbankan adalah memberangsangkan. Prestasi kukuh sistem perbankan bercirikan:

- Tahap permodalan yang kukuh hasil keuntungan yang lebih tinggi dan suntikan modal;
- Tahap mudah tunai dalam sistem kewangan yang tinggi sepanjang tahun;
- Aktiviti pemberian pinjaman yang mengukuh didorong terutamanya oleh pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana dan sektor isi rumah;
- Keuntungan yang bertambah hasil daripada pendapatan faedah bersih yang meningkat, peruntukan yang lebih rendah bagi hutang lapuk dan ragu, dan kutipan pinjaman tidak berbayar yang tinggi;
- Margin kadar faedah yang kian mengecil memandangkan kadar faedah menerima tekanan menurun akibat persaingan dalam suasana pulangan ke atas deposit yang stabil;
- Penurunan dalam NPL. Pengelasan NPL baru adalah lebih rendah, manakala kutipan semula hutang dan pengelasan semula akaun pinjaman tidak berbayar kepada berbayar kekal pada paras yang tinggi; dan
- Tahap pendedahan kepada risiko pasaran kekal di tahap berhemat.

Keuntungan

Berlatarbelakangkan keadaan ekonomi yang bertambah baik, keuntungan operasi kasar sistem perbankan meningkat sebanyak 7% kepada RM11.8 bilion pada tahun 2003, didorong terutamanya oleh peningkatan pendapatan faedah bersih. Bank perdagangan dan syarikat kewangan mencatatkan peningkatan keuntungan operasi kasar, masing-masing sebanyak 7.7% dan 9.7%. Walau bagaimanapun, keuntungan operasi kasar bank saudagar berkurangan sebanyak 18.5% disebabkan terutamanya oleh penurunan pendapatan faedah bersih dan pendapatan yang dijana daripada aktiviti-aktiviti berasaskan fi.

Jumlah peruntukan hutang lapuk dan ragu sistem perbankan menurun sebanyak 4% pada tahun 2003 didorong terutamanya oleh kadar pemulihan yang lebih tinggi, iaitu 10.1% atau RM384.8 juta. Keadaan ekonomi yang bertambah baik dan penyusunan semula pinjaman yang dijalankan sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini mengukuhkan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman, seterusnya menyumbang kepada peningkatan pemulihan. Penyusutan peruntukan hutang lapuk dan ragu berserta peningkatan keuntungan operasi kasar telah meningkatkan keuntungan awalan sebelum cukai yang belum diaudit sebanyak 10.2% kepada RM10.3 bilion pada tahun 2003. Hasilnya, pulangan ke atas ekuiti sistem perbankan meningkat kepada 17.1%, manakala pulangan ke atas aset adalah 1.4%.

Berikutan persaingan yang kukuh dalam pasaran pinjaman dan penyahantaraan yang lebih ketara daripada pasaran modal, pendapatan faedah menerusi aktiviti pinjaman dan pembiayaan menurun sedikit iaitu sebanyak 1.1% pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, penyusutan tersebut telah diimbangi oleh peningkatan pendapatan faedah daripada pemegangan sekuriti hutang dan penurunan faedah tergantung. Mengikut jenis institusi, bank perdagangan dan syarikat kewangan mencatatkan pertambahan pendapatan faedah bersih masing-masing sebanyak 6.4% dan 5.9% pada tahun 2003. Pendapatan faedah bersih bank saudagar berkurangan sebanyak 7.7%, iaitu trend lazim bagi beberapa tahun ini berikutan tumpuan perniagaan bank saudagar yang beralih daripada aktiviti-aktiviti berasaskan dana kepada aktiviti-aktiviti berasaskan fi.

Walaupun pendapatan berasaskan fi meningkat dengan kukuh sebanyak 9.9%, sebagai peratusan daripada jumlah aset, ia kekal stabil pada paras 0.5%. Pendapatan berasaskan fi daripada aktiviti-aktiviti pinjaman dan pembiayaan meningkat sebanyak 11.8%, sejajar dengan pertumbuhan aktiviti pemberian pinjaman. Namun demikian, pendapatan berasaskan fi daripada aktiviti-aktiviti pinjaman dan pembiayaan hanya merangkumi 0.2% daripada jumlah pinjaman, jauh lebih rendah daripada paras purata yang dicatatkan oleh bank asing iaitu sekitar 0.5%. Dalam kes bank saudagar, pendapatan berasaskan fi menurun sedikit, iaitu 3.1% kepada RM327.6 juta. Punca utama adalah

Jadual 4.6
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar			
	2002	2003*a*	Perubahan tahunan	
	RM juta			%
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	35,481	37,420	1,940	5.5
(Faedah tergantung)	*5,578*	*4,752*	*-826*	*-14.8*
Tolak: Perbelanjaan faedah	17,763	18,673	910	5.1
Pendapatan faedah bersih	17,718	18,748	1,030	5.8
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,314	3,642	328	9.9
Tolak: Kos kakitangan	4,698	4,981	284	6.0
Kos overhed	5,315	5,614	299	5.6
Keuntungan operasi kasar	11,019	11,795	776	7.0
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu	5,497	5,276	-220	-4.0
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,523	6,518	996	18.0
Campur: Pendapatan lain	3,805	3,759	-46	-1.2
Untung sebelum cukai	9,328	10,278	950	10.2
Di mana:				
Bank perdagangan	6,357	6,908	550	8.7
Syarikat kewangan	2,379	2,678	298	12.5
Bank saudagar	591	692	101	17.0
Pulangan ke atas aset (%)	1.3	1.4		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	16.3	17.1		
Kos ke atas pendapatan[2] (%)	47.6	47.3		

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Hanya mengambil kira kos kakitangan, kos overhed, pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi.
a Awalan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

pendapatan daripada aktiviti-aktiviti khidmat nasihat korporat dan penaja jaminan yang menurun, masing-masing sebanyak 12.4% dan 9.6%, disebabkan oleh bilangan aktiviti penyusunan semula pinjaman yang berkurangan pada tahun 2003.

Usaha-usaha rasionalisasi yang dijalankan lanjutan daripada program penggabungan untuk meningkatkan kecekapan operasi mula menunjukkan keputusan yang positif. Keuntungan operasi kasar setiap pekerja meningkat daripada RM125,500 pada tahun 2002 kepada RM134,800 pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pemasaran telah meningkat sebanyak 7.4% disebabkan institusi perbankan memperhebatkan usaha memperluaskan pasaran. Kos kakitangan setiap pekerja juga meningkat sedikit daripada RM53,500 pada tahun 2002 kepada RM56,900 pada tahun 2003 berikutan pakej imbuhan yang lebih baik yang ditawarkan oleh institusi perbankan untuk mengekal dan memberi ganjaran kepada kakitangan.

Margin Kadar Faedah

Pendapatan faedah daripada aktiviti pinjaman dan pembiayaan merangkumi 66% daripada pendapatan operasi kasar sistem perbankan pada tahun 2003 (2002: 69%). Ini mencerminkan peranan sistem perbankan sebagai pembekal utama dana kepada ekonomi.

Margin kadar faedah kasar terus mengecil pada tahun 2003 disebabkan persaingan hebat dalam aktiviti pemberian pinjaman bank yang terus memberi tekanan ke atas kadar faedah pinjaman berbanding dengan pulangan ke atas deposit yang lebih stabil. Margin kadar faedah kasar, yang dihitung berdasarkan perbezaan antara purata kadar berian pinjaman (ALR) yang dikenakan oleh institusi perbankan ke atas pinjaman dan pendahuluan, dan kadar faedah yang dibayar ke atas deposit dan dana yang dipinjam (purata kos dana atau ACF), menurun sebanyak 21 mata asas kepada 3.69 mata peratusan bagi bank perdagangan (2002: 3.90 mata peratusan). Seperti mana bank perdagangan, margin kadar faedah syarikat kewangan juga mengecil kepada 5.70 mata peratusan daripada 6.08 mata peratusan pada akhir tahun 2002.

Pengecilan margin kadar faedah kasar disebabkan penurunan ALR yang lebih besar yang mengimbangi penurunan ACF yang marginal. Pada akhir tahun 2003, ALR bank perdagangan berada pada paras 6.11% setahun, manakala bagi syarikat kewangan ialah 9.11% setahun (2002: masing-masing 6.51% setahun dan 9.75% setahun). Penurunan ALR mencerminkan pengurangan sebanyak 50 mata asas bagi kadar campur tangan Bank Negara Malaysia pada bulan Mei 2003 yang menyebabkan penurunan dalam kadar berian pinjaman asas sebanyak 40 mata asas. Walaupun kadar faedah dasar turun sebanyak 50 mata asas, ACF menurun sedikit (20 dan 26 mata peratusan masing-masing bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan). Ini memandangkan sebahagian besar dana bank perdagangan dan syarikat kewangan merangkumi deposit tetap, yang penurunan kadar faedahnya hanyalah sedikit.

Purata kadar faedah ke atas pinjaman baru (tidak termasuk pinjaman kad kredit) yang diluluskan oleh bank perdagangan adalah sebanyak 5.59% setahun pada tahun 2003. Purata kadar faedah ke atas

pinjaman baru yang diluluskan oleh syarikat kewangan pula menurun sebanyak 44 mata asas kepada 6.64% setahun. Pada tahun 2003, purata kadar faedah ke atas pinjaman baru yang diluluskan oleh bank perdagangan untuk sektor perniagaan dan perusahaan kecil dan sederhana masing-masing menurun kepada 5.97% setahun dan 6.40% setahun (2002: masing-masing 6.16% dan 6.55% setahun).

Namun demikian, ALR mencatatkan pendapatan faedah yang lebih tinggi daripada yang sebenarnya diperoleh oleh institusi perbankan. Ini disebabkan ia mengambil kira faedah terakru bagi NPL yang belum diperoleh (iaitu faedah tergantung atau IIS) meskipun institusi perbankan terus menanggung kos bagi dana yang dipinjam, terutamanya deposit, bagi membiayai pinjaman tersebut. Di samping itu, institusi perbankan juga menanggung kos pentadbiran dalam mengurus dan memantau pinjaman tersebut. Margin kadar faedah bersih (margin kasar selepas penyelarasan IIS dan kos pentadbiran) bagi bank perdagangan meningkat sedikit kepada 1.31 mata peratusan (2002: 1.25 mata peratusan) manakala bagi syarikat kewangan kekal pada 3.14 mata peratusan. Peningkatan tersebut disebabkan oleh IIS dan kos pentadbiran yang lebih rendah. Sejajar dengan penurunan NPL, jumlah IIS menurun daripada 1.16% kepada 0.93% daripada pinjaman bank perdagangan dan daripada 1.56% kepada 1.28% daripada pinjaman syarikat kewangan. Sebagai tambahan, kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan mencatat kos overhed dan kakitangan yang lebih rendah sebanyak 1.46% daripada aset berkaitan faedah bagi bank perdagangan dan 1.28% bagi syarikat kewangan pada tahun 2003 (2002: masing-masing sebanyak 1.49% dan 1.38% daripada aset berkaitan faedah).

Jadual 4.7
Purata Berwajaran Kadar Faedah untuk Pinjaman Baru yang Diluluskan

	Bank perdagangan		Syarikat kewangan	
	Purata bagi tahun (% setahun)			
	2002	2003	2002	2003
Pinjaman perniagaan	6.16	5.97	7.46	7.30
di antaranya: IKS	*6.55*	*6.40*	*7.40*	*6.99*
Pinjaman isi rumah[1]	4.78	4.81	7.02	6.53
di antaranya:				
Pembelian hartanah kediaman	*4.42*	*4.46*	*4.49*	*4.00*
Pembelian kereta penumpang	*t.b.*	*t.b.*	*7.16*	*6.70*

[1] Tidak termasuk pinjaman kad kredit.
t.b. Tidak berkenaan.

Dengan persaingan yang semakin sengit dalam pasaran pinjaman di kalangan institusi perbankan dan dengan peserta bukan tradisional, cabaran kepada institusi perbankan adalah untuk mempertingkatkan kecekapan operasi dan kemampuan mengurus risiko. Langkah ini adalah kritikal bagi menjamin prestasi pendapatan yang mapan dan seterusnya pulangan mereka.

Aktiviti Berian Pinjaman

Penunjuk-penunjuk bagi aktiviti berian pinjaman mencatat arah aliran meningkat sepanjang tahun 2003 meskipun berlakunya wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan ketidakpastian struktur duti eksais kenderaan. Penerbitan sekuriti hutang swasta (PDS) turut meningkat pada tahun 2003. Sumber pembiayaan yang pelbagai, khususnya untuk sektor korporat, menyebabkan peningkatan dalam jumlah pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan kepada pelanggan runcit dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), lantas menyokong pertumbuhan dalam penggunaan persendirian dan aktiviti perniagaan. Langkah awalan Kerajaan telah membantu mengurangkan kesan wabak SARS ke atas ekonomi. Dengan sentimen pengguna dan perniagaan yang bertambah pulih, aktiviti perniagaan kembali pesat manakala tahap perbelanjaan pengguna meningkat, sekali gus merangsang permintaan kepada pembiayaan.

Kelulusan pinjaman baru oleh sistem perbankan berkembang pesat didorong oleh permintaan yang mapan. Pada tahun 2003, sistem perbankan menerima permohonan pinjaman berjumlah RM220 bilion. Pada akhir tahun 2003, lebih 2.2 juta permohonan berjumlah RM151.4 bilion diluluskan oleh sistem perbankan, iaitu 11.2% lebih tinggi daripada jumlah yang diluluskan pada tahun 2002. Dengan purata RM12.6 bilion sebulan, kelulusan pinjaman ini adalah yang tertinggi semenjak krisis kewangan Asia, melampaui tahap 2002. Penolakan permohonan

Kedudukan kewangan sistem perbankan yang kian mengukuh menyumbang kepada pembiayaan yang lebih tinggi bagi penggunaan persendirian dan aktiviti perniagaan.

Jadual 4.8
Sistem Perbankan[1]: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2002	2003	
	RM bilion		
Kelulusan pinjaman	136.1	151.4	11.2
Pengeluaran pinjaman	404.3	433.6	7.2
Pembayaran balik pinjaman	396.1	422.8	6.8
	Pada akhir tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2002	2003	
	RM bilion		
Jumlah pinjaman	443.0	464.2	4.8
Jumlah pembiayaan sistem perbankan[2]	468.9	496.5	5.9
Jumlah pembiayaan keseluruhan ekonomi[3]	546.1	600.2	9.7

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Jumlah pinjaman sistem perbankan dicampur sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan.
[3] Jumlah pinjaman sistem perbankan dicampur sekuriti hutang swasta terkumpul.

pinjaman berjumlah RM26 bilion atau 11.8% daripada jumlah permohonan pinjaman yang diterima. Pengeluaran pinjaman meningkat pada kadar tahunan 7.2% kepada RM433.6 bilion pada tahun 2003. Memandangkan pengeluaran pinjaman mengatasi pembayaran balik, jumlah pinjaman sistem perbankan berkembang sebanyak 4.8% kepada RM464.2 bilion pada akhir tahun 2003. Jumlah pinjaman yang belum dikeluarkan pula meningkat sebanyak 3.6% kepada RM134.3 bilion.

Pinjaman kepada Isi Rumah
Jumlah pinjaman bagi sektor isi rumah meningkat sebanyak 12.5% kepada RM226.1 bilion untuk mencakupi 48.7% daripada portfolio pinjaman sistem perbankan. Seperti tahun sebelumnya, sebahagian besar aktiviti berian pinjaman adalah dalam bentuk pembiayaan gadai janji rumah kediaman, sewa beli kenderaan dan pinjaman kad kredit. Permintaan kepada pembiayaan baru terus kukuh, didorong sebahagian besarnya oleh kadar faedah yang rendah, kedudukan guna tenaga yang stabil dan persaingan antara pengeluar kereta. Ini dirangsangkan lagi oleh pelbagai insentif Kerajaan kepada pembeli rumah, termasuk pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman yang dibayar bagi pemilik rumah kali pertama yang membeli harta tanah berharga RM100,000 sehingga RM180,000 daripada pemaju, pembayaran tunai sebanyak RM600 kepada peminjam berpendapatan rendah dan pengecualian duti setem bagi dokumentasi pinjaman untuk pembelian rumah berharga tidak melebihi RM180,000. Dalam memenuhi permintaan ini, institusi perbankan menawarkan pakej pembiayaan yang menarik dan mengambil strategi promosi yang agresif.

Permohonan yang diterima pada tahun 2003 adalah lebih tinggi, iaitu berjumlah RM95.8 bilion (+19.1%), yang sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan pembiayaan pembelian harta kediaman dan kenderaan penumpang serta permohonan kad kredit. Kelulusan baru meningkat sebanyak 7.4% kepada RM71.4 bilion dengan purata kadar faedah antara 4.32% sehingga 5.09% setahun untuk bank perdagangan, dan antara 6.29% sehingga 6.82% setahun untuk syarikat kewangan. Kelulusan bagi pembiayaan sewa beli kenderaan dan kad kredit, masing-masing meningkat dengan ketara sebanyak 15.2% dan 14.1%. Walau bagaimanapun, jumlah kelulusan bagi pembelian harta kediaman menokok sedikit sahaja sebanyak 2.4% kepada RM29.7 bilion, dengan sebahagian besarnya adalah untuk membiayai pembelian harta tanah bernilai tinggi berikutan pelancaran beberapa projek baru pada tahun 2003. Sebagaimana kelulusan pinjaman yang mempamerkan arah aliran menaik, pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah turut meningkat. Dengan jumlah RM113 bilion, ia mencatat kadar peningkatan sebanyak 8.6% berbanding jumlah pengeluaran pada tahun sebelumnya. Satu trend yang ketara ialah penggunaan kad kredit yang tinggi pada tahun ini ekoran penerimaan lebih meluas oleh pengguna dan penjual kepada kaedah pembayaran berasaskan kad. Penggunaan kad kredit meningkat sebanyak 19.6% kepada RM30.4 bilion dalam tahun tersebut. Walaupun tahap penggunaan adalah tinggi, baki pinjaman kad kredit hanya mencakupi sebahagian kecil, iaitu sebanyak 2.6% daripada jumlah pinjaman.

Pinjaman kepada Sektor Perniagaan
Sepanjang tahun 2003, pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan terus memberangsangkan untuk menyokong aktiviti ekonomi yang kian kukuh. Pelbagai bentuk bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesan wabak SARS membantu merangsang permintaan kepada pembiayaan oleh

sektor swasta. Untuk melengkapi langkah ini, institusi perbankan bertindak menjadual/menyusun semula pinjaman berjumlah RM2.5 bilion dan menyalur pembiayaan baru kepada perniagaan yang terjejas. Kemudahan Jaminan Khas yang dilancarkan pada bulan Mei 2003 dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion turut membuka peluang kepada perniagaan yang terjejas oleh SARS mendapat pembiayaan pada kadar faedah yang rendah. Pada akhir tahun 2003, pembiayaan modal kerja berjumlah RM40.3 juta telah diluluskan kepada 76 peminjam dengan jaminan berjumlah RM32.2 juta *[Sila rujuk rencana "Langkah-langkah Perbankan pada tahun 2003" untuk maklumat lanjut].*

Pada keseluruhan tahun ini, kelulusan kemudahan kewangan kepada perniagaan meningkat sebanyak 13.5% kepada RM76.5 bilion, walaupun permohonan pinjaman mengalami penurunan sebanyak 5.1%. Kelulusan pinjaman kepada perniagaan adalah untuk pelbagai sektor dengan perniagaan dalam sektor perkilangan (20.8%), pembinaan (14.5%), dan perdagangan borong dan runcit (13.3%) mencakupi sebahagian besar daripada kemudahan kredit baru yang diluluskan. Apa yang menarik adalah kelulusan pinjaman kepada perniagaan dalam sektor perdagangan borong dan runcit yang mencatat pertumbuhan sebanyak 28.6% kepada RM10.2 bilion, manakala kemudahan pembiayaan baru kepada hotel dan restoran meningkat sebanyak 83.4%. Ini mencerminkan sokongan berterusan sektor perbankan kepada perniagaan dalam sektor tersebut tatkala wabak SARS melanda. Kadar faedah pinjaman untuk pinjaman baru kepada perniagaan tetap menarik dengan purata 5.51% sehingga 6.42% setahun bagi bank perdagangan dan 6.94% sehingga 7.64% setahun bagi syarikat kewangan.

Aktiviti ekonomi yang lebih pesat mendorong kepada peningkatan pengeluaran pinjaman kepada perniagaan. Pengeluaran kepada sektor perniagaan sebanyak RM296.8 bilion (+7.6%) mencakupi 68.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman sistem perbankan. Sebahagian besar daripada pinjaman tersebut disalurkan kepada sektor perkilangan (36.3%), dan sektor perdagangan borong dan runcit (22.9%). Pengeluaran kepada sektor tersebut, masing-masing meningkat sebanyak 4.9% dan 9.2%. Walaupun dana yang digunakan oleh sektor pembinaan secara amnya lebih rendah pada tahun 2003, dana yang digunakan oleh kontraktor kejuruteraan am dan awam meningkat sebanyak 18.1% kepada RM9.4 bilion. Pada akhir tahun 2003, jumlah pinjaman kepada sektor perniagaan menurun sedikit sebanyak 2.2% berikutan penukaran pinjaman kepada sekuriti hutang dan pembayaran balik pinjaman yang tinggi (+8.4%). Dalam pada itu, pinjaman yang belum digunakan oleh perniagaan menurun sebanyak 3.6%.

Pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Sistem perbankan terus menyokong PKS dengan menyalurkan dana yang lebih tinggi untuk membiayai aktiviti perniagaan mereka, seperti yang ditunjukkan oleh tahap pinjaman baru yang diberi sepanjang tahun ini. Komitmen ini diperkukuhkan dengan penubuhan unit khas untuk PKS di hampir kesemua bank perdagangan. Bagi sesetengah institusi, unit PKS ini bukan setakat menjalankan aktiviti berhubung pemberian pembiayaan bahkan turut merangkumi khidmat pembangunan dan sokongan, seperti mengenal pasti dan merangka produk dan perkhidmatan kewangan bagi memenuhi keperluan PKS, mengendali sesi latihan dan bengkel, serta khidmat nasihat lain seperti pengurusan kewangan dan wang tunai.

Pengeluaran turut meningkat dengan banyak untuk mencakupi 29% (RM86 bilion) daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 75.5% daripada jumlah yang dikeluarkan pada tahun sebelumnya. Dalam pada itu, jumlah pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 8.8% kepada RM80.2 bilion untuk mencakupi 38.4% daripada jumlah pinjaman sektor perniagaan pada akhir tahun 2003. Sepanjang tahun tersebut, hampir 75,000 PKS mendapat kemudahan kredit baru berjumlah RM25.5 bilion pada kadar faedah pinjaman yang menarik dengan purata antara 5.96% sehingga 6.87% setahun bagi bank perdagangan dan 6.57% sehingga 7.38% setahun bagi syarikat kewangan. Ini mencakupi sepertiga daripada jumlah kelulusan bagi sektor perniagaan.

Pada tahun 2003, jumlah peruntukan kepada dua tabung khas telah ditambah sebanyak dua kali untuk memenuhi permintaan yang meningkat. Peruntukan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 telah dinaikkan sebanyak RM1.35 bilion kepada RM2 bilion dan bagi Tabung Usahawan Baru 2 pula sebanyak RM0.65 bilion kepada RM1.15 bilion. Secara agregat, Bank

Negara Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM5.6 bilion di bawah lima[1] tabung khas bagi PKS dalam pelbagai segmen perniagaan. Daripada jumlah ini, RM5.2 bilion telah diluluskan setakat akhir tahun 2003.

Selaras dengan usaha meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan, Unit Khas PKS telah ditubuhkan di Bank Negara Malaysia pada bulan Mei 2003. Di peringkat permulaan operasinya, Unit tersebut tertumpu pada usaha menyebar maklumat mengenai pelbagai sumber pembiayaan yang ada bagi PKS; membantu PKS dalam proses permohonan pinjaman; membantu PKS yang berdaya maju tetapi menghadapi kesukaran memperoleh pembiayaan; dan memberi khidmat nasihat kepada PKS mengenai keperluan kewangan mereka. Di samping itu, Unit ini menangani sebarang masalah dan aduan PKS yang berkaitan dengan pinjaman mereka. Setakat akhir tahun 2003, Unit ini telah menerima 1,789 permohonan daripada PKS untuk mendapatkan bantuan, dengan 82% adalah pertanyaan mengenai maklumat dan sumber pembiayaan, dan maklumat lanjut berhubung tabung-tabung khas. Bagi menyelaras dan menyediakan akses pembiayaan bagi sektor PKS, skop operasi Unit ini akan diperluaskan untuk menjadi sebuah Unit sehenti yang bertanggungjawab ke atas kesemua inisiatif berkaitan dengan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan bagi PKS *[Sila rujuk rencana "Langkah-langkah Perbankan pada tahun 2003" bagi butiran lanjut mengenai peluasan skop Unit tersebut].*

Untuk menangani masalah PKS berhubung dengan NPL, Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil (JPHK) telah ditubuhkan bagi membantu penyusunan semula NPL bagi PKS yang masih beroperasi dan berdaya maju. Sebagaimana Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat, JPHK akan melaksanakan penilaian secara bebas ke atas permohonan penyusunan semula pinjaman oleh PKS. Bagi memenuhi keperluan pembiayaan bagi PKS yang layak di bawah JPHK, Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM800 juta *[Sila rujuk rencana "Langkah-langkah Perbankan pada tahun 2003" untuk keterangan lanjut].*

[1] Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (RM2 bilion), Tabung Usahawan Baru 2 (RM1.15 bilion),
Tabung Untuk Makanan (RM1.3 bilion), Tabung Projek Usahawan Bumiputera (RM0.3 bilion) dan
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil (RM0.8 bilion)

Profil Pinjaman
Struktur portfolio pinjaman sistem perbankan mengalami perubahan ketara sejak krisis kewangan Asia dengan bahagian yang dicakupi oleh pinjaman bersaiz kecil telah meningkat dan jenis pelanggan kini lebih pelbagai, berikutan penumpuan yang lebih kepada sektor runcit dan PKS. Perkembangan ini membaiki taburan risiko dalam sistem perbankan khasnya dan sistem kewangan amnya. Jumlah pinjaman di bawah RM100,000 mencakupi 30.9% daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada akhir tahun 2003. Jumlah pinjaman antara RM100,000 dan RM500,000 berkembang sebanyak 14% untuk merangkumi 24.4% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2003. Secara agregat, jumlah pinjaman di bawah RM1 juta kini mencakup 60% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan, berbanding 48% semasa tempoh sebelum krisis iaitu pada tahun 1996.

Institusi Perbankan dan Pasaran Bon
Perolehan bersih daripada terbitan baru PDS oleh syarikat korporat meningkat dengan ketara kepada RM45.8 bilion, berbanding RM26.7 bilion pada tahun sebelumnya. Lebih 60% daripada PDS diterbitkan pada separuh pertama tahun 2003 berikutan kadar pulangan bon yang tinggi pada separuh tahun kedua 2003 yang menyebabkan banyak syarikat yang menangguhkan cadangan terbitan bon masing-masing. Pada akhir tahun 2003, jumlah PDS mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 30.8% kepada RM136 bilion. Daripada jumlah ini, 23.7% dipegang oleh sistem perbankan. Secara agregat, jumlah pinjaman sistem perbankan dan jumlah PDS meningkat sebanyak 9.7% kepada RM600.2 bilion pada akhir tahun 2003.

Kualiti Aset
NPL telah terus berkurangan berikutan suasana ekonomi yang memberangsangkan. Pengelasan NPL baru pada tahun ini menurun manakala kutipan balik hutang dan pengelasan semula NPL sebagai pinjaman berbayar adalah tinggi. Walaupun wabak SARS menjejaskan aliran tunai sesetengah perniagaan, khususnya industri berkaitan pelancongan, tindakan pantas Kerajaan dan institusi perbankan telah mengelak kesan negatif yang berlanjutan ke atas ekonomi dalam negeri.

NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 8.2% kepada RM38.3 bilion pada akhir tahun 2003. Hasilnya, nisbah NPL bersih menurun

sebanyak 1.4 mata peratusan kepada 8.7%. Penurunan NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan adalah lebih sederhana, iaitu sebanyak 3.1% kepada RM29.9 bilion untuk mencakupi 6.8% jumlah pinjaman bersih pada akhir tahun 2003, berbanding dengan 7.4% pada akhir tahun 2002. Nisbah tahap perlindungan kerugian pinjaman berdasarkan klasifikasi 3 bulan dan 6 bulan mengukuh, dengan nisbahnya masing-masing berada pada 53.9% dan 59.1%. Sekiranya nilai cagaran diambil kira, nisbah tahap perlindungan semakin mengukuh kepada 157.9% berdasarkan klasifikasi 3 bulan dan 163.8% berdasarkan klasifikasi 6 bulan.

Penurunan dalam tahap NPL adalah disebabkan pengelasan NPL baru yang lebih rendah, pinjaman lapuk yang dihapus kira serta kutipan balik hutang dan pengelasan semula NPL kepada pinjaman berbayar yang kukuh. Jumlah NPL baru pada tahun 2003 menurun sebanyak 3.2% kepada RM24.5 bilion mencerminkan suasana ekonomi yang lebih baik. Walaupun kutipan balik hutang dan pengelasan semula NPL menurun sebanyak 3.5%, tahapnya masih kukuh pada RM22.6 bilion pada tahun 2003. Ini adalah disebabkan kutipan balik hutang dan pengelasan semula NPL yang tinggi sebanyak RM23.5 bilion pada tahun sebelumnya. Keperluan peruntukan hutang lapuk dan ragu yang lebih rendah berikutan penurunan NPL membolehkan institusi perbankan menghapus kira sebanyak RM8 bilion pinjaman lapuk pada tahun 2003.


Sepanjang tahun 2003, hanya dua skim penyusunan semula di bawah Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat dilaksanakan, yang melibatkan hutang berjumlah RM9.3 bilion. Pada akhir tahun 2003, sebanyak 14 kes yang melibatkan hutang berjumlah RM7.3 bilion masih belum dilaksanakan.

Jumlah pinjaman tertunggak tidak termasuk NPL terus stabil sepanjang tahun, kecuali kenaikan sementara pada bulan Jun, berkemungkinan disebabkan oleh kesan SARS. Oleh itu, kedudukan pinjaman tertunggak hampir tidak berubah sebanyak RM78.1 bilion pada akhir tahun 2003. Daripada jumlah ini, sebanyak 23.9% adalah pinjaman tertunggak untuk tempoh antara 2 bulan dan kurang daripada 6 bulan. Sepanjang tahun 2003, pinjaman dalam kategori ini merekodkan penurunan yang kecil, iaitu sebanyak RM0.1 bilion atau 0.6%, kepada RM18.7 bilion untuk mencakupi 4% daripada jumlah pinjaman kasar pada akhir tahun 2003.

Kemajuan prasarana dan peningkatan amalan kredit memastikan pendedahan sistem perbankan kepada isi rumah berada pada paras berhemat.


Berbanding dengan krisis perbankan pada akhir tahun 1980-an yang mengalami kadar penurunan nisbah

Graf 4.5
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.6
Sistem Perbankan[1]: Profil Pinjaman Tertunggak 2-<6 bulan



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Jadual 4.9
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun			
	2002		2003	
	Klasifikasi			
	3-bulan	6-bulan	3-bulan	6-bulan
	RM juta			
Sistem perbankan[1]				
Pinjaman tidak berbayar	69,760.4	57,488.3	63,566.7	53,428.0
Peruntukan am	8,520.1	7,599.8	9,050.7	8,000.3
Faedah tergantung	9,855.4	9,502.9	9,226.2	8,859.3
Peruntukan khas	18,149.0	17,150.7	16,014.9	14,696.9
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[2]	10.1	7.4	8.7	6.8
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	52.4	59.6	53.9	59.1
Bank perdagangan[1]				
Pinjaman tidak berbayar	47,957.3	40,012.4	44,649.2	37,669.8
Peruntukan am	6,423.7	5,503.0	6,895.7	5,844.6
Faedah tergantung	6,686.2	6,483.0	6,237.1	6,071.0
Peruntukan khas	12,970.8	12,392.2	11,737.8	10,845.2
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[2]	9.1	6.8	8.1	6.3
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	54.4	60.9	55.7	60.4
Syarikat kewangan				
Pinjaman tidak berbayar	17,345.3	13,487.0	15,713.0	12,939.5
Peruntukan am	1,819.8	1,820.4	1,909.3	1,909.8
Faedah tergantung	2,621.8	2,485.7	2,536.4	2,346.0
Peruntukan khas	4,209.6	3,804.2	3,675.4	3,264.6
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[2]	11.2	7.6	9.4	7.2
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	49.9	60.1	51.7	58.1
Bank saudagar				
Pinjaman tidak berbayar	4,457.8	3,989.0	3,204.5	2,818.6
Peruntukan am	276.6	276.5	245.7	245.9
Faedah tergantung	547.4	534.1	452.6	442.3
Peruntukan khas	968.7	954.4	601.8	587.1
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[2]	24.6	20.8	21.5	17.9
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	40.2	44.2	40.6	45.2

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

[2] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = {(Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pinjaman selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas)} x 100%.

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

NPL yang lebih tinggi, pemulihan dalam tahap NPL sejak krisis Asia adalah lebih sederhana. Ini disebabkan sebahagiannya oleh peraturan pengelasan semula NPL yang lebih ketat bagi mengelak amalan pengelasan pinjaman yang tertunggak sebagai pinjaman berbayar ("*evergreening*"). Di samping itu, pertumbuhan jumlah pinjaman selepas krisis Asia adalah lebih perlahan berbanding tempoh berikutan kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an, disebabkan terutamanya oleh pasaran bon yang lebih mendalam.

NPL bagi sektor perniagaan menurun dengan ketara iaitu mencakupi 16.2% daripada jumlah pinjaman perniagaan, memandangkan hampir kesemua sektor perniagaan mencatat penurunan. Sektor-sektor yang merekodkan kenaikan NPL termasuk sektor perdagangan runcit, restoran dan hotel (+15.6%), dan sektor elektrik, gas dan air (+240%). NPL yang lebih tinggi bagi sektor tersebut masing-masing disebabkan oleh kesan wabak SARS dan penangguhan pelaksanaan skim penyusunan semula seorang peminjam. Kenaikan ini tidak menimbulkan risiko sistemik memandangkan ianya hanya mencakupi 5% daripada NPL sistem perbankan. Nisbah NPL kasar bagi kedua-dua sektor perkilangan dan pembinaan masing-masing menurun dengan ketara kepada 16.5% dan 27.8% berikutan pelaksanaan skim penyusunan semula hutang sebuah konglomerat. Walau bagaimanapun, jumlah NPL masih bertumpu dalam sektor-sektor tersebut, yang merangkumi 45.5% daripada jumlah NPL sektor perniagaan.

NPL bagi PKS turut menurun kepada RM11.7 bilion pada akhir tahun 2003 untuk mencakupi 14.6% daripada jumlah pinjaman PKS (Jan 2003: 16.4%). Sektor pembinaan mencatat pemulihan yang ketara dengan pengurangan NPL yang besar sebanyak 55.2% sejak akhir bulan Januari 2003. Kira-kira 42.9% daripada NPL PKS adalah pinjaman kepada sektor perkilangan dan pembinaan.

Jadual 4.10
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor

	Pada akhir tahun				
	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor		Perubahan	Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor ini	
	2002	2003	2002/2003	2002	2003
	RM juta		%		
Perusahaan perniagaan	**44,598.0**	**38,806.3**	**-13.0**	**18.4**	**16.2**
yang mana pinjaman kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	***t.d.***	***11,692.9***	***t.d.***	***t.d.***	***14.6***
Isi rumah	**16,053.4**	**16,907.3**	**5.3**	**8.4**	**7.9**
Lain-lain	**1,628.6**	**1,181.2**	**-27.5**	**16.8**	**11.1**
Jumlah	***62,279.9***	***56,894.8***	***-8.6***		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	932.9	749.3	-19.7	8.2	7.3
Perlombongan dan kuari	158.9	143.1	-9.9	16.1	13.2
Perkilangan	12,509.0	9,817.4	-21.5	21.0	16.5
Elektrik, gas dan air	422.5	1,440.7	241.0	6.6	28.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,316.7	4,577.6	6.0	11.8	11.8
Perdagangan borong	*1,851.8*	*1,728.8*	*-6.6*	*9.0*	*8.0*
Perdagangan runcit	*1,202.5*	*1,407.0*	*17.0*	*10.4*	*11.7*
Restoran dan hotel	*1,262.4*	*1,441.8*	*14.2*	*27.5*	*28.9*
Sektor harta benda yang luas	26,817.5	25,802.1	-3.8	15.8	14.1
Pembinaan	*9,404.6*	*7,831.4*	*-16.7*	*30.5*	*27.8*
Pembelian harta kediaman	*8,484.1*	*9,808.3*	*15.6*	*8.7*	*8.6*
Pembelian harta bukan kediaman	*4,801.3*	*4,618.0*	*-3.8*	*17.9*	*16.5*
Harta tanah	*4,127.6*	*3,544.5*	*-14.1*	*29.9*	*25.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,406.5	1,139.2	-19.0	14.6	10.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	3,105.3	2,328.1	-25.0	10.5	8.0
Kredit penggunaan	2,359.4	2,497.0	5.8	9.5	9.2
Kegunaan persendirian	*1,867.6*	*1,879.0*	*0.6*	*13.4*	*12.9*
Kad kredit	*434.2*	*573.8*	*32.1*	*4.1*	*4.7*
Pembelian barangan pengguna	*57.6*	*44.2*	*-23.2*	*15.9*	*13.3*
Pembelian kenderaan pengangkutan[2]	3,023.5	2,713.3	-10.3	5.2	4.2
Pembelian sekuriti	4,372.8	3,777.5	-13.6	20.4	19.2
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	1,226.3	728.3	-40.6	21.6	14.8

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Termasuk kenderaan perdagangan.
t.d. Tidak diperolehi.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sungguhpun NPL bagi sektor isi rumah meningkat sebanyak RM0.9 bilion, magnitudnya kekal kecil. Kenaikan ini sebahagian besarnya mencerminkan tahap NPL yang lebih tinggi bagi pinjaman pembelian rumah kediaman (+15.6%) dan kad kredit (32.1%). Walau bagaimanapun, nisbah NPL kasar bagi sektor isi rumah dan pinjaman pembelian rumah kediaman masing-masing menurun kepada 7.9% dan 8.6%. Di samping itu, nisbah NPL kasar bagi kad kredit kekal kecil walaupun meningkat kepada 4.7%. NPL yang lebih tinggi bagi pinjaman pembelian rumah kediaman dan kad kredit, walau bagaimanapun disederhanakan oleh tahap NPL yang lebih rendah bagi pembelian kenderaan pengangkutan yang menurun sebanyak 10.3%. Dalam persekitaran semasa, pendedahan kepada sektor isi rumah masih berada pada tahap berhemat. Tambahan lagi, institusi perbankan kini mempunyai akses kepada maklumat kredit peminjam yang komprehensif pada masa nyata, termasuk peminjam runcit. Oleh itu, risiko keterhutangan yang berlebihan oleh pelanggan runcit dapat dikawal.

Trend menurun bagi NPL dijangka akan berterusan berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada tahun 2004. Memandangkan pertumbuhan jumlah pinjaman dijangka terus sederhana dan sebahagian besar daripada pinjaman besar yang bermasalah telahpun ditangani, magnitud penurunan nisbah NPL bergantung kepada strategi yang akan diambil oleh institusi perbankan. Strategi tersebut adalah dari segi penghapusan kira NPL yang lama, terutamanya dengan prospek kutipan balik hutang adalah terhad dan dari segi peningkatan usaha kutipan balik hutang oleh unit khas pemulihan pinjaman di institusi perbankan. Sementara amalan pengurusan risiko bertambah baik, kapasiti institusi perbankan untuk mengurus risiko dengan berkesan, perubahan struktur portfolio pinjaman dan ciri risiko ekoran tumpuan pada pinjaman runcit dan PKS serta kemunculan bidang pertumbuhan yang baru, bagaimana pun memerlukan lebih banyak sumber tenaga untuk memantau prestasi akaun pinjaman yang bersaiz


kecil. Oleh itu, rangka kerja pengurusan risiko yang lebih teguh dan kukuh amat kritikal bagi memastikan piawaian pengurusan risiko berkemampuan untuk mengurus risiko dengan berkesan pada setiap masa dan dalam apa jua keadaan ekonomi.

Pengurusan Mudah Tunai

Mudah tunai dalam sistem perbankan terus kekal mencukupi sepanjang tahun 2003, sebahagian besar disebabkan oleh prestasi eksport yang lebih baik dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan. Bank Negara Malaysia telah menjalankan operasi mudah tunai dengan menyerap lebihan dana melalui pinjaman langsung dalam pasaran antara bank dan terbitan kertas Bank Negara. Jumlah dana yang diserap daripada sistem perbankan meningkat secara berterusan sepanjang sembilan bulan pertama tahun 2003, peningkatan yang lebih ketara pada suku tahun terakhir. Pada akhir tahun 2003, jumlah pinjaman antara bank oleh Bank Negara Malaysia dan penerbitan Bil Bank Negara dan Nota Boleh Niaga adalah sebanyak RM95.4 bilion berbanding dengan RM64.7 bilion pada akhir tahun 2002. Kesan daripada operasi mudah tunai yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, kadar faedah sepanjang tahun 2003 terus kekal stabil dengan purata berwajaran kadar faedah wang semalaman antara bank berada di antara 2.71% hingga 2.81% setahun dan purata berwajaran kadar faedah satu minggu antara bank berada di antara 2.77% hingga 2.84% setahun.

Dari segi pengurusan mudah tunai oleh institusi perbankan, sistem perbankan secara keseluruhannya mengunjurkan tahap mudah tunai yang mencukupi bagi memenuhi sebarang pengeluaran tunai luar jangka bagi tempoh sehingga satu bulan. Pada akhir tahun 2003, lebihan mudah tunai kumulatif dalam sistem perbankan (tidak termasuk dua institusi perbankan Islam) telah diunjurkan sebanyak RM59.7 bilion bagi memenuhi permintaan sehingga satu minggu dan RM95.5 bilion bagi memenuhi permintaan sehingga satu bulan. Bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar telah mengunjurkan lebihan yang amat besar untuk tempoh sebulan masing-masing sebanyak 21%, 15% dan 32% daripada jumlah deposit.

Graf 4.7
Mudah Tunai Sistem Perbankan pada tahun 2003



Jadual 4.11
Sistem Perbankan[1]: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2003

	Lebihan mudah tunai kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	1 minggu	1 bulan	1 minggu	1 bulan
Bank perdagangan	44.4	77.4	12.1	21.0
Syarikat kewangan	8.6	12.1	10.4	14.5
Bank saudagar	6.7	6.0	35.5	31.5
Sistem perbankan[1]	**59.7**	**95.5**	**11.4**	**18.2**

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

Risiko Kadar Faedah

Sebahagian besar aset dan liabiliti sistem perbankan sensitif terhadap perubahan kadar faedah. Bagi menaksir pendedahan sistem perbankan terhadap risiko kadar faedah, pendekatan kedudukan bersih berwajaran durasi digunakan bagi menganggar potensi kesannya dalam nilai ekonomi bagi setiap perubahan 100 mata asas dalam kadar faedah. Kaedah ini menghasilkan potensi kerugian yang lebih besar kerana ia menilai kini kesemua aliran perolehan tunai semasa dan masa depan butiran di dalam dan di luar kunci kira-kira institusi perbankan merentasi tarikh matang setiap butiran. Pada tahun 2003, kedudukan bersih berwajaran durasi institusi perbankan meningkat sebanyak 9.1% kepada RM4.6 bilion. Walau bagaimanapun, peningkatan ini hanya memberi impak yang minimum ke atas nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan seperti di jadual.

Risiko kadar faedah sistem perbankan secara keseluruhan tertumpu pada tempoh baki matang melebihi 5 tahun, merangkumi lebih daripada RM3.1 bilion atau 68% daripada jumlah kedudukan bersih berwajaran durasi pada akhir tahun 2003. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan pada

Jadual 4.12
Sistem Perbankan[1] : Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Kekukuhan Modal

	Kedudukan bersih berwajaran durasi					
	RM juta		Sebagai peratusan daripada Modal asas (%)		Kesan terhadap Nisbah Modal Berwajaran Risiko (mata peratusan)	
	Pada akhir tahun					
	2002	2003	2002	2003	2002	2003
Bank perdagangan	-2,117	-2,194	-4.6	-4.2	-0.9	-0.9
Syarikat kewangan	-1,710	-1,911	-16.1	-16.7	-2.2	-2.2
Bank saudagar	-392	-499	-8.9	-11.1	-3.2	-3.7
Sistem perbankan[1]	-4,219	-4,604	-6.9	-6.8	-1.3	-1.4

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.


penumpuan risiko kadar faedah kepada tempoh matang jangka pendek pada tahun 2003, terutamanya bagi tempoh matang antara 1 hingga 5 tahun. Terdapat peningkatan yang ketara sebanyak RM13.6 bilion atau 23% dalam pinjaman berkadar tetap dengan tempoh baki matang antara 1 hingga 5 tahun, manakala pinjaman berkadar tetap dengan tempoh baki matang melebihi 5 tahun meningkat secara sederhana sebanyak RM3 bilion atau 7.2%.

Bagi bank perdagangan, peningkatan marginal dalam kedudukan bersih berwajaran durasi sebanyak 3.6% kepada RM2.2 bilion pada akhir tahun 2003 adalah hasil daripada peningkatan dalam pinjaman berkadar tetap bertempoh baki matang melebihi 3 tahun, yang meningkat sebanyak 18.3% pada tahun 2003. Peningkatan ini kebanyakannya terdiri daripada pemberian pinjaman perumahan secara Islam. Pegangan sekuriti berkadar tetap bertempoh baki matang melebihi 2 tahun juga meningkat sebanyak 23% kepada RM28.9 bilion pada akhir tahun 2003. Sebahagian daripada pendedahan ini telah diimbangi oleh peningkatan dalam strategi pembiayaan jangka panjang terutamanya melalui penerbitan nota jangka panjang dan penjualan aset pinjaman kepada Cagamas.

Bagi syarikat kewangan, kedudukan bersih berwajaran durasi adalah lebih tinggi pada tahun 2003 iaitu sebanyak RM200 juta, disebabkan terutamanya oleh pinjaman sewa beli. Sebahagian daripada pendedahan ini diimbangi oleh pembiayaan jangka panjang berkadar tetap yang sumber utamanya adalah daripada penjualan aset pinjaman kepada Cagamas. Pendedahan risiko kadar faedah syarikat kewangan yang berpunca daripada pinjaman sewa beli berkadar tetap ini boleh dikurangkan lagi dengan meningkatkan penggunaan kemudahan Cagamas. Penggabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan juga menghasilkan pengurusan pendedahan yang lebih baik. Sekiranya pendedahan bank perdagangan dan syarikat kewangan mengambil kira rasionalisasi yang akan dilalui oleh mereka, kesan ke atas nisbah modal berwajaran risiko berkurang kepada 1.4 mata peratusan berbanding 2.2 mata peratusan sekiranya syarikat kewangan beroperasi secara berasingan.


Dalam sistem perbankan, bank saudagar mencatat kenaikan tertinggi dalam kedudukan bersih berwajaran durasi sebanyak 27% pada tahun 2003. Ini berpunca daripada transformasi struktur niaga bank saudagar daripada institusi yang berasaskan

Graf 4.8
Sistem Perbankan[1]: Taburan Mengikut Kedudukan Bersih Berwajaran Durasi sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2003



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.9
Sistem Perbankan[1]: Ketakpadanan Kedudukan Kadar Faedah Bersih pada 31 Disember 2003



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Jadual 4.13
Sistem Perbankan[1]: Kesan Rangka Kerja Keperluan Modal bagi Risiko Pasaran ke atas Kekukuhan Modal pada 31 Disember 2003

	RM juta				Kesan ke atas nisbah modal berwajaran risiko (mata peratusan)	Jumlah risiko pasaran/ Modal asas (%)
	Jumlah risiko pasaran	di antaranya:				
		Risiko kedudukan kadar faedah	Risiko kedudukan ekuiti	Risiko pertukaran wang asing		
Bank perdagangan	1,434	972	62	377	-0.3	2.8
Syarikat kewangan	71	35	36	t.b.	-0.1	0.6
Bank saudagar	828	644	123	14	-2.3	18.4
Sistem perbankan[1]	2,333	1,644	221	392	-0.3	3.4

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
t.b. Tidak berkenaan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

pinjaman tradisional kepada aktiviti-aktiviti urusan bank pelaburan. Di kala bank saudagar mengurangkan jumlah pinjaman, pertambahan yang nyata dalam pegangan sekuriti hutang dengan tempoh baki matang melebihi 1 tahun menyumbang kepada kenaikan kedudukan bersih berwajaran durasi. Pegangan sekuriti hutang melebihi 1 tahun oleh bank saudagar meningkat sebanyak 25% atau RM2.5 bilion kepada RM12.2 bilion pada akhir tahun 2003. Hampir separuh daripada peningkatan ini tertumpu pada pegangan yang melebihi tempoh matang 5 tahun. Walaupun kedudukan pembiayaan jangka panjang yang dipadankan dengan pendedahan ini kekal pada RM3.8 bilion, kecairan pendedahan ini membolehkan bank saudagar membuat pelarasan yang sejajar ke atas profil pendedahan risiko faedah.

Selaras dengan cadangan *Basel Committee on Banking Supervision* (BCBS), institusi perbankan akan dikehendaki mengambil kira risiko pasaran dalam rangka kerja nisbah aset berwajaran risiko masing-masing dengan menggunakan pendekatan *"Standardised"* yang mengambil kira risiko kadar faedah dan risiko ekuiti bagi kedudukan akaun dagangan *("trading book")* serta risiko pertukaran wang asing bagi keseluruhan kedudukan pendedahan institusi perbankan. Berdasarkan kaji selidik ke atas cadangan rangka kerja yang dijalankan pada akhir tahun 2003, potensi kerugian daripada pendedahan kepada risiko pasaran berjumlah RM2.3 bilion atau 3.4% daripada modal asas, manakala kesannya ke atas nisbah aset berwajaran risiko sistem perbankan secara keseluruhannya adalah kecil.


Risiko kadar faedah dalam akaun dagangan *("trading book")* sistem perbankan berjumlah lebih daripada 70.8% atau RM1.7 bilion daripada jumlah keseluruhan risiko pasaran, yang 58.9% dan 39% adalah masing-masing daripada aktiviti akaun dagangan bank perdagangan dan bank saudagar. Risiko ekuiti dan risiko pertukaran wang asing institusi perbankan masing-masing dianggarkan berjumlah 26.3% daripada jumlah risiko pasaran.

Risiko Ekuiti

Pendedahan sistem perbankan kepada risiko ekuiti adalah masih kecil memandangkan keseluruhan pegangan ekuiti hanya mencakupi 0.4% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2003. Pelaburan saham institusi perbankan sepanjang tahun meningkat sebanyak 30.6%, daripada RM2.6 bilion pada akhir tahun 2002 kepada RM3.5 bilion pada akhir tahun 2003. Pegangan ekuiti yang lebih tinggi sebahagian besarnya disebabkan penukaran pinjaman kepada ekuiti hasil daripada aktiviti penyusunan semula hutang.


Pelaburan di dalam saham tersenarai oleh sistem perbankan sepanjang tahun meningkat sebanyak 19.7% daripada RM1.7 bilion kepada RM2 bilion, sementara pelaburan dalam saham tak tersenarai mencatat peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 50%. Ini mencerminkan aktiviti penyusunan semula yang dilaksanakan oleh institusi perbankan pada tahun 2003. Pada akhir tahun 2003, pegangan saham tak tersenarai merupakan 41.4% daripada jumlah pelaburan ekuiti sistem perbankan berbanding dengan 36.1% pada akhir tahun 2002. Tambahan lagi, pegangan saham tersenarai institusi perbankan adalah juga menerusi belian terus daripada pasaran, yang meningkat sebanyak RM105 juta atau 20.3%. Pegangan saham daripada aktiviti taja jamin merosot sebanyak RM80 juta atau 88.6%, mencerminkan peningkatan prestasi pasaran saham pada tahun 2003.

Graf 4.10
Sistem Perbankan[1] : Komposisi Pelaburan Ekuiti



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.11
Sistem Perbankan[1] : Taburan mengikut Ekuiti sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2003



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Bagi sistem perbankan, syarikat kewangan mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak RM329 juta dalam pegangan pelaburan ekuiti, dengan 62.7% adalah saham tak tersenarai. 94.7% daripada peningkatan dalam pegangan saham oleh syarikat kewangan adalah disebabkan penukaran pinjaman kepada ekuiti. Persamaan ini juga dicerminkan oleh bank perdagangan secara berkumpulan, iaitu 54.6% daripada peningkatan pegangan ekuiti adalah saham tak tersenarai dan 25.7% peningkatan dalam pegangan saham tersenarai hampir kesemuanya disebabkan penukaran pinjaman dan penjelasan hutang.

Bagi bank saudagar, penurunan ketara pegangan ekuiti hasil daripada aktiviti taja jamin dan penukaran pinjaman, mengimbangi peningkatan pegangan saham tersenarai yang dibeli terus daripada pasaran sepanjang tahun yang lebih tinggi sebanyak 96.7%. Bagi bank saudagar secara keseluruhan, pegangan ekuiti pada tahun 2003 rendah sedikit berbanding pada tahun 2002.

Walaupun pegangan ekuiti bank saudagar tidak berubah, bank saudagar terus mencatatkan pendedahan ekuiti tertinggi dengan kadar pegangan saham tersenarai sebanyak 8.9% daripada modal asas mereka berbanding dengan 2.1% bagi bank perdagangan dan 4.8% bagi syarikat kewangan pada akhir tahun 2003.

Dari segi institusi perbankan secara individu, kebanyakan institusi perbankan mempunyai kurang 2% daripada modal asas mereka terdedah kepada risiko ekuiti.

Pada akhir tahun 2003, anggaran potensi kerugian maksimum bagi sistem perbankan berdasarkan

Jadual 4.14
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Ekuiti

	Pegangan ekuiti[2] (RM juta)		Ekuiti[2] / Modal asas (%)		Potensi kerugian ekuiti[2] / Modal asas (%)	
	Pada akhir tahun					
	2002	2003	2002	2003	2002	2003
Bank perdagangan	853.8	1,073.3	1.8	2.1	0.1	0.2
Syarikat kewangan	429.0	551.7	3.9	4.8	0.3	0.4
Bank saudagar	410.7	402.3	9.0	8.9	0.7	0.7
Sistem perbankan[1]	1,693.5	2,027.3	2.7	3.0	0.2	0.2

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai.

kadar ketidaktentuan 10 hari Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) pada tahun 2003 adalah lebih rendah pada kadar 7.9% berbanding 8.2% pada tahun 2002. Oleh itu, potensi kerugian bagi sistem perbankan berdasarkan anggaran potensi kerugian maksimum IK BSKL dijangka kekal pada tahap 0.2% daripada modal asas meskipun terdapat peningkatan dalam pegangan saham tersenarai. Potensi kerugian bank perdagangan dan syarikat kewangan masih kecil pada tahap 0.2% dan 0.4% daripada modal asas mereka manakala bagi bank saudagar pula, potensi kerugian kekal pada tahap 0.7% daripada modal asas mereka.

Risiko Mata Wang Asing

Pendedahan sistem perbankan kepada mata wang asing pada tahun 2003 kekal pada tahap berhemat. Kedudukan mata wang asing terbuka bersih sistem perbankan sepanjang tahun 2003 berkisar dalam lingkungan yang terbatas di antara RM2.2 bilion ke RM2.8 bilion. Kedudukan mata wang asing terbuka bersih sebagai peratus modal asas sistem perbankan mencatat penurunan daripada 5.5% pada akhir tahun 2002 kepada 4.7% pada akhir tahun 2003.


Sistem perbankan kekal sebagai pembeli bersih belian hadapan mata wang asing pada tahun 2003 setelah para pengeksport mengambil kesempatan daripada premium pasaran hadapan yang berkisar dalam lingkungan 42 sehingga 52 mata asas bagi kadar hadapan satu bulan. Walau bagaimanapun, peningkatan belian kontrak hadapan institusi perbankan sepanjang tahun 2003 kekal pada tahap yang sama seperti tahun 2002 apabila premium pasaran hadapan stabil pada tahun 2003. Belian kontrak hadapan mata wang asing sistem perbankan meningkat sebanyak RM7.2 bilion atau 53.2% pada tahun 2003 berbanding dengan peningkatan sebanyak RM6.7 bilion atau 98.3% pada tahun 2002. Permintaan kontrak hadapan oleh para pengeksport kekal kukuh pada tahun 2003.

Jadual 4.15
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Mata Wang Asing

	Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih (RM juta)		Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih/ Modal Asas (%)	
	Pada akhir tahun			
	2002	2003	2002	2003
Bank perdagangan	2,786	2,574	5.8	5.0
Bank saudagar	73	50	1.6	1.1
Sistem perbankan[1]	2,859	2,624	5.5	4.7

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

Graf 4.12
Sistem Perbankan[1]: Komponen Pendedahan kepada Mata Wang Asing




[1]Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Bagi mengurus belian hadapan dan mengambil kesempatan daripada kadar faedah peminjaman dolar Amerika Syarikat yang lebih rendah, institusi perbankan meningkatkan liabiliti mata wang asing mereka sebanyak RM4.3 bilion atau 10.1% kepada RM46.7 bilion pada akhir tahun 2003. Walau bagaimanapun, institusi perbankan mengurangkan aset mata wang asing mereka sebanyak RM3.3 bilion kepada RM40.4 bilion pada akhir tahun 2003 disebabkan pulangan yang semakin berkurangan. Secara asas bersih, sistem perbankan mempunyai liabiliti bersih mata wang asing sebanyak RM6.3 bilion pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan aset bersih mata wang asing sebanyak RM1.2 bilion pada akhir tahun 2002.

Sistem perbankan dijangka kekal dalam kedudukan liabiliti bersih mata wang asing dan sebagai pembeli bersih mata wang asing hadapan dalam persekitaran di mana perbezaan kadar faedah antara dolar Amerika Syarikat dan Ringgit dijangka terus positif, sekali gus menyebabkan premium di pasaran hadapan terus menggalakkan.

Graf 4.13
Sistem Perbankan[1] : Taburan Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih pada 31 Disember 2003



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Jadual 4.16
Sistem Perbankan[1]: Komponen Modal

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan	
	2002	2003		
	RM juta		RM juta	(%)
Modal kumpulan-1	57,662.0	59,282.5	1,620.5	2.8
Modal kumpulan-2	16,756.7	19,174.4	2,417.7	14.4
Jumlah modal	74,418.7	78,456.9	4,038.2	5.4
Tolak:				
Pelaburan di dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain	11,016.4	10,591.9	-424.5	-3.9
Modal asas	63,402.4	67,864.9	4,462.5	7.0
Aset berisiko:				
0%	139,125.1	170,856.6	31,731.5	22.8
10%	15,544.0	16,849.8	1,305.8	8.4
20%	96,968.9	119,938.6	22,969.7	23.7
50%	102,628.2	117,511.0	14,882.9	14.5
100%	406,009.8	422,137.2	16,127.4	4.0
Jumlah aset berwajaran risiko	478,272.1	506,565.5	28,293.5	5.9
Nisbah modal berwajaran risiko (%)				
Sistem perbankan[1]	**13.3**	**13.4**	**0.1**	
Bank perdagangan	13.2	13.6	0.4	
Syarikat kewangan	12.0	11.3	-0.7	
Bank saudagar	19.0	18.4	-0.6	

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Kekukuhan Modal

Sistem perbankan terus berada pada tahap yang kukuh, dengan nisbah modal berwajaran risiko dan nisbah modal utama masing-masing berada pada paras melebihi 13% dan 10% sepanjang tahun. Modal asas sistem perbankan meningkat sebanyak RM4.5 bilion yang mana keuntungan yang telah diaudit menyumbang RM1.2 bilion, manakala aktiviti peningkatan modal beberapa institusi perbankan menyumbang sebanyak RM3.3 bilion. Penyuntikan modal tersebut mengimbangi penurunan modal akibat penggabungan dua bank perdagangan pada separuh pertama tahun 2003. Selaras dengan peningkatan aktiviti pembiayaan, aset berwajaran risiko sistem perbankan bertambah sebanyak RM28.3 bilion atau 5.9% kepada RM506.6 bilion pada akhir tahun 2003.

Sejajar dengan keuntungan yang tinggi dan penerbitan syer baru, jumlah modal kumpulan-1 meningkat sebanyak 2.8% atau RM1.6 bilion kepada RM59.3 bilion pada akhir tahun 2003. Namun begitu, peningkatan ketara aset berwajaran risiko menyebabkan nisbah modal utama menurun sedikit kepada 10.7%. Sementara itu, jumlah modal kumpulan-2 mencatat kenaikan yang tinggi sebanyak 14.4%, berikutan penerbitan bon subordinat oleh empat buah institusi perbankan, terutamanya untuk memperkukuhkan tahap modal mereka. Pengurangan pelaburan dalam anak-anak syarikat akibat penggabungan dua bank saudagar yang besar telah juga menyebabkan nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan bertambah kukuh kepada 13.4% (akhir tahun 2002: 13.3%).

Nisbah modal berwajaran risiko bank perdagangan meningkat kepada 13.6%, hasil daripada tahap pemodalan yang tinggi dan pengurangan pelaburan dalam anak-anak syarikat, sementara kemerosotan modal asas bagi bank saudagar disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pemegangan syer institusi perbankan yang lain oleh sebuah bank saudagar. Ini, berserta dengan peningkatan aset berwajaran risiko sebanyak 2.4%, mengakibatkan nisbah modal berwajaran risiko industri bank saudagar merosot kepada 18.4% (akhir tahun 2002: 19%). Bagi syarikat kewangan pula, permintaan tinggi yang berterusan untuk pembiayaan sewa beli sepanjang tahun mengakibatkan pertumbuhan yang ketara dalam aset berwajaran risiko berbanding dengan pertumbuhan yang sederhana dalam modal asas. Hasilnya, nisbah modal berwajaran risiko industri syarikat kewangan menurun kepada 11.3% (akhir tahun 2002: 12%).

Kadar pinjaman yang pesat telah menyumbang kepada peningkatan jumlah aset berwajaran risiko

PELAN INDUK SEKTOR KEWANGAN

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang dilancarkan pada bulan Mac 2001 menetapkan strategi umum bagi pembangunan sektor kewangan untuk tempoh sepuluh tahun. Objektif PISK adalah untuk membangunkan sistem kewangan agar lebih kompetitif, berdaya tahan dan dinamik. Usaha-usaha yang diambil pada peringkat awal pelaksanaan PISK lebih tertumpu kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik bagi mempertingkatkan tahap keberkesanan dan daya saing mereka, memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan menggalakkan sistem pembayaran yang lebih selamat dan efisyen serta membangunkan rangka kerja bagi pendidikan dan perlindungan pengguna.

Sepanjang tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan PISK, sejumlah 31 daripada 119 saranan selesai dilaksanakan, di samping 24 saranan lagi dilaksanakan secara berterusan. Maklumat terperinci mengenai saranan yang telah selesai dilaksanakan adalah seperti yang disenaraikan di jadual yang disertakan.

Saranan yang Telah Selesai

Sektor Perbankan	
S3.4	Melonggarkan sekatan gaji dan mobiliti pekerja dalam industri perbankan bagi membolehkan industri menarik bakat terbaik dan memberikan mereka ganjaran yang setimpal
S3.5	Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang perbankan yang spesifik
S3.6	Menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempertingkatkan lagi tahap urus tadbir korporat
S3.7	Membenarkan rasionalisasi kumpulan melalui jualan silang produk dan pelarasan proses dalaman serta membenarkan penggabungan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing
S3.12	Menggalakkan penggunaan khidmat pihak ketiga fungsi bukan teras bagi meningkatkan tumpuan strategik dan kecekapan
S3.14	Menggalakkan penawaran saluran hantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan bagi meningkatkan daya saing
S3.15.1 dan S3.15.2	Memperkenalkan proses notifikasi produk yang mudah sebagai insentif bagi pembangunan produk baru dan inovatif serta menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kriteria notifikasi produk dan keperluan kelulusan bagi produk tertentu
S3.21	Menerbitkan manual pemeriksaan bagi pelaksanaan penyeliaan berasaskan risiko dengan fokus penyeliaan terhadap bidang berisiko tinggi dan tumpuan yang lebih terhadap institusi-institusi yang lemah
S3.28	Membenarkan kuasa pasaran membentuk pembangunan sistem pembayaran bagi meningkatkan persaingan dan inovasi sistem pembayaran
Sektor Insurans	
S4.1	Menghapuskan sekatan ke atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi membolehkan penanggung insurans meningkatkan lagi kompetensi teras mereka dan mengatur strategi perniagaan yang berkesan
S4.2	Membenarkan penanggung insurans yang layak untuk menggunakan internet sebagai saluran pengagihan bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan industri insurans
S4.6	Melonggarkan sekatan ke atas penggajian ekspatriat bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam industri
S4.16	Menaikkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk meningkatkan daya tahan kedudukan kewangan mereka serta mempercepatkan proses penggabungan supaya penanggung insurans domestik mencapai saiz dan skala yang dikehendaki untuk bersaing

S4.18	Menubuhkan jawatankuasa lembaga dengan tanggungjawab spesifik dan mempertingkatkan pendedahan tentang pampasan kepada pengarah dan pihak pengurusan kanan bagi memastikan mereka bertindak ke arah meningkatkan nilai pegangan syer
S4.19	Meningkatkan syarat pengambilan tenaga ejensi bagi memastikan pengambilan tenaga ejensi yang lebih berkelayakan dan kompeten
S4.20	Memperkenalkan peperiksaan tambahan yang wajib sebagai sebahagian daripada program pelajaran yang berterusan bagi ejen untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka
S4.21	Mengukuhkan lagi penyeliaan berasaskan prestasi bagi mengekalkan kestabilan dalam keadaan pasaran yang kurang dikawal selia dan lebih kompetitif
S4.26	Memperkenalkan peraturan 'nasihat terbaik' bagi meningkatkan perlindungan pengguna dan profesionalisme dalam penjualan produk insurans hayat oleh pengantara insurans
S4.27	Mengukuhkan peraturan mengenai amalan perniagaan yang tidak adil bagi memastikan amalan perniagaan yang sihat dan perilaku yang adil terhadap pengguna
S4.29	Membenarkan institusi kewangan dan bukan kewangan memperolehi kepentingan ke atas penanggung insurans langsung bagi mewujudkan sinergi perniagaan
	Perbankan Islam dan Takaful
S5.3	Membina pengurusan yang mantap melalui penubuhan jawatankuasa lembaga, program penanda aras dan penggajian pekerja yang berpengalaman dan berkelayakan
S5.6	Menambah bilangan pengendali takaful bagi mempercepatkan perkembangan industri takaful
	Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
S6.4	Memperkenalkan rangka kerja sistematik untuk perolehan sumber dana bagi memastikan pembiayaan yang sesuai dan mencukupi untuk operasi IKP
S6.7	Mewujudkan rangka kerja perundangan untuk mengawal selia IKP dan memastikan dasar dan objektif IKP konsisten dengan objektif dasar nasional
	Kaedah Pembiayaan Alternatif
S7.2	Menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta bagi menambah ketersediaan pembiayaan modal usaha niaga dan meransang usaha niaga baru
S7.3	Memperkenalkan insentif cukai selanjutnya bagi industri modal usaha niaga untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat modal usaha niaga
S7.4	Melonggarkan syarat penyenaraian MESDAQ bagi memberi kemudahan laluan keluar kepada syarikat modal usaha niaga daripada pelaburan mereka
	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan
S8.3	Menerima pakai pendekatan yang berasaskan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dan percukaian yang menarik bagi meningkatkan daya saing dan daya tarikan Labuan
S8.6	Memperkukuhkan perniagaan perbankan dan kewangan Islam serta takaful bagi membolehkan Labuan dibangunkan dengan fokus strategik yang menjurus kepada produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Shariah
S8.7	Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) sebagai bursa kewangan sehenti untuk pemastautin dan syarikat antarabangsa

Saranan-saranan yang dilaksanakan dan pelbagai inisiatif yang diambil sepanjang tiga tahun pertama pelaksanaan PISK menyumbang kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik serta menyediakan prasarana yang mantap bagi memastikan kestabilan sektor kewangan secara keseluruhannya.

SEKTOR PERBANKAN

Pelbagai inisiatif yang diambil sepanjang Fasa 1 pelaksanaan PISK lebih tertumpu kepada membina kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik serta mempertingkatkan tahap daya saing mereka, di samping membina infrastruktur dalam mana institusi perbankan dapat beroperasi bagi menggalakkan pembangunan sistem perbankan yang lebih kukuh. Perhatian juga diberikan ke arah mewujudkan infrastruktur yang perlu bagi rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih berasaskan pasaran.

Salah satu peringkat kemajuan terpenting dalam Fasa 1 PISK adalah untuk mendorong peningkatan prestasi. Program pembentukan tanda aras seluruh industri yang diperkenalkan pada tahun 2002 menyediakan satu kaedah bagi menggalakkan penumpuan strategik dan perancangan perniagaan yang lebih efektif bagi institusi perbankan di samping menyediakan kedudukan relatif setiap institusi dalam semua bidang prestasi. Penggunaan penanda aras juga membolehkan Bank Negara Malaysia menilai tahap perkembangan industri, terutamanya peningkatan prestasi yang dicapai oleh institusi kewangan domestik, dengan itu menentukan tahap kecepatan proses peralihan dan kemajuan.

Institusi perbankan domestik mencatatkan kemajuan yang berterusan sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu dan mempamerkan pencapaian yang memberansangkan. Program penggabungan mewujudkan institusi perbankan domestik yang lebih besar dengan kedudukan modal yang lebih kukuh. Purata jumlah aset dan dana pemegang saham setiap bank perdagangan domestik meningkat lebih dua kali ganda, masing-masing daripada RM18.1 bilion dan RM1.4 bilion pada akhir tahun 1999 kepada RM44.9 bilion dan RM3.8 bilion pada akhir tahun 2003. Tahap keuntungan meningkat sepanjang tempoh tiga tahun ini. Pulangan ke atas aset dan ekuiti bank domestik masing-masing mencatatkan peningkatan daripada 0.7% dan 8.4% pada tahun 2001 kepada 1.2% dan 13.4% pada tahun 2003. Keuntungan sebelum cukai setiap pekerja juga meningkat dengan ketara daripada RM80,196 pada tahun 2001 kepada RM108,728 pada tahun 2003. Nisbah kos ke atas pendapatan juga menurun daripada 41.2% pada tahun 2001 kepada 40.1% pada tahun 2003. Pengurusan kos operasi yang bertambah baik menstabilkan kedudukan peratusan perbelanjaan operasi berbanding purata aset pada RM1.42 setiap RM100 aset dalam tempoh masa yang sama.

Institusi perbankan di Malaysia beroperasi dalam persekitaran yang terbuka. Institusi-institusi perbankan domestik dan asing adalah ditadbir di bawah sistem perundangan dan pengawalan yang sama, yang mana sekatan lain yang masih dikenakan ke atas bank asing hanyalah daripada segi pembukaan cawangan. Namun begitu, institusi perbankan asing mempunyai kedudukan yang kukuh dalam pasaran, merangkumi 26% aset, 27% pinjaman dan 25% deposit bank-bank perdagangan.

Persaingan mengakibatkan penguncupan jurang margin kadar faedah kasar bank perdagangan daripada 4.14 mata peratusan pada tahun 2001 kepada 3.69 mata peratusan pada tahun 2003. Dalam suasana persaingan ini, institusi perbankan domestik berupaya mempertahankan bahagian pasaran mereka pada tahap 80%. Bank asing pula meluaskan bahagian pasaran pinjaman, terutamanya pinjaman perumahan. Institusi perbankan domestik terus memainkan peranan penting sebagai pembiaya perniagaan, terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang mana 83% daripada jumlah pinjaman bagi sektor ini dibiayai oleh institusi perbankan domestik. Institusi perbankan domestik juga meluaskan bahagian pasaran mereka dalam perniagaan kad kredit kepada 47% daripada pasaran (2000:43%), yang mana sebelum ini dikuasai oleh bank perdagangan asing.

Bagi mempertingkatkan tahap kecekapan operasi dan memberikan lebih penumpuan strategik terhadap operasi perniagaan, institusi perbankan kini boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi fungsi-

fungsi bukan teras. Mereka juga dibenarkan untuk merasionalisasikan operasi dalaman yang lazim seperti fungsi perbendaharaan dan pengurusan sumber manusia. Terdapat beberapa institusi perbankan juga menjual silang produk dan perkhidmatan mereka dalam kumpulan perbankan yang sama. Perikatan strategik antara bank dan institusi perbankan serta bukan perbankan lain juga dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi tahap daya saing dan inovasi. Sebagai contoh dari segi bankasurans dan penjualan saham amanah. Di samping itu, institusi perbankan domestik juga memperkenalkan perkhidmatan baru seperti pengurusan kekayaan dan produk deposit berstruktur.

Bagi mempertingkatkan penyaluran produk dan perkhidmatan kepada para pelanggan, institusi perbankan mengambil pakai saluran inovatif berasaskan penggunaan teknologi seperti internet dan perbankan mudah alih. Keadaan ini memperluaskan akses perkhidmatan perbankan dan memudahkan perhubungan tanpa sekatan bagi penyaluran produk dan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan melalui operasi pusat perkhidmatan kewangan sehenti. Tahap kecekapan sektor perbankan juga meningkat, dengan purata masa yang diambil oleh bank perdagangan untuk memproses permohonan pinjaman perumahan menurun daripada 4 hari pada bulan Mac 2002 kepada 3.1 hari dan daripada 11 hari kepada 9.5 hari bagi permohonan kad kredit baru. Dengan penekanan yang lebih ke atas hubungan dengan pelanggan, peratusan aduan pelanggan yang diselesaikan dalam masa 14 hari meningkat daripada 82.1% pada bulan Mac 2002 kepada 87.6% pada bulan Disember 2003.

Ekoran daripada peningkatan prestasi ketara oleh institusi perbankan domestik, langkah liberalisasi dalam beberapa bidang telah dibawa ke hadapan. Institusi perbankan domestik dibenar untuk menawarkan perkhidmatan perbankan yang lengkap menerusi internet mulai 1 Jun 2000 dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia dibenarkan menawarkan perkhidmatan sedemikian mulai 1 Januari 2002, lebih awal daripada yang diumumkan. Syarat yang dikenakan ke atas syarikat milik asing yang memerlukan mereka mendapatkan sekurang-kurangnya 50% daripada keperluan modal daripada institusi perbankan domestik ditarik balik berkuat kuasa dari 1 April 2003.

Sistem pembayaran yang lancar serta efisyen dan efektif juga adalah penting. Dalam suasana teknologi pembayaran dan struktur perkhidmatan kewangan yang bertukar pantas, adalah penting agar sistem pembayaran turut responsif dalam suasana persekitaran sedemikian. Bagi menggalakkan inovasi dan daya saing yang lebih tinggi, Bank Negara Malaysia telah menukar peranannya kepada lebih bercorak mempermudah daripada membangun, terutama dalam sistem pembayaran runcit. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia akan terus memastikan agar piawai sekuriti minimum akan diterapkan apabila sebarang sistem baru diperkenalkan. Akta Sistem Pembayaran 2003 dikuatkuasa bagi memudahkan pembangunan sistem pembayaran dan memastikan ianya selamat dan efisyen.

Satu aspek penting dalam kestabilan sistem kewangan adalah berkaitan dengan keupayaan sistem untuk menjalani proses perubahan terhadap penyahkawalseliaan dan peningkatan persaingan tanpa mengganggu tahap atau reliabiliti perkhidmatan kepada para pelanggan. Para pelanggan juga memainkan peranan penting untuk memacu peningkatan prestasi institusi perbankan. Amat penting adalah konsumerisme yang aktif, yang hanya dapat dicapai sekiranya orang ramai mempunyai maklumat dan pemahaman yang berkaitan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan. Untuk tujuan ini, satu program pendidikan pengguna untuk tempoh 10 tahun dilancarkan bagi menyebar maklumat kepada pengguna termasuklah maklumat mengenai hak dan tanggungjawab pengguna. Di samping itu, usaha juga diambil untuk menggalakkan para pengguna agar mengguna saluran pentadbiran dan perundangan secara formal bagi menyalurkan ketidakpuasan hati mereka. Institusi perbankan dikehendaki menubuhkan unit aduan yang khusus bagi mengendalikan aduan yang diterima daripada para pelanggan.

Sistem perbankan kekal sebagai pembiaya dana terbesar kepada sektor swasta, yang memberi sokongan kepada pelbagai sektor ekonomi. Selaras dengan objektif bagi membangunkan sistem kewangan yang dipelbagaikan dengan pasaran yang berjalan lancar, mendalam dan mudah tunai, Bank Negara Malaysia

terus memainkan peranan aktif dalam pembangunan pasaran bon bagi memenuhi keperluan ekonomi Malaysia yang berubah-ubah. Oleh yang sedemikian, pasaran bon mengalami pertumbuhan yang pesat sejak krisis kewangan Asia. Pada akhir tahun 2003, saiz pasaran bon bersamaan dengan 87.6% KDNK, berbanding dengan 46.9% pada tahun 1996. Pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) muncul sebagai sumber pembiayaan penting bagi sektor swasta sejak tahun 1998. Jumlah PDS mewakili 34.3% KDNK pada akhir tahun 2003.

Bagi meningkatkan pasaran bon sekunder, Garis Panduan Program Pinjaman dan Peminjaman (SBL) di bawah Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti dikeluarkan untuk menyokong strategi urus niaga peniaga utama (PD) dan meningkatkan pulangan portfolio pelaburan bon bagi para pelabur. Menerusi SBL, PD kini boleh mengambil bahagian sebagai peminjam dan pemberi pinjaman, yang membolehkan PD menyebut harga dua-hala secara lebih efektif dan pada masa yang sama berupaya memenuhi komitment aktiviti perbendaharaan mereka. Bagi menangani isu pasaran bon kaptif dan menggalakkan urus niaga sekunder, syarikat insurans diberi lebih kelonggaran untuk melabur dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan PDS.

Bagi meningkatkan kewujudan kaedah pengurusan risiko untuk peserta pasaran, lebih ramai peserta dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam urus niaga repo dengan institusi kewangan berlesen. Piawai Kehematan bagi Transaksi Sekuriti Bersandarkan Aset oleh Institusi Berlesan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 bagi membantu meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam urus niaga pengsekuritian. Broker universal dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pasaran pendapatan tetap dan seterusnya menggunakan perkhidmatan syarikat pembrokeran wang. Asas pelabur yang lebih besar adalah faktor penting yang menyumbang kepada kecairan pasaran sekunder.

Usaha bersepadu juga diambil untuk membangunkan pasaran kewangan Islam bagi memenuhi permintaan pelabur keinstitusian seperti penerbitan sekuriti pelaburan Kerajaan yang berasaskan Islam dan pembangunan tanda aras keluk kadar hasil secara Islam tanpa risiko bagi membantu penentuan harga dan urus niaga sekuriti Islam. Dalam membangunkan lagi pasaran modal Islam, Kerajaan menyediakan insentif seperti pengecualian cukai bagi perbelanjaan yang terlibat dalam penerbitan PDS Islam. Hasil daripada usaha-usaha ini, pasaran PDS Islam meningkat dengan ketara. Jumlah PDS Islam pada akhir tahun 2003 berada pada tahap RM69.1 bilion atau 46% daripada jumlah PDS.

Langkah-langkah yang diambil sepanjang tiga tahun kebelakangan ini diperkenalkan bagi memastikan sistem perbankan terus menyokong pertumbuhan ekonomi yang mapan dan menyediakan sektor perbankan Malaysia ke arah persekitaran operasi yang lebih liberal dan global. Strategi sistem perbankan terhadap penyahkawalseliaan dan liberalisasi merupakan satu pendekatan secara berperingkat. Proses liberalisasi dan penyahkawalseliaan yang terurus dan teratur diamalkan bagi memastikan perubahan industri kewangan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa menyahstabilkan implikasi ke atas sistem.

SEKTOR INSURANS

Saranan yang dilaksanakan dalam fasa pertama PISK bertujuan untuk membina keupayaan penanggung insurans domestik bersaing dengan lebih efektif, mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dan meningkatkan standard tadbir urus korporat bagi mempertingkatkan lagi perlindungan pemegang polisi dan nilai pemegang syer.

Inisiatif dan langkah pembinaan kapasiti yang dilaksanakan di bawah Fasa 1 PISK membawa perkembangan positif dalam industri pada tiga tahun lepas. Kemajuan ketara dicapai dalam pengukuhan industri, terutamanya dalam sektor insurans am yang mengandungi lebih banyak penanggung insurans yang kecil, berikutan peningkatan keperluan modal berbayar minimum bagi penanggung insurans daripada RM50 juta kepada RM100 juta pada tahun 2001. Sebanyak 15 penggabungan dan pengambilalihan yang melibatkan sejumlah 28 penanggung insurans am (termasuk empat penanggung insurans komposit) disempurnakan dengan jayanya sejak tahun 1999. Hasilnya, modal purata

penanggung insurans am bertambah kukuh sebanyak 54.4% daripada RM92.2 juta pada tahun 2000 kepada RM142.3 juta pada tahun 2003, meningkatkan kedudukan daya saing dan seterusnya lebih berupaya untuk memanfaatkan peluang yang wujud dalam persekitaran pasaran yang lebih terbuka.

Penanggung insurans domestik terus mengekalkan kedudukan dominan mereka dalam sektor insurans am serta mencapai produktiviti dan keuntungan yang lebih baik. Pada akhir tahun 2003, penanggung insurans domestik menguasai 73.3% daripada premium kasar insurans am, dengan lima penanggung insurans domestik teratas secara bersama menguasai 31.8% daripada jumlah premium kasar dalam industri. Produktiviti pekerja yang diukur berdasarkan premium kasar yang dijana bagi setiap pekerja meningkat dengan ketara daripada RM498,857 pada tahun 2000 kepada RM797,923 pada tahun 2003. Kadar keuntungan keseluruhan juga meningkat, dengan penanggung insurans domestik mencapai pulangan ekuiti yang lebih tinggi daripada penanggung insurans asing (24.7% berbanding dengan 20.4% bagi penanggung insurans asing pada tahun 2003).

Dalam sektor insurans hayat, perhatian penting dijuruskan kepada membangunkan peluang pertumbuhan baru untuk meningkatkan penembusan pasaran dan dengan itu mencapai ekonomi ikut bidangan. Dalam hal ini, penanggung insurans domestik memperoleh kedudukan dominan dalam perniagaan bankasurans dengan menguasai 76.6% daripada jumlah premium insurans baru yang dijana melalui institusi perbankan pada tahun 2003. Komitmen penanggung insurans domestik kepada pembangunan perniagaan bankasurans secara khususnya disokong oleh penjualan produk tidak berkaitan kredit yang menggalakkan. Penanggung insurans domestik menguasai lebih daripada 80% jumlah perniagaan bankasurans tidak berkaitan kredit pada tahun 2003.

Pada akhir tahun 2003, sejumlah 12 penanggung insurans hayat diberi kelulusan untuk mengadakan perjanjian bankasurans dengan institusi perbankan. Perniagaan yang dijana melalui saluran pengagihan alternatif ini meningkat empat kali ganda sejak tahun 2000 untuk mencapai RM1,859 juta pada tahun 2003. Dua penanggung insurans domestik berjaya menggunakan rangkaian pengagihan perbankan untuk menjadi peneraju pasaran dalam bankasurans, dengan menguasai bahagian pasaran sebanyak 36% daripada jumlah premium bankasurans pada tahun 2003. Bankasurans kini menguasai lebih daripada 38% daripada jumlah premium perniagaan baru insurans hayat dalam pasaran dan menjadi faktor utama menyumbang kepada penembusan perniagaan insurans hayat yang lebih tinggi di Malaysia yang meningkat daripada 31.5% pada tahun 2000 kepada 36.4% pada tahun 2003.

Penanggung insurans hayat domestik berjaya menembusi pasaran perniagaan insurans berkaitan pelaburan, yang muncul sebagai bidang pertumbuhan yang baru. Bahagian pasaran perniagaan insurans berkaitan pelaburan bagi penanggung insurans domestik meningkat secara progresif daripada 16% pada tahun 2001 kepada 27.9% pada tahun 2003, menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan baru keseluruhan yang lebih tinggi sebanyak 31.5% yang dicapai oleh penanggung insurans hayat domestik pada tahun 2003, berbanding dengan 19.4% yang dicatatkan oleh penanggung insurans asing.

Inisiatif pembinaan kapasiti di bawah Fasa 1 PISK juga memperkenalkan aturan kendalian yang lebih fleksibel bertujuan untuk membolehkan penanggung insurans domestik membuat pembaharuan, membangunkan kepakaran dan meningkatkan tahap kecekapan. Dalam hal ini, pemindahan kepakaran kepada penanggung insurans domestik dipermudahkan dengan dasar pelantikan pegawai ekspatriat yang lebih fleksibel. Pada akhir tahun 2003, sejumlah 42 pegawai ekspatriat telah digaji dalam industri insurans bagi menyediakan sokongan teknikal dalam bidang teknologi maklumat, pengunderaitan, aktuari dan pembangunan ejen. Dalam persekitaran operasi yang lebih fleksibel ini, semakin banyak penanggung insurans juga menggunakan strategi penggunaan khidmat pihak ketiga yang efektif bagi mengurangkan kos sementara memberikan kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi kepada pelanggan mereka.

Pada akhir tahun 2003, lebih daripada 30 penanggung insurans telah terlibat dalam penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, terutamanya dalam fungsi pengurusan sokongan yang berkaitan dengan

sistem pengurusan maklumat, pemprosesan data dan sokongan perkhidmatan pelanggan. Akses pelanggan kepada insurans juga menjadi lebih mudah dengan kelulusan diberikan kepada 18 penanggung insurans untuk menawarkan insurans melalui internet, termasuk lapan penanggung insurans yang kini boleh menawarkan polisi insurans motor secara dalam talian melalui laman web interaktif. Perkembangan ini yang membolehkan wujudnya proses yang lebih baik, menghasilkan prestasi yang bertambah baik dari segi tahap kecekapan keseluruhan penanggung insurans domestik. Penanggung insurans hayat domestik mencatatkan kadar perbelanjaan yang lebih rendah sebanyak 34.2% pada tahun 2003 (daripada 36.8% pada tahun 2000), sementara nisbah perbelanjaan pengurusan bagi penanggung insurans am domestik bertambah baik kepada 24% pada tahun 2003 (daripada 24.4% pada tahun 2000).

Meskipun perkembangan positif dalam industri, penanggung insurans domestik dengan bahagian pasaran keseluruhan yang ketara belum lagi muncul dalam sektor insurans hayat. Dalam tempoh peralihan kepada fasa kedua PISK yang menjangkakan persaingan yang sama rata di antara penanggung insurans domestik dan asing, tumpuan dasar terus dijuruskan kepada membangunkan penanggung insurans domestik, terutamanya penanggung insurans hayat, untuk memperkuatkan kedudukan mereka dalam penembusan saluran pengagihan alternatif, menggalakkan inovasi berterusan dan memudahkan pakatan strategik.

Pelaksanaan langkah tertentu di bawah Fasa 1 PISK untuk menggalakkan disiplin pasaran yang lebih baik dan mengukuhkan tadbir urus korporat akan menyokong peningkatan selanjutnya prestasi penanggung insurans domestik. Keperluan ketelusan jualan yang dipertingkatkan dan pelaksanaan program pendidikan pengguna yang komprehensif memberi kuasa kepada pengguna untuk membuat keputusan termaklum mengenai perkhidmatan dan produk kewangan pilihan mereka. Ini pula akan menjadi dorongan yang kuat bagi penanggung insurans menawarkan perkhidmatan dan produk yang lebih baik. Rangka kerja tadbir urus korporat yang lebih kukuh yang menjadi asas kepada inisiatif-inisiatif ini juga akan memastikan bahawa lembaga pengarah mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian bagi membolehkan mereka memberi arah tuju strategik yang berkesan kepada penanggung insurans dalam persekitaran yang lebih mencabar. Langkah-langkah ini melengkapi perubahan yang dilaksanakan kepada rangka kerja pengawalan dan merupakan unsur penting kepada pendekatan yang komprehensif kepada pembangunan sektor insurans yang teguh, stabil dan dinamik.

PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL

Sektor perbankan Islam dan takaful mencatatkan pengukuhan dan perkembangan pesat dalam fasa pertama PISK. Bahagian pasaran perbankan Islam kini menguasai 9.7% bahagian pasaran daripada segi aset (6.9% pada tahun 2000) manakala bahagian pasaran deposit dan pembiayaan masing-masing menguasai 10.4% (7.4% pada tahun 2000) dan 10.3% (5.3% pada tahun 2000) daripada sistem perbankan. Sektor takaful turut berkembang pesat dan menguasai 5.7% bahagian pasaran daripada segi aset (3.9% pada tahun 2000) manakala jumlah caruman meningkat kepada 6.0% (3.9% pada tahun 2000) daripada keseluruhan industri insurans. Fasa 1 ini juga mencatat kemajuan pesat dalam pembangunan infrastruktur bagi sektor perbankan Islam dan takaful dan membolehkan sektor ini berfungsi secara efisien dan berkesan selari dengan sistem perbankan konvensional dan insurans.

Satu pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur perundangan ialah penubuhan satu mahkamah tinggi khusus pada tahun 2003 bagi mendengar kes-kes perbankan dan kewangan Islam. Perkembangan ini turut dibantu dengan penubuhan Jawatankuasa Kajian Semula Undang-Undang yang mengkaji undang-undang sedia ada bagi membina struktur perundangan yang lebih berkesan untuk menguruskan keunikan urus niaga perbankan dan kewangan Islam. Dalam perkembangan berkaitan, kajian semula Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 turut dijalankan.

Struktur penasihat Syariah terus dimantapkan. Menerusi pindaan Akta Bank Negara Malaysia 1958, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dinaik taraf sebagai badan autoriti tunggal dalam hal-

ehwal Syariah yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam, khususnya bagi institusi yang terletak di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Garis panduan akan dikeluarkan bagi memantapkan struktur jawatankuasa Syariah di institusi perbankan Islam dan syarikat takaful. Garis panduan ini menggariskan komposisi, peranan dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah ini. Dengan terbitnya garis panduan ini, keberkesanan keseluruhan rangka kerja urus tadbir Syariah dijangka akan meningkat sepenuhnya.

Rangka kerja pengawalseliaan terus diperkukuhkan dengan mengambil kira ciri-ciri perbankan Islam dan takaful di samping mempertingkatkan kapasiti keinstitusian dan daya tahan kewangan peserta perbankan Islam dan pengendali takaful. Pengenalan rangka kerja standard bagi pengiraan kadar pulangan operasi perbankan Islam pada tahun 2001 bertujuan meningkatkan ketelusan kaedah pengiraan kadar pulangan bagi memastikan pengagihan pendapatan yang lebih saksama antara institusi perbankan dan pendeposit. Rangka kerja tersebut membolehkan institusi perbankan Islam menguruskan turun naik kadar pulangan secara lebih berkesan dan mengekalkan daya saing dengan institusi perbankan konvensional. Pengeluaran Garis Panduan Contoh Laporan dan Penyata Kewangan Bagi Bank Islam (GP8-i) pada tahun 2003 meningkatkan lagi penzahiran kewangan bagi mewujudkan disiplin pasaran yang lebih berkesan.

Kedudukan modal dan daya tahan kewangan sistem perbankan Islam semakin kukuh berikutan dasar pengawalseliaan yang menghendaki institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI) mematuhi keperluan nisbah modal berwajaran risiko bagi portfolio perbankan Islam mereka. Keperluan modal minimum pengendali takaful dinaikan daripada RM35 juta kepada RM100 juta berkuatkuasa pada 31 Disember 2004 bertujuan menaik taraf pengendali takaful setanding dengan syarikat insurans.

Program tanda aras bagi mengukur prestasi peserta perbankan Islam dan pengendali takaful juga diperkenalkan untuk meningkatkan keupayaan institusi perbankan Islam dan pengendali takaful menilai tahap kecekapan mereka dan merangka strategi bagi meningkatkan efisiensi operasi mereka supaya setanding dengan amalan terbaik antarabangsa. Dalam urus tadbir korporat, garis panduan penubuhan jawatankuasa ahli lembaga, kelayakan minimum dan keperluan latihan untuk pengarah serta fungsi dan tanggungjawab pengarah bebas yang dikeluarkan pada tahun 2003 bermatlamat memantapkan lagi pengurusan institusi perbankan Islam dan pengendali takaful. Pemegang saham diharapkan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memantau keberkesanan ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Garis Panduan Perjanjian Jual dan Beli Balik yang dikeluarkan pada tahun 2002 meningkatkan keupayaan institusi perbankan Islam memenuhi keperluan mudah tunai mereka sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperdalamkan lagi pasaran kewangan Islam. Mekanisme pembiayaan kadar terapung yang diperkenalkan pada tahun 2003 menawarkan satu instrumen kompetitif bagi peserta perbankan Islam membuat penetapan harga yang kompetitif bagi produk mereka bagi mengekalkan daya saing dalam suasana dwi-perbankan. Pada masa yang sama, ia membantu institusi perbankan Islam menguruskan risiko penetapan harga yang timbul daripada ketakpadanan aset dan liabiliti dengan lebih berkesan. Rangka kerja terperinci berhubung pelaksanaan pembiayaan berdasarkan konsep *mudharabah* (perkongsian untung) dan *musyarakah* (perkongsian untung rugi) kini di peringkat akhir dan akan menambah kepelbagaian konsep pembiayaan apabila sistem perbankan Islam memasuki fasa kedua PISK.

Penubuhan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) pada tahun 2002 sebagai institut penyelidikan dan latihan milik industri adalah satu lagi kemajuan penting yang dicapai. IBFIM dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha melahirkan sejumlah tenaga kerja perbankan Islam dan pengendali takaful yang berpengetahuan dan mahir bagi memenuhi permintaan industri kewangan Islam. Penganjuran Minggu Perbankan Islam dan Takaful pada tahun 2001 dan 2003 dan pelancaran Program Pendidikan Pengguna juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap

pengetahuan dan kesedaran pengguna dalam bidang perbankan Islam dan takaful. Kini, pengguna lebih peka tentang ciri-ciri perbankan Islam dan takaful, prinsip dan konsep Syariah yang diguna pakai serta produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam dan pengendali takaful.

Kemajuan turut dicapai dalam pembangunan infrastruktur keinstitusian. Dua pengendali takaful baru telah dilesenkan. Bagi perbankan Islam, kajian semula struktur keinstitusian "jendela" bank SPI sedang dijalankan. Kajian ini diharapkan akan menguatkan kedudukan bank SPI bagi memperkukuhkan rejim pengawalseliaan berhemat.

Berikutan kemajuan dan perkembangan sektor perbankan Islam mengatasi sasaran yang ditetapkan dalam fasa pertama, pelan liberalisasi kewangan sektor perbankan Islam dipercepatkan daripada fasa ketiga kepada fasa kedua, iaitu tiga tahun lebih awal daripada yang dijadualkan dalam PISK. Liberalisasi sektor perbankan Islam akan memacu perkembangan sektor ini dan seterusnya memperkukuhkan integrasi global bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menjadikan Malaysia pusat perbankan dan kewangan Islam serantau.

INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (IKP)

Sejajar dengan hala tuju strategik yang digariskan dalam PISK, usaha yang diambil pada Fasa 1 PISK tertumpu kepada pembentukan sekumpulan IKP yang cekap dan berkesan bagi melengkapi institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan untuk sektor-sektor utama dan strategik yang dikenalpasti dalam ekonomi.

Dalam Fasa 1 PISK, strategi-strategi yang dilaksanakan ditumpukan terutamanya bagi memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan pembinaan kapasiti IKP. Strategi dan inisiatif ini termasuklah infrastruktur perundangan dan pembangunan dasar yang diperlukan bagi menyokong pembangunan IKP yang berkesan secara terancang dan utuh.

Satu rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh bagi mempermudahkan keseluruhan pembangunan dasar IKP, terutamanya dalam mempertingkatkan keutuhan kewangan dan operasi IKP telah disempurnakan dengan penggubalan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 pada bulan Februari 2002. Akta ini memperuntukkan mekanisme yang menyeluruh bagi memastikan IKP menjalankan fungsi sosio-ekonomi yang dimandatkan. Berikutan dengan penggubalan Akta ini, enam buah IKP diletakkan di bawah bidang kuasa dan rangka kerja pengawalseliaan yang termaktub di bawah Akta berkenaan.

Rangka kerja dasar utama untuk membina kapasiti IKP disasar untuk memastikan IKP, sebagai institusi pembangunan terkhusus, mempunyai peranan yang efektif dalam menyokong keperluan pembangunan negara. IKP dikehendaki menyedia dan mengemukakan penyata niat korporat yang menggariskan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dirancang, strategi-strategi pelaksanaan dan sasaran prestasi selaras dengan peranan yang dimandatkan dan objektif pembangunan Kerajaan bagi memastikan mereka terus tertumpu kepada peranan yang dimandatkan.

Langkah-langkah berhemat, iaitu pengelasan pinjaman tidak berbayar dan keperluan peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk diperkenalkan bagi memastikan pinjaman tidak berbayar dan potensi kerugian dikenal pasti dan diambil kira tepat pada waktunya, serta aset pinjaman dan pendapatan dinyatakan dengan betul dan berhemat. Penyelenggaraan mudah tunai minimum diperkenalkan bagi mempertingkatkan keutuhan kewangan IKP. Dasar mengenai keperluan modal minimum mula dirumus untuk memastikan IKP mempunyai kapasiti kewangan bagi menampung operasi mereka. Semasa Fasa 1, pemeriksaan di premis ke atas keenam-enam buah IKP dijalankan secara berkala bagi menilai prestasi IKP dalam memenuhi peranan yang dimandatkan.

Bagi memperlengkapkan IKP sebagai institusi pembangunan terkhusus, langkah-langkah juga diambil bagi mempertingkatkan peranan mereka dalam penyediaan perkhidmatan bukan-kewangan. Satu projek

usahasama dengan *Japan International Cooperation Agency* dan beberapa IKP terpilih telah dimulakan bagi mempertingkatkan khidmat nasihat berkenaan yang boleh diberikan oleh IKP kepada PKS. Projek ini akan merumuskan pelan-pelan tindakan dan pelaksanaan bagi mempertingkatkan keupayaan institusi, termasuk kemahiran sumber manusianya.

Bagi memperkukuhkan urus tadbir korporat, garis panduan telah dikeluarkan bagi membantu IKP dan pihak-pihak yang berkepentingan menerapkan struktur urus tadbir korporat dan pengawasan lembaga pengarah yang berkesan. Perkara-perkara utama yang digariskan di dalam garis panduan tersebut ialah tugas dan tanggungjawab lembaga pengarah, keperluan minimum dan peraturan berkaitan pelantikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif serta penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga pengarah.

Melangkah ke hadapan, langkah-langkah yang dilaksanakan akan terus ditumpukan untuk menyediakan persekitaran bagi IKP untuk beroperasi dengan cekap dan berkesan. Strategi-strategi bagi jangka masa terdekat akan bertumpu kepada pembangunan keinstitusian setiap IKP dalam bidang pengurusan risiko dan khidmat nasihat dan keupayaan konsultansi bagi sasaran pelanggan selain PKS. Pada masa yang sama, usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan keinstitusian IKP menerusi perumusan penunjuk prestasi turut dipergiatkan bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi mereka.

MELANGKAH KE HADAPAN

Langkah-langkah yang dilaksanakan setakat ini adalah bertujuan untuk menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan sektor kewangan pada masa hadapan. Di samping langkah-langkah yang dilaksanakan dalam sektor perbankan, insurans, perbankan Islam dan takaful serta institusi kewangan pembangunan, kemajuan ketara juga dicapai dalam memperkenalkan kaedah pembiayaan alternatif dalam sistem kewangan domestik. Kemajuan ketara juga dibuat dalam membangunkan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa. Bagi kaedah pembiayaan alternatif, Kerajaan menerajui pembangunan industri modal usaha niaga (VC), sebagai langkah penting ke arah menjadikan Malaysia sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Langkah seperti penubuhan pusat sehenti untuk industri VC, insentif cukai dan dana VC akan terus menggalakkan perkembangan industri ini. Dengan pengiktirafan dan permintaan terhadap pembiayaan berlandaskan Islam yang kian meningkat, Labuan mengambil langkah strategik dalam mempromosikan kedudukannya sebagai sebuah pusat kewangan Islam. Dengan sokongan sektor kewangan Islam dalam pesisir yang kukuh, Labuan berada dikedudukan yang baik untuk menembusi pasaran kewangan Islam global yang kian berkembang.

Menuju ke hadapan, usaha yang lebih akan ditumpukan dalam pembangunan keinstitusian terutamanya bagi institusi kewangan domestik. Usaha ini akan diiringi oleh langkah liberalisasi secara berperingkat dengan imbangan sedang dilaksanakan untuk memastikan faedah yang diperolehi akan dimaksimumkan manakala sebarang impak yang mampu menggugat kestabilan dikurangkan. Sebagai tambahan, perkhidmatan kewangan yang lebih terpelbagai akan muncul dengan pasaran modal, insurans dan modal usaha niaga memainkan peranan yang lebih besar di dalam sektor kewangan.

Penubuhan Sistem Insurans Deposit di Malaysia

Pada tahun 2003, kemajuan pesat dicapai dalam usaha merumus ciri-ciri terperinci bagi sistem insurans deposit di Malaysia, lantas merintis jalan ke arah penubuhannya. Peningkatan dari aspek kekuatan, daya saing dan daya tahan yang dikecapi oleh sistem perbankan hasil daripada usaha-usaha penstrukturan semula dan pembinaan kapasiti yang dilaksanakan secara komprehensif kini mewujudkan persekitaran yang positif bagi pelaksanaan sistem insurans deposit yang berkesan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Sebagai satu komponen penting dalam jaringan keselamatan kewangan, sistem insurans deposit akan mengukuhkan insentif bagi institusi-institusi kewangan untuk melaksanakan amalan kewangan dan perniagaan yang sihat dan meningkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan melalui penyediaan perlindungan deposit secara eksplisit. Ciri-ciri sistem insurans deposit yang dicadangkan bagi Malaysia mendokong sepenuhnya objektif-objektif tersebut.

Dalam merumus ciri-ciri sistem insurans deposit ini, Bank Negara Malaysia mengambil iktibar daripada sistem yang terdapat di negara-negara lain yang sudahpun mengamalkan sistem insurans deposit yang eksplisit. Seterusnya, penyesuaian dibuat di mana perlu bagi menghasilkan satu sistem yang berfungsi dengan berkesan dan adil kepada semua pihak terlibat, serta menyediakan insentif ekonomi yang sesuai bagi semua peserta, dalam konteks Malaysia. Elemen penting ciri-ciri yang dicadangkan adalah termasuk:-

(a) memberi **mandat berlunaskan kuasa undang-undang** kepada agensi yang bertanggungjawab mentadbir sistem insurans deposit (selepas ini disebut sebagai 'Agensi'). Ini bertujuan memastikan peranan dan tanggungjawab yang jelas bagi Agensi ini dalam jaringan keselamatan kewangan dan menyediakan asas bagi penerapan kuasa undang-undang kepada Agensi ini;

Mandat yang dicadangkan untuk Agensi adalah:-
(i) mentadbir sistem insurans deposit;
(ii) melindung pendeposit daripada kehilangan kesemua atau sebahagian daripada deposit mereka setakat jumlah yang diinsuranskan sekiranya sebuah institusi perbankan gagal;
(iii) meningkatkan insentif bagi pengurusan risiko yang kukuh dalam sistem perbankan; dan
(iv) menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mandat yang dicadangkan ini, satu peranan yang juga akan dimainkan oleh Agensi, dalam keadaan-keadaan tertentu, ialah menyelesaikan masalah institusi perbankan seperti mana dikehendaki berasaskan penilaian oleh Bank Negara Malaysia. Dalam memainkan peranan ini, Agensi juga bertanggungjawab untuk mengurangkan kos resolusi bank kepada sistem kewangan, dengan mengambil kira faktor-faktor yang boleh menjejas kestabilan sistem kewangan.

(b) **keahlian yang diwajibkan bagi bank-bank perdagangan** (termasuk subsidiari bank-bank asing yang beroperasi di Malaysia) dan **syarikat-syarikat kewangan** yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, serta **bank-bank Islam** yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983, untuk menerima deposit (selepas ini disebut sebagai 'institusi ahli'). Ini bertujuan mengelakkan risiko berkaitan dengan "adverse selection", di mana hanya institusi-institusi yang kecil dan dianggap lemah menjadi ahli. Elemen ini penting untuk meningkatkan daya maju sistem insurans deposit;

(c) **tahap perlindungan** kepada **semua pendeposit** institusi ahli setakat tahap yang telah ditetapkan bagi deposit layak. Agensi akan diberi kuasa untuk meluluskan instrumen-instrumen kewangan tambahan yang layak diinsuranskan bagi menampung jenis-jenis produk deposit baru yang diperkenalkan pada masa hadapan. Deposit yang tidak melibatkan pembayaran di Malaysia, deposit mata wang asing, deposit instrumen boleh niaga atau lain-lain deposit pembawa ('bearer deposits'), perjanjian belian semula dan letakan pasaran wang tidak akan diinsuranskan;

(d) **tahap perlindungan asas yang mencukupi bagi setiap pendeposit untuk depositnya yang disimpan di setiap institusi ahli.** Bagi para pendeposit yang menyimpan di lebih daripada satu institusi ahli, deposit yang disimpan di setiap institusi akan diinsuranskan secara berasingan. Deposit yang disimpan secara akaun bersama dan akaun amanah akan turut diinsuranskan secara berasingan, yang merupakan satu perlindungan tambahan yang disediakan oleh sistem bagi para pendeposit yang mempunyai akaun-akaun sedemikian. Tahap perlindungan yang diberi akan ditetapkan pada tahap yang mencukupi untuk melindungi sebahagian besar pendeposit dengan sepenuhnya. Namun, pada masa yang sama, tahap perlindungan yang diberi akan mengekalkan insentif bagi pendeposit yang menyimpan dalam jumlah besar dan pendeposit jenis institusi untuk memantau keadaan kewangan institusi ahli. Ini penting untuk menggalakkan amalan kewangan dan perniagaan yang sihat, sekali gus meningkatkan lagi kestabilan kewangan;

(e) **perlindungan setara bagi deposit Islam dan konvensional,** yang mana kedua-duanya akan diberi perlindungan insurans berasingan setakat tahap insurans deposit yang telah ditetapkan untuk mengelakkan herotan persaingan di antara sistem perbankan Islam dan konvensional. Sehubungan ini, perundingan terperinci telah diadakan dengan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan mengenai unsur-unsur sistem insurans deposit yang berkaitan dengan deposit Islam bagi memastikan ketekalan dan mematuhi prinsip Syariah;

(f) **premium tahunan** yang dibayar oleh institusi ahli kepada dana insurans deposit **adalah berdasarkan jumlah deposit yang diinsuranskan** di institusi ahli berkenaan. Premium tahunan ditanggung sepenuhnya oleh institusi ahli dan tidak seharusnya membawa kepada caj khidmat tambahan kepada pengguna, baik secara eksplisit mahupun tersirat. Dana insurans deposit akan digunakan untuk membayar balik pendeposit institusi ahli yang gagal memenuhi obligasi kepada pendepositnya ataupun untuk menyediakan bantuan kewangan bagi resolusi institusi terbabit. Premium tahunan ini akan ditokok oleh premium tambahan ke atas institusi ahli untuk menampung sebarang kerugian berikutan pelaksanaan skim-skim resolusi; dan

Sebuah dana insurans deposit Islam, yang dibiayai oleh premium yang dikutip berasaskan deposit Islam yang diinsuranskan, akan dikendalikan secara berasingan bagi memastikan bahawa perlindungan yang diberi kepada deposit Islam adalah berlandaskan prinsip Syariah.

(g) pelaksanaan **kaedah pengiraan premium yang berlainan** dalam menetapkan premium yang dibayar oleh setiap institusi ahli. Selaras dengan mandat Agensi untuk mengukuhkan amalan pengurusan risiko yang sihat di kalangan institusi ahli, kesan kewangan melalui kadar premium yang lebih tinggi akan dikenakan ke atas amalan institusi ahli yang meningkatkan risiko kerugian kepada sistem insurans deposit. Sejajar dengan struktur asas sistem penarafan di negara-negara lain yang sudah terbukti dan teruji, kedua-dua kriteria kualitatif dan kuantitatif akan dipertimbangkan dalam menentukan kategori premium untuk dikelaskan bagi setiap institusi ahli.

Sistem insurans deposit ini dijangka akan ditadbir oleh sebuah badan berkanun berasingan yang ditubuhkan oleh Parlimen untuk memberikan fokus dan kejelasan yang lebih nyata terhadap pencapaian mandat insurans deposit. Agensi ini akan diperkukuhkan oleh lembaga pengarah bebas terdiri daripada wakil-wakil yang releven daripada sektor awam dan swasta. Sebagai komponen berasingan dalam jaringan perlindungan kewangan, pengaturan keinstitusian yang sewajarnya akan diadakan bagi memupuk kerjasama dan penyelarasan tindakan yang berkesan di antara Bank Negara Malaysia dan Agensi.

Berikutan proses perundingan dengan industri perbankan, sistem insurans deposit ini akan dilaksanakan selepas undang-undang untuk penubuhannya diluluskan oleh Parlimen dan infrastruktur yang diperlukan siap dirangka.

sistem perbankan, iaitu sebanyak 5.9% kepada RM506.6 bilion. Kenaikan tersebut melibatkan semua kategori risiko, terutamanya dalam kategori 0% dan 20%. Kategori 0% mengalami kenaikan sebanyak 22.8% kepada RM170.9 bilion, disebabkan terutamanya oleh operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia. Selaras dengan penambahan pinjaman pembelian harta kediaman, jumlah aset kategori risiko 50% meningkat sebanyak 14.5% kepada RM117.5 bilion. Aset berwajaran risiko dalam kategori risiko 100% bertambah sebanyak 4% atau RM16.1 bilion, berpunca daripada pembiayaan pinjaman lain.

Berdasarkan tahap pemodalan yang kukuh, sistem perbankan berada pada kedudukan yang teguh untuk menyokong aktiviti ekonomi secara efisien dan berkesan. Ini satu petanda baik bagi pertumbuhan ekonomi pada tahun 2004.

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG LAIN

Syarikat Diskaun

Dalam suasana mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan, jumlah sumber yang diagihkan oleh syarikat diskaun meningkat lagi sebanyak 10.3% atau RM2.8 bilion pada tahun 2003 (15% atau RM3.6 bilion pada tahun 2002). Deposit yang diterima (terutamanya dalam bentuk simpanan tetap jangka pendek) terus menjadi sumber dana utama, meningkat 19.3% (32.1% pada tahun 2002). Dengan pertumbuhan deposit yang kukuh, syarikat diskaun mampu untuk terus mengurangkan pinjaman antara bank mereka, yang menurun sebanyak 24.7% (-22.5% pada tahun 2002).

Terdapat perubahan yang ketara dalam pelaburan dana yang diagihkan oleh syarikat diskaun. Penurunan yang ketara dalam pegangan penerimaan jurubank serta pegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon Khazanah yang lebih rendah, diimbangi oleh peningkatan yang tinggi dalam pegangan sekuriti hutang swasta (PDS). Pelaburan dalam PDS meningkat sebanyak RM3.2 bilion atau 27.7% pada tahun 2003 (-RM0.9 bilion atau -0.9% pada tahun 2002) disebabkan oleh syarikat diskaun mengambil peluang daripada harga PDS yang lebih rendah pada separuh kedua tahun 2003 berikutan sentimen pasaran yang lebih berhati-hati terhadap bon. Peningkatan dalam deposit yang diterima juga telah dilaburkan dalam pasaran antara bank. Penyimpanan antara bank meningkat sebanyak RM1.9 bilion atau 49.4%,

Jadual 4.17
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2003
	2002	2003	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	300	153	2,443
Deposit	4,834	3,847	23,751
Pinjaman antara bank	-1,370	-1,169	3,559
Lain-lain	-185	-13	448
Jumlah	**3,578**	**2,818**	**30,201**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	2,876	809	24,055
Sekuriti hutang Kerajaan	*112*	*-571*	*1,329*
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*-364*	*-262*	*835*
Bon Khazanah	*-281*	*123*	*497*
Bil BNM	*229*	*16*	*365*
Sekuriti hutang swasta	*-104*	*3,197*	*14,730*
Penerimaan jurubank	*2,754*	*-2,752*	*3,237*
Deposit instrumen boleh niaga	*-125*	*752*	*848*
Sekuriti hutang Cagamas	*471*	*610*	*2,168*
Lain-lain[1]	*-181*	*-567*	*882*
Penyimpanan antara bank	1,031	1,921	5,809
Lain-lain	-329	87	337
	2001	**2002**	**2003**
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

[1] Termasuk bon Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

disebabkan sebahagiannya oleh penempatan sementara dana dalam pasaran antara bank oleh sebuah syarikat diskaun yang memiliki pegangan bon Danaharta yang matang pada akhir tahun 2003.

Sepanjang tahun 2003, syarikat diskaun terus memperluaskan aktiviti berasaskan fi. Industri ini menjadi pengatur, pengurus utama dan pengurus bersama terbitan PDS berjumlah RM9.8 bilion (RM8 bilion pada tahun 2002), sementara jumlah yang ditanggung jamin meningkat kepada RM2.6 bilion (RM1.9 bilion pada tahun 2002) untuk 31 terbitan PDS (38 terbitan pada tahun 2002).

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber kewangan bagi 13 kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) yang dikaji selidik oleh Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak 7.9% kepada RM266.4 bilion pada tahun 2003. Caruman terkumpul, yang mencakupi 90.2% daripada jumlah sumber kewangan PPF, meningkat sebanyak 9.2% pada tahun 2003 (2002: 8.5%). Kenaikan caruman terkumpul disebabkan oleh peningkatan sebanyak 16.2% caruman bersih dan 15.7% dividen yang dikreditkan ke dalam akaun pencarum. Peningkatan dividen disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2003. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal sebagai PPF terbesar, mencakupi 82.6% jumlah sumber kewangan PPF.

Jadual 4.18
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	2002	2003*a*
	RM juta	
Pada akhir tahun		
Bilangan pencarum ('000)	18,436	20,718
Antaranya:		
KWSP	*10,335*	*10,490*
Perkeso	*7,912*	*9,997*
Caruman terkumpul	220,094	240,238
Aset	246,974	266,438
Antaranya:		
Pelaburan dalam		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*77,387*	*91,589*
Sepanjang tahun		
Caruman kasar	24,000	24,233
Pengeluaran	13,689	12,249
Caruman bersih	10,311	11,984
Dividen yang dikreditkan	8,117	9,393
Pendapatan pelaburan	10,553	12,200

a Awalan


Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan tujuh buah kumpulan wang simpanan dan pencen yang lain.

Peningkatan caruman bersih yang kukuh pada tahun 2003 disebabkan oleh caruman kasar yang lebih tinggi dan pengeluaran yang lebih rendah. Caruman kasar meningkat sebanyak 1%, disebabkan kenaikan bilangan pencarum sebanyak 12.4% yang mengatasi kesan pengurangan kadar caruman pekerja ke dalam KWSP kepada 9% daripada 11% bagi tempoh setahun, bermula pada bulan Jun 2003. Penurunan kadar caruman pekerja ini adalah satu daripada langkah-langkah dalam Pakej Ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan pada bulan Mei 2003 untuk merangsang penggunaan.

Sementara itu, pengeluaran merosot sebanyak 10.5% pada tahun 2003 disebabkan oleh penurunan ketara dalam pengeluaran pekerja berpencen di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen KWSP, yang dilancarkan pada tahun 2000. Sebahagian besar daripada pengeluaran di bawah skim ini telah dibuat pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, pengeluaran bagi tujuan pelaburan dan perumahan masing-masing meningkat sebanyak 8.7% dan 2.1%.

Pendapatan pelaburan KWSP meningkat sebanyak 3.4% kepada RM11.1 bilion pada tahun 2003 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pendapatan pelaburan daripada instrumen pendapatan tetap sebanyak 3.4%. Pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap menyumbang

Graf 4.14
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



77.4% daripada jumlah pendapatan pelaburan KWSP pada tahun 2003. Selaras dengan prestasi kukuh pasaran ekuiti, pendapatan pelaburan daripada ekuiti (termasuk pendapatan daripada pengurus portfolio ekuiti luar) mencatat kenaikan tertinggi (17.1%) antara semua kelas aset pada tahun 2003.

Pegangan semua kelas aset, kecuali deposit dan instrumen pasaran wang, meningkat pada tahun 2003. Disebabkan oleh keadaan kadar faedah yang rendah, penurunan pegangan deposit dan instrumen pasaran wang PPF adalah sebahagian daripada strategi pelaburan untuk beralih kepada aset yang menawarkan pulangan yang lebih tinggi. Selaras dengan strategi ini, bahagian pinjaman dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dalam jumlah aset PPF meningkat pada tahun 2003. Kenaikan pegangan SKM oleh PPF juga disebabkan oleh terbitan SKM yang lebih tinggi pada tahun 2003. Pelaburan dalam ekuiti oleh PPF meningkat sebanyak 1.6%, sementara pelaburan luar negeri meningkat sebanyak 14.5%. Walau bagaimanapun, bahagian pelaburan luar negeri dalam jumlah aset PPF kekal rendah pada 0.3%.

Modal Usaha Niaga

Pada tahun 2003, industri modal usaha niaga terus berkembang sebagai satu kaedah alternatif pembiayaan dalam ekonomi. Hasil usaha yang diambil oleh Kerajaan dan sektor swasta, industri modal teroka telah berkembang lebih giat dari segi saiz dana, bilangan syarikat penerima modal usaha niaga, bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga dan syarikat dana modal usaha niaga. Jumlah dana yang wujud bagi tujuan pelaburan usaha niaga


Jadual 4.19
Statistik Utama Industri Modal Usaha Niaga

	Pada akhir tahun	
	2002	2003
Dana modal usaha niaga (RM juta)	1,953.1	2,118.1
Pelaburan bersih[1] (RM juta)	862.6	878.7
Sumber tempatan (RM juta)	*t.d.*	*769.0*
Sumber asing (RM juta)	*t.d.*	*109.6*
Bilangan syarikat / dana modal usaha niaga	38	43
Bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga	29	31
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	183	298
	Pada tahun	
	2002	2003
Pelaburan kasar (RM juta)	191.4	227.2
Sumber tempatan (RM juta)	*t.d.*	*192.5*
Sumber asing (RM juta)	*t.d.*	*34.8*
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	80	115

[1] Pelaburan kasar tolak aktiviti pemberhentian pelaburan.
t.d. Tidak diperolehi.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 4.15
Sumber Modal Usaha Niaga
(% bahagian, pada akhir 2003)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

berkembang sebanyak 10.5% kepada RM2.1 bilion. Pada akhir tahun 2003, syarikat penerima dana modal usaha niaga bertambah kepada 298 syarikat, dengan nilai pelaburan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM878.7 juta.

Kerajaan terus menampung perkembangan industri modal usaha niaga melalui peruntukan pembiayaan dan insentif yang telah diumumkan dalam Pakej Ekonomi dan Bajet 2004. Program *Cradle Investment Programme* (CIP) diperkenalkan melalui Pakej Ekonomi yang diumumkan pada bulan Mei. Ia dilancarkan dengan jumlah pengagihan sebanyak RM100 juta dan ditadbirkan oleh *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP). Program CIP diwujudkan pada pertengahan tahun 2003 untuk menyediakan pembiayaan modal benih dan bantuan keusahawanan untuk menjanakan idea-idea baru dan inovasi oleh individu persendirian, institusi kajian dan institusi pengajian tinggi. Setakat pertengahan bulan Mac 2004, sejumlah RM 1.2 juta telah dilaburkan untuk membiayai 93 idea dan inovasi.

MAVCAP terus menawarkan dan memberikan subsidi kepada bengkel kerja *Ignite the Technopreneur Fire* kepada usahawan teknologi yang berminat. Ia menumpukan pada isu-isu keusahawanan seperti penilaian teknologi, aktiviti memperdagangkan teknologi dan pembiayaan. Bengkel ini membantu usahawan-usahawan teknologi yang mempunyai masalah pengurusan, sumber manusia dan operasi. Satu inisiatif lain adalah mesyuarat "Tiga M" (Monday Meeting of the Month), yang dimulakan dan ditaja oleh MAVCAP dan diuruskan dengan kerjasama *Malaysian Venture Capital Association* (MVCA). Forum bulanan ini bertujuan mendedahkan peluang-peluang kepada usahawan teknologi dan pembiaya untuk berinteraksi dan berbincang mengenai isu-isu yang berkaitan. *Venture Accelerate 2003* membuat pendekatan baru yang bertujuan untuk mempercepatkan perkembangan usahawan yang berpotensi menjadi syarikat baru yang berjaya, melalui tumpuan yang jitu ke atas usaha mentor yang intensif dan pembangunan kemahiran selama 6 bulan. Objektif utama adalah untuk melahirkan usahawan berkualiti, seterusnya menjana persekitaran keusahawanan yang lebih gemilang dan berkekalan di Malaysia. Program ini dilancarkan pada 17 September 2003 dan dijangka berakhir pada bulan Jun 2004.

Jadual 4.20
Pelaburan mengikut Peringkat pada tahun 2003

Bilangan Syarikat Penerima Pelaburan	115	
Peringkat Perniagaan	RM juta	% bahagian
Modal benih	19.9	8.7
Pembiayaan permulaan	47.9	21.1
Pembiayaan peringkat awal	17.2	7.6
Pembiayaan pengembangan, Pertumbuhan	81.4	35.8
Pembiayaan penyambungan, Mezanin, Sebelum IPO	20.3	8.9
Pembelian keluar pengurusan	11.7	5.1
Pembelian masuk pengurusan	16.8	7.4
Penunaian keluar (Pembelian sekunder)	...	...
Lain-lain	12.1	5.3
Jumlah	**227.2**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti


Majlis Perunding Modal Usaha Niaga (VCCC) yang ditubuhkan pada 2002, memberi sumbangan yang berkesan dalam memperkembangkan lagi industri modal usaha niaga. Dengan menyediakan forum perunding untuk sektor awam dan swasta, VCCC berjaya menangani beberapa isu yang boleh menjejaskan perkembangan industri. Antara isu utama yang berjaya ditangani oleh VCCC adalah isu berkenaan cukai, menggariskan arus pengumpulan informasi, mengadakan dialog yang berterusan antara sektor awam dan swasta yang terlibat dalam industri modal usaha niaga dan memulakan program berunsur pembelajaran.

Tahap penglibatan sektor swasta yang meningkat boleh dilihat melalui sumbangan dana yang lebih banyak untuk pelaburan modal usaha niaga. Sumbangan daripada sektor swasta berkembang sebanyak 18.9% kepada 45.8% daripada jumlah keseluruhan dana yang diperoleh sepanjang tahun 2003 (38.5% pada tahun 2002). Dana modal usaha niaga daripada sumber asing adalah sedikit, iaitu berjumlah hanya RM109.6 juta pada akhir 2003. Hampir 75% daripada dana modal usaha niaga daripada sumber asing dilaburkan ke sektor teknologi informasi dan komunikasi serta sains kehidupan.

Pada tahun 2003, pelbagai inisiatif diambil untuk mempromosi pelaburan modal usaha niaga dengan jumlah syarikat penerima modal usaha niaga terus meningkat kepada 21.1% daripada jumlah pelaburan modal usaha niaga. Walaupun kecil, jumlah keseluruhan pelaburan dalam peringkat modal benih juga meningkat tahun 2003, memperlihatkan pertambahan dalam kesanggupan mengambil risiko oleh industri modal usaha niaga. Pada masa yang sama, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memperuntukkan mekanisme pengeluaran yang berkesan untuk pelaburan modal usaha niaga. Perkara ini jelas diperlihatkan dengan bilangan tawaran awam awal yang lebih tinggi pada tahun 2003, oleh syarikat kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang.

Sepanjang tahun ini, kebanyakan pelaburan modal usaha niaga disalurkan kepada sektor pertumbuhan baru, seperti informasi, teknologi dan komunikasi (ICT), sains kehidupan dan perkilangan maju. Dari segi nilai, subsektor perisian, khidmat internet dan e-perniagaan menerima pembiayaan yang paling tinggi (21.1% daripada keseluruhan), diikuti oleh subsektor perubatan dan bioteknologi (15.5%). Sehingga akhir tahun 2003, kebanyakan daripada jumlah pelaburan terkumpul oleh syarikat dana modal usaha niaga (61.3%) ditumpukan pada sektor pertumbuhan baru seperti ICT, sains kehidupan dan perkilangan maju. Pelaburan dalam sektor lain berjumlah RM340.1 juta, dengan sektor perkilangan (tidak termasuk perkilangan maju) mencakupi 27.3% daripada jumlah terkumpul pelaburan modal usaha niaga. Pelaburan dana modal usaha niaga tempatan lebih tertumpu dalam sektor perkilangan (38.1%), ICT (36.7%) dan sains

Graf 4.16
Pelaburan Kasar pada 2003
(% bahagian daripada jumlah)



Jumlah Pelaburan: RM227.2 juta
Bilangan Syarikat Penerima Modal Usaha Niaga: 115


Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Jadual 4.21
Pelaburan mengikut Sektor

	Pada akhir tahun 2003	
	RM juta	% bahagian
Perkilangan:	304.8	34.7
Antaranya,		
Kayu dan keluaran kayu termasuk perabot	*39.5*	*4.5*
Kelengkapan pengangkutan, komponen automotif	*10.3*	*1.2*
Perkilangan maju: elektronik, sistem automasi, elektro-optik, bahan maju	*65.3*	*7.4*
Keluaran logam, jentera dan kelengkapan jentera	*19.9*	*2.3*
Elektrik dan elektronik (pembuatan, pemasangan)	*19.1*	*2.2*
Lain-lain	*150.7*	*17.2*
Teknologi informasi dan komunikasi	326.0	37.1
Sains kehidupan	147.3	16.8
Elektrik, janaan tenaga, gas dan air	15.6	1.8
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel	5.0	0.6
Pendidikan	4.0	0.5
Pembinaan	0.1	0.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1.4	0.2
Perkhidmatan pembiayaan, insurans, hartanah dan perniagaan	9.8	1.1
Lain-lain	64.7	7.4
Jumlah	**878.7**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 4.17
Pelaburan Terkumpul mengikut Peringkat (% bahagian)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

kehidupan (14.2%) sementara pelaburan modal usaha niaga asing lebih tertumpu pada ICT (39.9%) dan sains kehidupan (34.8%) sahaja.

Industri Unit Amanah

Industri unit amanah terus berkembang pada tahun 2003, dengan lebih banyak bilangan dana baru dilancarkan dan kenaikan berterusan dalam bilangan unit dalam edaran. Selaras dengan kenaikan ketara dalam prestasi BSKL, nilai aset bersih (NAV) industri bertambah sebanyak 30.5% pada tahun 2003. Dengan usaha pemasaran yang hebat dan pengenalan pelbagai jenis produk oleh syarikat pengurusan unit amanah bagi memenuhi minat dan kehendak para pelabur, jualan kasar dana unit amanah meningkat sebanyak 37.5% pada tahun 2003. Tahap jualan kasar kekal tinggi sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, berikutan pembelian balik yang tinggi yang dibuat pada separuh tahun kedua, jualan bersih lebih rendah berbanding tahun 2002. Perkembangan ini adalah disebabkan oleh usaha mengimbangi semula portfolio para pelabur berdasarkan prestasi pasaran ekuiti yang lebih baik pada suku ketiga. Pembelian balik bersih dicatatkan pada bulan September dan Oktober disebabkan oleh sentimen dan jangkaan yang menggalakkan terhadap prestasi yang lebih baik dalam pelaburan ekuiti, seterusnya jualan bersih dicatatkan pada suku keempat.

Satu segmen dalam industri unit amanah yang meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah segmen amanah saham Islam. Pada tahun 2003, 14 dana Islam baru dilancarkan (8 dana pada tahun 2002), menjadikan jumlah bilangan dana Islam kepada 50. NAV bagi dana Islam meningkat sebanyak 47.8% pada tahun 2003. Bahagian dana Islam daripada jumlah NAV industri unit amanah meningkat kepada 6.7% daripada 6% pada tahun 2002.

Bagi mengalakkan aktiviti amanah saham, Bank Negara Malaysia telah melonggarkan pengawalan

Jadual 4.22
Industri Unit Amanah (Termasuk Dana Unit Amanah Islam) - Penunjuk Terpilih

	2002	2003	2002	2003
			Pertumbuhan (%)	
Bilangan Syarikat Pengurusan Unit Amanah	39	36	5.4	-7.7
Bilangan Dana Unit Amanah*	175	217	17.4	24.0
Bilangan Dana Baru	26	42		
Unit dalam Edaran (bilion)	84.5	97.4	18.4	15.2
Bilangan Akaun ('000)	10,175	10,221	1.9	0.5
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM bilion)	53.7	70.1	13.4	30.5
Purata Jualan Kasar Bulanan (RM bilion)	1.9	2.6		
Purata Pembelian-balik Bulanan (RM bilion)	1.3	2.1		
Jualan Bersih (RM bilion)	7.6	6.9		
Nisbah NAV kepada Nilai Pasaran BSKL (%)	11.1	10.9		

* Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Jadual 4.23
Unit Amanah Islam

	2002	2003	2002	2003
			Pertumbuhan (%)	
Bilangan Syarikat Pengurusan Unit Amanah	27	27	17.4	0.0
Bilangan Dana Unit Amanah*	36	50	28.6	38.9
Unit dalam Edaran (bilion)	5.8	8.6	35.1	49.1
Bilangan Akaun	303,000	346,000	13.5	14.2
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM bilion)	3.2	4.7	32.6	47.8
Jualan Bersih (RM juta)	980.4	1,169.9		
Nisbah NAV kepada Nilai Pasaran Indeks Syariah BSKL (%)	1.2	1.3		


* Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

berkaitan dengan pelaburan luar negara oleh industri unit amanah. Langkah ini dapat meningkatkan kefleksibelan syarikat pengurusan amanah saham untuk mempelbagaikan portfolio mereka bagi memperbaiki pulangan kepada para pelabur. Bermula 1 April 2004, syarikat pengurusan amanah saham dibenarkan melabur dalam aset asing dengan bebas sehingga 10% daripada NAV bagi setiap dana bagi dana yang dilanggan oleh pemastautin, dan sehingga semua jumlah NAV bagi setiap dana yang dilanggan oleh bukan pemastautin. Dana unit amanah daripada syarikat yang berlainan juga boleh dikumpulkan untuk mendapat manfaat daripada ekonomi bidangan apabila dilaburkan ke luar negara.

Seterusnya, Suruhanjaya Sekuriti juga menyemak semula Garis Panduan Dana Unit Amanah pada 1 April 2003. Perubahan utama yang diperkenalkan termasuk meningkatkan kefleksibelan bagi terbitan produk unit amanah khusus, penilaian permohonan bagi terbitan produk unit amanah yang lebih pantas, pendaftaran prospektus yang lebih cepat, memperkemaskan proses pengesahan, dan memperbaiki keperluan pendedahan dan laporan.

Graf 4.18
Industri Amanah Saham - Jualan Kasar, Pembelian balik dan Jualan Bersih



PASARAN KEWANGAN


Tinjauan Pasaran Kewangan

Peningkatan aktiviti dalam pasaran wang mencerminkan peningkatan dagangan bagi deposit antara bank dan kertas-kertas pasaran wang. Jumlah urus niaga dalam pasaran deposit antara bank meningkat dengan lebih ketara dengan kecenderungan pasaran beralih kepada instrumen pasaran wang yang lebih berjangka pendek.

Dalam pasaran pertukaran asing antara bank Kuala Lumpur, jumlah purata urus niaga harian meningkat pada tahun ini disebabkan aliran dagangan dan pelaburan yang lebih tinggi serta peningkatan aktiviti perlindungan nilai bagi mengurangkan kesan ketidaktentuan dalam pasaran pertukaran asing antarabangsa. Sementara aktiviti dagangan terus didominasi oleh urus niaga dalam ringgit berbanding dollar AS, bahagian urus niaga euro dan yen Jepun berbanding dollar AS turut meningkat sejajar dengan urus niaga yang lebih tinggi dan keperluan perlindungan nilai oleh peserta pasaran bagi mengurus ketidaktentuan mata wang negara-negara G3.

Aktiviti dagangan turut meningkat dengan lebih tinggi dalam pasaran ekuiti, bon dan bursa dagangan derivatif. Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) meningkat 22.8% sementara purata aktiviti urus niaga harian

Graf 4.19
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal oleh Sektor Awam dan Swasta



melonjak dengan ketara sebanyak 103.3% dari segi jumlah dan sebanyak 58.5% dari segi nilai. Dalam pasaran bon, kadar faedah yang rendah dan keadaan mudah tunai yang berlebihan merupakan faktor penting yang menyebabkan peningkatan dagangan dalam pasaran sekuriti hutang swasta, terutamanya dalam separuh tahun pertama.

Peningkatan urus niaga yang lebih tinggi turut dicatat dalam pasaran derivatif dengan pasaran Kontrak Hadapan Minyak Sawit Mentah diperkenalkan pada tahun 2003, iaitu Kontrak Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia untuk 3 tahun dan 10 tahun.

Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran modal pada tahun 2003 meningkat dengan lebih ketara dengan perolehan kasar berjumlah RM105.1 bilion berbanding RM69 bilion pada tahun 2002. Selepas ditolak penebusan, jumlah bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM54 bilion (2002: RM23 bilion).

Pengukuhan asas ekonomi dan peningkatan prospek ekonomi Malaysia menyebabkan aktiviti dagangan meningkat dengan lebih ketara dalam kesemua segmen pasaran kewangan.

menunjukkan prestasi terbaik. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah disebabkan oleh ketidakseimbangan minyak sayuran global berikutan peningkatan yang sedikit dalam pengeluaran bijirin utama, sementara permintaan terutamanya dari India dan Republik Rakyat China pula meningkat dengan ketara. Urus niaga Kontrak Hadapan KLIBOR yang aktif dipengaruhi oleh jangkaan bagi prospek kadar faedah. Terdapat dua produk derivatif yang

Jadual 4.24
Dana yang Diperolehi daripada Pasaran Modal

	2002	2003*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	16,266	41,262
Tolak Penebusan	8,900	18,600
Tolak Milikan Kerajaan	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	7,366	22,662
Bon Khazanah (bersih)	0	346
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	738	1,729
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	464	-9
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta	**8,568**	**24,728**
Oleh Sektor Swasta		
Saham	13,291	7,772
Sekuriti Hutang Swasta		
Terbitan kasar	36,195	50,975
Tolak Penebusan	34,137	33,189
Bersamaan Terbitan bersih	2,058	17,786
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta	**15,349**	**25,558**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal	**23,917**	**50,286**
Terbitan bersih sekuriti jangka pendek[1]	-880	3,753
Jumlah	**23,037**	**54,039**

[1] Merujuk kepada Kertas Perdagangan, Nota Cagamas dan Nota Jangka Pertengahan.
a Awalan

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta mencakupi bahagian yang terbesar sebanyak 69.6% (2002: 13.4%). Kerajaan Persekutuan terus memperoleh dana daripada pasaran dalam negeri untuk membiayai kebanyakan keperluan pembiayaan, berikutan keadaan mudah tunai yang berlebihan. Perolehan kasar sebanyak RM41.3 bilion diperoleh terutamanya melalui 13 terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Sektor swasta memperoleh sebanyak RM58.7 bilion daripada pasaran sekuriti hutang swasta dan ekuiti (RM49.5 bilion pada tahun 2002). Syarikat-syarikat yang mempunyai profil kredit yang kukuh terus memastikan kos pembiayaan yang rendah melalui terbitan sekuriti hutang swasta. Terdapat juga peningkatan terbitan bon bersederhana aset serta bon boleh tukar, di samping peningkatan minat dalam pasaran ekuiti. Pasaran ekuiti terus kekal sebagai satu sumber pembiayaan yang penting, terutamanya bagi syarikat-syarikat kecil dan mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi. Sejumlah 58 terbitan awal awam ditawarkan di BSKL, jumlah yang tertinggi sejak tahun 1998. Sejumlah RM7.8 bilion dana diperoleh daripada terbitan baru tersebut.

Kerajaan terus komited untuk membangunkan pasaran modal yang meluas dan mudah tunai yang mencukupi. Beberapa langkah dan inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2003 untuk mempertingkatkan penyertaan dan perlindungan pelabur runcit, mengukuhkan mudah tunai dan kecekapan pasaran, memudahkan proses perolehan dana dan dasar penyenaraian yang lebih telus serta mengukuhkan perantaraan pasaran modal di Malaysia. *(Butir terperinci tentang langkah-langkah*

ini terkandung dalam rencana "Langkah-langkah Pasaran Modal pada tahun 2003")

Pasaran Wang

Peningkatan aktiviti di pasaran wang pada tahun 2003 dicerminkan terutamanya oleh urus niaga deposit antara bank yang lebih tinggi. Urus niaga dalam instrumen pasaran wang meningkat sedikit.


Aktiviti dalam pasaran wang antara bank pada tahun 2003 menunjukkan dua tempoh perubahan jangkaan pasaran yang berlainan. Pada separuh tahun pertama, sebahagian besar urus niaga pasaran dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap kesan buruk ke atas pertumbuhan ekonomi akibat ketidakpastian geopolitik yang semakin meningkat berikutan peperangan di Iraq. Penularan wabak SARS di rantau ini telah memburukkan lagi persekitaran yang tidak menentu ini. Hasilnya, sebahagian besar daripada peserta pasaran berpendapat dasar monetari yang akomodatif yang sedia ada akan terus dikekalkan untuk tempoh yang panjang. Dalam keadaan inflasi yang rendah, ketidakpastian ini telah meningkatkan minat pasaran terhadap instrumen pulangan tetap, terutamanya instrumen jangka panjang yang menawarkan kadar hasil yang lebih tinggi. Dari bulan Januari hingga Julai 2003, purata jumlah urus niaga SKM meningkat kepada RM27.6 bilion berbanding RM18.1 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2002. Bagaimanapun, kadar hasil SKM kekal stabil pada tempoh ini disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi kertas jangka panjang

Jadual 4.25
Pasaran Wang[1]

	2002		2003	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan Tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan Tahunan (%)
Jumlah urus niaga pasaran wang	**1465.1**	**-2.4**	**1538.4**	**5.0**
Deposit antara bank	**1011.7**	**-4.1**	**1084.7**	**7.2**
Instrumen pasaran wang	**453.4**	**1.8**	**453.7**	**0.1**
Penerimaan Jurubank (BAs)	51.3	-15.2	37.3	-27.3
Instrumen Deposits Boleh Niaga (NIDs)	36.7	7.0	43.1	17.4
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	244.1	11.0	231.4	-5.2
Bon Khazanah	15.5	-13.4	18.8	21.3
Bil Perbendaharaan	8.4	-37.3	9.9	17.9
Bil Bank Negara	54.4	-1.4	71.5	31.4
Bon Cagamas	29.2	12.7	25.6	-12.3
Nota Cagamas	13.8	-25.0	16.1	16.7

[1] Semua data diperoleh daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon kecuali BA dan NID yang sumbernya adalah daripada broker pasaran wang.


Graf 4.20
Kadar Hasil Instrumen Pasaran Wang




telah diimbangi oleh penawaran SKM yang berterusan dalam pasaran. Bagi tempoh separuh pertama tahun 2003, terbitan bersih SKM berjumlah RM13.3 bilion.

Walau bagaimanapun, prospek yang tidak menentu ini hanyalah bersifat sementara, apabila aktiviti perniagaan mula meningkat pada separuh kedua tahun 2003. Keadaan ini mendorong peserta pasaran untuk mengambil kira faktor jangkaan iaitu kadar faedah akan bertukar arah lebih awal daripada yang dijangkakan pada masa terdekat. Prestasi korporat yang semakin baik dalam keadaan kedudukan kewangan korporat yang semakin kukuh serta pertumbuhan KDNK yang lebih baik daripada jangkaan pada suku ketiga, telah mendorong peserta pasaran mengubah kedudukan pilihan aset mereka daripada instrumen pasaran wang kepada ekuiti. Anggapan bahawa risiko pasaran wang semakin meningkat menyebabkan jumlah urus niaga merosot. Secara relatifnya, urus niaga SKM juga


Graf 4.21
Urus Niaga SKM



Graf 4.22
Bahagian Jumlah Urus Niaga: Deposit Antara Bank



Graf 4.23
Bahagian Jumlah Urus Niaga: Instrumen Pasaran Wang



merosot di antara bulan Ogos hingga November. Ini disebabkan oleh kebimbangan peserta pasaran mengenai hala tuju kadar faedah berikutan tindakan dua bank pusat (Australia dan United Kingdom) menaikkan kadar dasar masing-masing dan prospek yang lebih cerah bagi ekonomi Amerika Syarikat. Faktor-faktor ini menyumbang kepada pergerakan ke atas dalam struktur tempoh SKM, kadar hasil bagi SKM 3 tahun dan 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 94 dan 129 mata asas.


Jumlah urus niaga dalam pasaran deposit antara bank juga meningkat dengan ketara pada separuh kedua tahun 2003. Urus niaga deposit antara bank meningkat sebanyak 21.5% pada separuh kedua tahun 2003 (-3.7% bagi tempoh yang sama tahun 2002) dengan minat pasaran beralih kepada instrumen pasaran yang berjangka pendek.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Dalam pasaran pertukaran mata wang asing antara bank Kuala Lumpur, jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing antara bank (urus niaga spot dan swap) meningkat sebanyak 27% berbanding tahun 2002 hasil daripada aliran dana perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi. Kenaikan jumlah urus niaga turut mencerminkan urus niaga spot dan swap yang lebih tinggi berikutan peningkatan aktiviti oleh peserta pasaran. Peningkatan ini adalah untuk mengurus pendedahan mereka terhadap risiko pertukaran mata wang asing disebabkan ketaktentuan yang bertambah dalam pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Sebahagian besar aktiviti urus niaga pertukaran mata wang asing adalah terdiri daripada jual beli yang berkaitan dengan urus niaga dagangan. Ini adalah kerana aktiviti spekulatif ke atas ringgit telah dibendung melalui penghapusan pasaran ringgit luar pesisir dan juga melalui garis panduan yang mengawal rangka kerja operasi institusi perbankan.


Dari segi komposisi, urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur terus dikuasai oleh dolar AS berbanding ringgit. Komposisi urus niaga dolar AS berbanding ringgit

Graf 4.24
Jumlah Urus Niaga Antara Bank di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Nota: Data dari tahun 2002 dan seterusnya adalah berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru, manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan transaksi-transaksi lapan Peniaga yang Dibenarkan

Graf 4.25
Urusniaga di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur Mengikut Mata Wang



daripada jumlah urus niaga keseluruhan pada tahun 2003 meningkat kepada 81.7% daripada 80.8% pada tahun 2002. Penguasaan urus niaga dolar AS berbanding ringgit mencerminkan kepentingan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur serta penggunaan dolar AS yang tinggi dalam penyelesaian urus niaga perdagangan, perkhidmatan dan akaun modal. Satu perkembangan penting pada tahun 2003 adalah peningkatan yang ketara dalam bahagian urus niaga euro dan yen berbanding dolar AS daripada jumlah keseluruhan urus niaga. Komposisi urus niaga euro berbanding dolar AS meningkat lebih daripada sekali ganda, begitu juga urus niaga yen yang meningkat dengan ketara sebanyak 33%. Peningkatan tersebut disebabkan terutamanya oleh keperluan urus niaga dan melindung nilai yang lebih tinggi oleh peserta pasaran untuk mengurus ketaktentuan yang ketara antara mata wang Kumpulan 3 (G3) pada sepanjang tahun.

Pasaran Ekuiti

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) mengakhiri tahun 2003 dengan lebih teguh selari dengan perkembangan ekonomi yang memberangsangkan dan prospek ekonomi yang bertambah baik. Bagi keseluruhan tahun tersebut, IK BSKL mencatatkan peningkatan tahunan yang kukuh sebanyak 22.8%, sementara purata urus niaga harian melonjak sebanyak 103.3% dari segi unit dan sebanyak 58.5% dari segi nilai. Jumlah urus niaga yang meningkat disokong oleh penyertaan lebih banyak pelabur runcit dan institusi.

Prestasi BSKL pada empat bulan pertama agak lembap dengan sentimen pasaran terjejas oleh ketidakpastian prospek ekonomi global. Sentimen pasaran bertukar positif sejak bulan Mei, didorong oleh prospek ekonomi yang bertambah baik, pendapatan korporat yang meningkat dan kemajuan memberangsangkan dalam pelaksanaan penstrukturan semula korporat. Langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal juga menyediakan persekitaran yang kondusif bagi aktiviti pelaburan.

Indeks Komposit Pasaran Bursa dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) (MCI) mencatatkan prestasi yang terbaik pada tahun 2003. MCI melonjak sebanyak 82.9% (-5.5% pada akhir tahun 2002). Prestasi yang memberangsangkan ini dan peningkatan aktiviti dagangan disebabkan oleh peningkatan penyenaraian baru syarikat-syarikat kecil tetapi berpotensi tinggi untuk berkembang. Indeks Papan Kedua juga melonjak sebanyak 43.2%, ekoran minat pelabur pada syarikat-syarikat yang lebih kecil dan berpotensi


Jadual 4.26
Bursa Saham Kuala Lumpur: Penunjuk Terpilih

	2002	2003
Indeks Harga:		
Komposit	646.3	793.9
EMAS	157.3	195.6
Papan Kedua	98.2	140.6
MESDAQ	83.3	152.3
Jumlah Urus Niaga:		
Jumlah (bilion unit)	55.6	112.2
Nilai (RM bilion)	117.0	183.9
Purata Urus Niaga Harian:		
Jumlah (juta unit)	224.3	456.0
Nilai (RM juta)	471.6	747.5
Nilai Pasaran (RM bilion)	481.6	640.5
Nilai Pasaran / KDNK (%)	133.5	163.4
Jumlah Syarikat yang Disenaraikan:	865	906
Papan Utama	561	598
Papan Kedua	292	276
MESDAQ	12	32
Mudah Tunai Pasaran:		
Nilai Urus Niaga / Purata Modal Pasaran (%)	23.2	33.4
Jumlah Urus Niaga / Bilangan Sekuriti yang Disenaraikan (%)	24.3	43.4
Penumpuan Pasaran:		
10 Saham dengan Nilai Pasaran Tertinggi[1] / Modal Pasaran (%)	34.0	31.6
Purata Modal Berbayar Syarikat Broker Saham (RM juta)	164.2	170.9


[1] Berdasarkan urus niaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Graf 4.26: Prestasi Indeks Komposit BSKL (31 Disember 2002 - 30 Jun 2003)



Graf 4.27: Prestasi Indeks Komposit BSKL (1 Julai - 31 Disember 2003)



tinggi untuk meningkatkan pendapatan. Saham yang tersenarai di Papan Utama menunjukkan prestasi harga yang sederhana dalam kesemua sektor.

Pencapaian kukuh pasaran ekuiti disokong oleh prospek pendapatan yang lebih baik dan kedudukan kewangan korporat yang sihat. Bagi satu sampel 300 syarikat bukan kewangan yang berdaftar (merangkumi hampir 75% daripada jumlah modal pasaran BSKL), untung terkumpul bagi tiga suku yang pertama tahun 2003 adalah 54% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2002. Pulangan tahunan ke atas ekuiti bagi sampel ini meningkat kepada 7.3% pada suku ketiga tahun 2003, daripada 5.4% pada suku ketiga tahun 2002. Keuntungan korporat yang lebih kukuh

Jadual 4.27
BSKL: Prestasi Indeks-Indeks Sektor

	2002	2003
	Perubahan tahunan (%)	
Indeks Komposit BSKL	-7.1	22.8
EMAS	-4.8	24.4
Papan Kedua	-26.8	43.2
Indeks Komposit MESDAQ	-5.5	82.9
Perusahaan	0.1	31.3
Barangan Pengguna	0.5	28.8
Barangan Perusahaan	-2.5	23.4
Pembinaan	-14.9	24.6
Perdagangan/Perkhidmatan	-6.1	18.3
Kewangan	-4.7	33.2
Harta Benda	-9.8	38.8
Perlombongan	-5.1	74.8
Perladangan	14.7	19.3
Syariah	-7.4	23.2
Teknologi	-17.9	33.9

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur


IK BSKL mencatatkan prestasi terbaik semenjak tahun 1999. Penyertaan pelabur dalam negeri jelas meningkat setelah penyeragaman lot saham kepada 100 unit.

dicatatkan dalam kebanyakan sektor memandangkan kesan wabak SARS dan ketidakpastian geopolitik ke atas perniagaan pada separuh pertama tahun 2003 hanya mempengaruhi beberapa syarikat yang mempunyai kaitan dengan pelancongan.

Penunjuk keutuhan korporat yang lain juga memperlihatkan perkembangan yang positif. Beban hutang korporat kekal stabil dan nisbah jumlah hutang kepada ekuiti adalah 0.62 pada suku ketiga tahun 2003 (purata 0.61 di antara suku ketiga tahun 1999 dan suku ketiga tahun 2003). Keuntungan yang meningkat, berserta paras hutang yang stabil dan kadar faedah yang rendah membantu menguatkan lagi kemampuan membayar hutang sektor korporat. Nisbah perlindungan faedah, yang mengukur bilangan kali keuntungan syarikat sebelum bayaran faedah dan cukai melebihi bayaran faedah, meningkat kepada 4.7 kali pada suku ketiga tahun 2003, iaitu paras tertinggi sejak suku ketiga tahun 1999.


Didorong oleh prestasi pasaran yang lebih baik serta sentimen pelabur yang menggalakkan pada tahun 2003, sejumlah besar firma kecil memperoleh dana daripada pasaran ekuiti. Walau bagaimanapun, jumlah dana yang diperoleh adalah lebih rendah sebanyak RM7.8 bilion berbanding dengan RM13.3 bilion pada tahun 2002. Ini kerana kebanyakan tawaran awam awal adalah bersaiz kecil. Dana baru yang diperoleh adalah terutamanya melalui tawaran awam awal (51%) dan terbitan hak (29.4%).

Graf 4.28
Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur, Indeks Papan Kedua, Indeks Komposit Pasaran MESDAQ dan Urus Niaga BSKL




Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Graf 4.29
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta daripada Pasaran Modal



Graf 4.30
Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih (% perubahan dari akhir tahun 2002 ke akhir tahun 2003)



Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Sebanyak 58 syarikat baru disenaraikan, iaitu jumlah tertinggi sejak tahun 1998. Daripada jumlah ini, 16 syarikat disenaraikan di Papan Utama, 22 di Papan Kedua dan 20 di Pasaran MESDAQ. Harga bagi 52 buah syarikat baru yang tersenarai telah didagangkan pada tahap premium melebihi harga tawaran pada akhir hari pertama dagangan. Ini dipengaruhi terutamanya oleh minat pelabur yang meluas dan aktiviti dagangan yang lebih cergas. Jumlah syarikat yang tersenarai di BSKL adalah sebanyak 906 buah pada akhir tahun 2003, iaitu yang kedua terbesar di rantau Asia Timur selepas Hong Kong, tidak termasuk Jepun.

Pelonggaran dasar penyenaraian yang membenarkan penyenaraian perniagaan milik warganegara Malaysia di luar negara dan perniagaan warga asing yang beroperasi di Malaysia berhasil menyenaraikan sebuah syarikat gergasi asing di BSKL. Tawaran awam awal ini menjana dana sebanyak RM2.03 bilion, iaitu yang terbesar pada tahun 2003.

Menyedari pentingnya peranan pasaran modal dalam menjana modal bagi membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia, Kerajaan dan pihak berkuasa yang berkenaan telah memperkenalkan langkah-langkah baru bagi mempertingkatkan penyertaan dan perlindungan para pelabur, mengukuhkan mudah tunai dan kecekapan pasaran, memudahkan proses perolehan dana dan menguatkan perantaraan pasaran modal di Malaysia. (*Perincian tentang langkah-langkah ini terkandung dalam rencana "Langkah-langkah Pasaran Modal pada tahun 2003")*

Pada tahun 2003, sebanyak 58 buah syarikat disenaraikan di BSKL, jumlah tertinggi sejak tahun 1998. Prestasi pasaran yang lebih baik mendorong syarikat-syarikat kecil yang berpotensi memperoleh dana daripada pasaran ekuiti.

Sebagai sebahagian daripada pelan demutualisasi, BSKL telah bertukar menjadi sebuah syarikat milik awam terhad oleh saham daripada syarikat terhad oleh jaminan, pada 5 Januari 2004. Proses demutualisasi ini adalah sejajar dengan cadangan Pelan Induk Pasaran Modal untuk meningkatkan struktur korporat, organisasi serta urus tadbir. Walaupun tiada sebarang perubahan besar dalam urusan perniagaan, urus niaga bursa saham BSKL telah dipindahkan kepada sebuah anak syarikat milik penuh BSKL, *Malaysia Securities Exchange Berhad* (MSEB). BSKL menjadi sebuah syarikat induk setelah didemutualisasikan dan akan disenaraikan di bursa saham tersebut.

Langkah-Langkah Utama Pasaran Modal Pada Tahun 2003

Langkah-langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2003 bertujuan meningkatkan penyertaan dan perlindungan pelabur runcit, meningkatkan mudah tunai dan kecekapan pasaran, memudahkan proses penjanaan modal dan penyenaraian, serta mengukuhkan pengantaraan pasaran modal di Malaysia. Langkah-langkah utama pasaran modal adalah seperti berikut:

Meningkatkan Penyertaan Pelabur

- Berkuat kuasa 17 Mac, had **duti setem bagi kesemua sekuriti yang didagangkan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dikurangkan kepada RM200 bagi setiap kontrak** (sebelum ini dihadkan kepada RM1,000 bagi setiap kontrak).

- Pada 26 Mei, **penyeragaman saiz lot dagangan kepada 100 unit daripada 1000 unit** bagi kesemua sekuriti yang tersenarai di BSKL sempurna dilaksanakan.

Meningkatkan Kecekapan Proses Penjanaan Dana

- Sejajar dengan **pengurangan masa pemprosesan tawaran awam awal** (IPO) kepada kurang daripada tiga bulan daripada enam ke lapan bulan sebelumnya, tempoh masa ke pasaran (tempoh bermula daripada terbitan prospektus hingga hari pertama penyenaraian) dikurangkan kepada 13 hari (berbanding 25 hari sebelumnya), berkuat kuasa 1 Disember 2003.

- Bermula 12 Mac, kesemua cadangan korporat yang memerlukan **kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan diproses oleh SC sahaja.** Bagi kes yang tidak memerlukan kelulusan SC, kelulusan akan terus diproses oleh FIC.

- Pada 18 November, satu set **nota panduan mengenai pecahan saham** bagi syarikat tersenarai diperkenalkan. Antaranya, liberalisasi termasuk pemansuhan syarat-syarat pelantikan penasihat utama bagi menyerahkan cadangan dan bagi pecahan saham dalam tempoh tiga bulan.

Mengukuhkan Perlindungan Pelabur dan Urus Tadbir Korporat

- Pada 3 Jun, SC menerbitkan **"Panduan Mengenai Pematuhan dan Kawalan Dalaman bagi Syarikat Pengurusan dan Pemegang Amanah"** bagi membantu syarikat pengurusan dana dan pemegang saham melaksanakan kawalan dalaman yang berkesan dalam organisasi mereka. Panduan ini menghuraikan perkara utama mengenai pematuhan dan kawalan dalaman.

Meningkatkan Penyusunan Semula Syarikat Bermasalah

- Pada 18 Jun, SC menerbitkan satu set **kriteria bagi syarikat yang terkeluar daripada senarai rasmi untuk disenaraikan semula di BSKL.** Antaranya, kriteria tersebut membenarkan syarikat yang terkeluar daripada senarai rasmi untuk disenaraikan semula tanpa syarat-syarat tawaran kepada orang awam, dengan syarat permohonan tersebut diserahkan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh terkeluar daripada senarai rasmi.

- Pada 19 November, SC mengumumkan **pelanjutan tarikh luput selama 6 bulan bagi syarikat tersenarai yang terkurang modal untuk meningkatkan modal berbayar, sekurang-kurangnya RM60 juta bagi syarikat di Papan Utama dan RM40 juta bagi syarikat di Papan Kedua.** Tarikh luput baru adalah pada 30 Jun 2004.

Liberalisasi Dasar Penyenaraian di BSKL

- Berkuat kuasa 11 Mac, **moratorium tempoh pemegang saham bagi pihak-pihak yang berkepentingan (termasuk pemilik asal dan pihak-pihak berkepentingan syarikat tersebut) bagi keseluruhan IPO/ pengambilalihan berbalik, dikurangkan daripada empat tahun kepada setahun.**

- Pada 11 Mac, SC mengeluarkan **garis panduan baru untuk memudahkan proses penyenaraian bagi syarikat-syarikat besar.** Garis panduan baru ini mengecualikan syarikat-syarikat utama (dengan modal pasaran minimum sebanyak RM250 juta dan keuntungan selepas cukai sekurang-kurangnya RM8 juta untuk tahun kewangan terkini) daripada syarat tiga hingga lima tahun rekod keuntungan.

- Pada 19 September, SC mengumumkan liberalisasi mengenai Garis Panduan Penerbitan/Penawaran Sekuriti untuk memperluaskan bidang penyenaraian pasaran ekuiti di Malaysia. Dasar penyenaraian yang disemak **membenarkan perniagaan rakyat Malaysia di luar negara dan syarikat korporat asing yang beroperasi di Malaysia untuk disenaraikan di BSKL.** Syarikat-syarikat tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia untuk menggunakan hasil daripada terbitan/penawaran sekuriti tersebut.

- **Pindaan garis panduan belian semula saham** dilaksanakan bagi memudahkan syarikat menjalankan aktiviti pembelian semula saham. Berkuat kuasa daripada 7 Oktober, syarikat tersenarai dibenarkan melantik sehingga dua syarikat broker saham bagi tujuan pembelian saham syarikat atau penjualan semula saham perbendaharaan di bursa saham.

Memperkukuhkan Peranan Perantara

- Berkuat kuasa 9 Jun, SC melaksanakan **struktur kadar komisen minimum.** Kadar komisen minimum hanya tertakluk kepada dagangan runcit, sementara kadar dagangan bagi institusi dan dagangan antara broker kekal boleh dirunding. Struktur kadar minimum yang diumumkan adalah seperti yang berikut:

Kategori dagangan	Kadar minimum kontrak
Dagangan antara broker dan institusi	Boleh dirunding sepenuhnya
Dagangan runcit bernilai melebihi RM100,000	0.30%
Dagangan runcit bernilai sehingga RM100,000	0.60%
Urus niaga E-broker	Diskaun sehingga 30%

- Pada 20 November, SC menyemak **rangka kerja Syarat Kecukupan Modal (CAR) bagi syarikat broker saham.** Peningkatan ini bertujuan bagi memudahkan penjanaan model perniagaan dalam industri broker saham dan membolehkan syarikat broker saham menggunakan modal dengan lebih berkesan.

- Pada 10 Disember, SC memperkenalkan **Garis Panduan mengenai Produk Berstruktur.** Ini bertujuan membantu broker universal, bank saudagar, bank perdagangan, termasuk bank Islam, dan Badan Tujuan Khas yang dijamin prestasinya untuk menerbitkan "produk berstruktur" bagi memenuhi kehendak pasaran modal yang semakin canggih di Malaysia.

Kelonggaran Tambahan terhadap Perolehan Sekuriti Hutang Swasta

- Pada 1 Ogos, SC meliberalisasi syarat-syarat penggunaan hasil sekuriti hutang swasta (PDS), serta membenarkan dana tersebut digunakan untuk membiayai pembangunan pasar raya besar. Sebelum ini "pembinaan pasar raya besar" berada di bawah definisi "pembinaan kompleks membeli-belah" yang sebelum ini tidak dibenarkan dibiayai melalui hasil sekuriti hutang swasta.


Meningkatkan Kemahiran dan Profesionalisme

- Pada 1 April, SC melancarkan **Skim Latihan Pasaran Modal Lepasan Ijazah** yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah lepasan ijazah yang mempunyai kemahiran berkenaan pasaran modal.

Pasaran Bon

Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran bon ringgit adalah ketara lebih tinggi pada tahun 2003. Jumlah terbitan kasar meningkat 74.8% disebabkan oleh peningkatan terbitan daripada sektor awam dan sektor swasta. Selepas mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran bon berjumlah RM42.5 bilion (RM10.6 bilion pada tahun 2002). Hasilnya, nilai terkumpul bon ringgit meningkat sebanyak 16.7% kepada RM319.4 bilion, iaitu bersamaan 81.5% daripada KDNK. Dengan peminjam-peminjam korporat meningkatkan terbitan bersih pada tahun ini, nilai terkumpul sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat sebanyak 14.4% kepada RM170.2 bilion atau bersamaan dengan 43.4%


Graf 4.32
Nisbah Nilai Terkumpul Bon kepada KDNK



Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran bon ringgit adalah ketara lebih tinggi pada tahun 2003. Persekitaran kadar faedah yang rendah dan situasi mudah tunai yang mencukupi merupakan faktor utama mempengaruhi pertumbuhan pasaran hutang sekuriti swasta (PDS) pada tahun 2003.

daripada KDNK. Ini mencakupi 53.3% daripada jumlah nilai bon terkumpul. Persekitaran kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang mencukupi adalah faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan PDS pada tahun 2003. Syarikat-syarikat, terutamanya yang mempunyai profil kredit yang kukuh mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang rendah dengan menerbitkan sekuriti hutang jangka panjang pada kos yang kompetitif. Keadaan pasaran yang baik, terutamanya pada separuh pertama tahun 2003 juga mendorong syarikat membiayai semula hutang yang sedia ada melalui terbitan PDS.

Graf 4.31
Nilai Terkumpul Bon



Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) adalah ketara dengan Kerajaan memperoleh sebahagian besar keperluan pembiayaan daripada pasaran dalam negeri. Situasi lebihan mudah tunai membolehkan Kerajaan Persekutuan berbuat demikian tanpa menghalang akses pembiayaan sektor swasta. Kerajaan Persekutuan melakukan dua belas terbitan SKM, dengan jumlah kutipan kasar sebanyak RM41.3 bilion. Seterusnya, saiz Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) telah diperbesar secara beransur-ansur untuk memenuhi permintaan pasaran yang meningkat terhadap instrumen Islam seperti ini. Dengan mengambil kira terbitan bersih bon Khazanah, jumlah nilai terkumpul bon sektor awam meningkat kepada RM149.3 bilion, atau bersamaan 38.1% daripada KDNK.

Pasaran bon pada tahun 2003 dapat dibezakan kepada dua tempoh perkembangan yang ketara. Persekitaran pasaran bon yang memberangsangkan pada permulaan tahun telah menyediakan asas pasaran yang baik kepada penerbit dan pelabur pada separuh tahun pertama. Kadar hasil bon menurun berikutan kebimbangan mengenai impak kurang baik daripada ketidaktentuan risiko geopolitik ke atas tinjauan ekonomi global. Penularan wabak SARS meningkatkan lagi jangkaan pasaran bahawa kadar faedah akan terus kekal rendah. Permintaan yang tinggi terhadap bon jangka panjang dan berhasilan tinggi menyebabkan penurunan kadar hasil SKM 10 tahun sebanyak 53 mata asas,

Jadual 4.28
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon

	2002	2003*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	16,266	41,262
Tolak Penebusan	8,900	18,600
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	7,366	22,662
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	738	1,729
Bon Khazanah (bersih)	0	346
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	464	-9
Dana Bersih yang Diperoleh	**8,568**	**24,729**
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti Hutang Swasta (kasar)	36,195	50,975
Bon Biasa	7,763	27,983
Bon dengan Waran	300	0
Bon Boleh Tukar	2,852	3,177
Bon berasaskan Prinsip Islam	13,829	8,143
Sekuriti yang Disokong Aset	1,916	3,487
Bon Cagamas	9,535	8,185
Tolak Penebusan	34,137	33,189
Sekuriti Hutang Swasta	28,770	28,037
Bon Cagamas	5,367	5,152
Dana Bersih yang Diperoleh	**2,058**	**17,786**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon	**10,626**	**42,515**
Sekuriti Hutang Swasta, tidak termasuk Cagamas (kasar)	*26,660*	*42,790*
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon, tidak termasuk Cagamas	*-2,110*	*14,753*
Terbitan Bersih Sekuriti Jangka Pendek, Kertas Perdagangan / Nota Jangka Pertengahan[1]	-880	3,753
Jumlah	**9,746**	**46,268**


[1] Merujuk kepada Nota Cagamas, Kertas Perdagangan, Nota Jangka Pertengahan.
a Awalan

seterusnya menyebabkan tebaran kadar hasil PDS mengecil. Dengan penurunan kadar hasil dan permintaan yang tinggi terhadap sekuriti hutang, syarikat meningkatkan terbitan bon pada masa ini. Hasilnya, kebanyakan bon korporat (65.8%) diterbitkan pada separuh tahun pertama, dengan sebahagian besar perolehan digunakan untuk tujuan pembiayaan semula.


Walau bagaimanapun, kadar hasil bon, berubah haluan dengan trend yang meningkat pada separuh tahun kedua. Kebimbangan terhadap risiko geopolitik dan penyebaran wabak SARS tidak berlanjutan. Jangkaan pelabur terhadap kadar faedah meningkat berikutan tanda-tanda pengukuhan pertumbuhan ekonomi. Lantaran itu, pelabur-pelabur mengurangkan pegangan bon. Peningkatan kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS juga mempengaruhi kadar hasil bon dalam negeri. Peruntukan aset berpindah ke pasaran ekuiti berikutan peningkatan sentimen dalam pasaran ekuiti. Hasilnya, aktiviti urus niaga menjadi lengang dengan urus niaga berkurangan sebanyak 47.2%, berbanding separuh tahun pertama. Akibat peningkatan kadar hasil yang ketara, aktiviti perolehan dana melalui pasaran PDS menjadi lemah pada suku ketiga 2003, berikutan beberapa penangguhan terbitan korporat.

Namun demikian, permintaan yang lemah ke atas bon dan penurunan terbitan hanyalah sementara. Kadar hasil bon menjadi stabil pada bulan Disember berikutan aktiviti mengimbang semula portfolio dan minat pembelian yang tinggi ke atas kertas yang berkualiti. Peningkatan semula terbitan pada bulan Disember disebabkan sebahagiannya oleh terbitan korporat yang telah ditangguhkan pada masa lalu.

Graf 4.33
Arah Aliran bagi Kadar Hasil SKM



Graf 4.34
Perbezaan Kadar Hasil untuk PDS 3 tahun berbanding SKM 3 tahun



Jadual 4.29
Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Sektor

Sektor	2002		2003*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	971.9	3.6	993.1	2.3
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkilangan	1,776.8	6.7	9,072.4	21.2
Pembinaan	2,174.1	8.2	6,049.7	14.1
Elektrik, gas dan bekalan air	1,349.0	5.1	3,410.5	8.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9,099.5	34.1	8,603.8	20.1
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	5,513.8	20.7	8,372.8	19.6
Kerajaan dan lain-lain	4,644.5	17.4	6,288.1	14.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,130.8	4.2	0.0	0.0
Jumlah	**26,660.3**	**100.0**	**42,790.4**	**100.0**


a Awalan

Persekitaran kadar faedah yang rendah adalah faktor utama yang mempengaruhi keputusan pembiayaan sektor korporat sepanjang tahun ini. Ini dicerminkan oleh penerbitan bon untuk pembiayaan semula yang lebih tinggi (44.3% daripada jumlah terbitan). Penerbit-penerbit adalah daripada sektor pengangkutan, infrastruktur, utiliti dan pembinaan. Sebahagian besar dana untuk penstrukturan semula diperoleh oleh sebuah konglomerat yang terlibat dalam sektor perkilangan. Sepanjang tahun ini, jumlah dana diperoleh bagi tujuan penyatuan dan pengambilalihan mencakupi sebanyak 13.3% daripada jumlah keseluruhan, dan diperoleh terutamanya oleh syarikat daripada sektor utiliti dan telekomunikasi. Sementara itu, dana yang diperoleh untuk aktiviti baru adalah lebih rendah dan disalur terutamanya ke projek infrastruktur berkaitan dengan utiliti dan sektor pembinaan sementara jumlah yang lebih kecil disalurkan ke sektor pembinaan. Syarikat pembinaan dan syarikat harta tanah menggunakan perolehan dana untuk tujuan pemerolehan tanah, pembiayaan semula dan penggunaan modal kerja.


Sepanjang tahun ini, sebahagian besar terbitan baru (52% daripada jumlah nilai) adalah sekuriti bertempoh matang antara lima hingga sepuluh tahun, mencerminkan kecenderungan pelabur terhadap PDS jangka sederhana. Secara purata, saiz terbitan PDS bagi setiap penerbit meningkat kepada RM602.5 juta pada tahun 2003 daripada RM494.7 juta bagi setiap penerbit pada tahun 2002. Namun demikian, profil matang pasaran bon terus meningkat dengan tempoh matang yang paling lama mencapai 28 tahun, berbanding dengan 26 tahun yang dicatat pada tahun 2002.

Dari segi jenis instrumen, bon biasa merupakan jenis sekuriti hutang yang paling digemari, mencakupi 50.4% daripada jumlah terbitan bon. Sementara itu, peningkatan sentimen pasaran ekuiti menyebabkan terbitan bon boleh ubah yang lebih tinggi. Pada tahun kebelakanga n ini, kertas perdagangan/nota jangka sederhana mendapat keutamaaan, khasnya bagi tujuan pembiayaan keperluan modal kerja. Instrumen ini memberi fleksibiliti kepada penerbit


Graf 4.35
Penggunaan Dana yang Diperoleh



Graf 4.36
Terbitan PDS mengikut Tempoh Matang



Graf 4.37
Terbitan PDS Mengikut Jenis Instrumen




untuk mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang rendah. Penerbit menerbitkan kertas perdagangan untuk jangka pendek sementara menunggu peluang untuk menerbitkan bon jangka sederhana pada kadar yang menggalakkan sebelum arah aliran kadar hasil meningkat.

Pelbagai sekuriti yang disokong oleh *Asset Backed Securities* (ABS) diterbitkan sepanjang tahun ini, termasuk ABS yang disokong oleh penerimaan sewa beli, pinjaman dan terbitan inovatif ABS berasaskan prinsip Islam yang disokong oleh aset pajakan. Terdapat sejumlah sepuluh ABS (termasuk satu kertas perdagangan ABS) bernilai RM7 bilion, semenjak terbitan pertama ABS pada tahun 2001. Pasaran ABS dijangka terus berkembang, berikutan insentif cukai yang diumumkan dalam Bajet 2004.


Sungguhpun persekitaran operasi lebih mencabar dengan terdapat lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan, Cagamas Berhad mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit yang aktif. Pada tahun 2003, Cagamas menerbitkan 33 terbitan sekuriti hutang bernilai RM17.9 bilion (termasuk 15 nota jangka pendek Cagamas bernilai RM9.7 bilion). Kebanyakan bon dan nota Cagamas diterbitkan pada separuh kedua tahun 2003, disebabkan oleh peningkatan kadar hasil yang mendorong institusi kewangan lebih aktif melindung nilai portfolio melalui penjualan pinjaman dan hutang kepada Cagamas. Dengan mengambil kira sentimen pasaran yang kurang baik pada separuh tahun kedua, Cagamas menjarakkan terbitan secara berhati-hati untuk memastikan perkembangan pasaran yang teratur. Permintaan pelabur terhadap bon Cagamas sepanjang tahun adalah kukuh, seperti yang dibuktikan oleh kadar lebihan langganan purata berwajaran iaitu masing-masing sebanyak 1.83 kali dan 2.38 kali bagi nota Cagamas dan bon Cagamas.

Jumlah aktiviti urus niaga dalam pasaran bon ringgit meningkat sebanyak 11.6% kepada RM436.8 bilion, dengan aktiviti yang lebih tinggi pada separuh tahun pertama. Pada separuh tahun kedua, aktiviti urus niaga tertumpu pada kertas berjangka pendek, disebabkan oleh risiko premium yang lebih tinggi dan ketaktentuan harga kertas jangka panjang. SKM merupakan kertas yang paling aktif diurusniagakan, mencakupi sebanyak 53% daripada jumlah aktiviti urus niaga dan nisbah mudah tunai sebanyak 1.89 kali nilai terkumpulnya. Permintaan terhadap bon korporat meningkat, dan mencakupi sebanyak 22.6% daripada jumlah aktiviti urus niaga,


Graf 4.38
Sekuriti yang disokong Aset: Jenis-Jenis Aset (2001-2003)



Graf 4.39
Nilai Urus Niaga Bulanan




Graf 4.40
Urus Niaga Terpilih Sekuriti Hutang (Jan-Dis 2003)



berbanding 14% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, mudah tunai bagi pasaran bon korporat kekal rendah, dengan nisbah mudah tunai sebanyak 0.81 kali, dan aktiviti urus niaga tertumpu pada bon yang mempunyai penarafan yang tinggi dan mutu kredit yang baik.

Profil penarafan sekuriti hutang jangka panjang kekal baik. *Rating Agency Malaysia* (RAM) dan *Malaysia Rating Corporation Berhad* (MARC) menyempurnakan 116 penarafan baru, dengan jumlah nilai kasar sebanyak RM41.9 bilion. Dari segi profil penarafan, terbitan-terbitan terutamanya ditaburkan dalam kategori AAA, AA dan A, dengan tumpuan terbesar dalam kategori satu A. Sepanjang tahun 2003, RAM dan MARC melakukan 204 penarafan semula ke atas sekuriti hutang jangka panjang yang sedia ada. Daripada jumlah penarafan

Graf 4.41
Pengagihan Penarafan Sekuriti Hutang Swasta (Pada akhir Disember 2003)



Sumber: RAM dan MARC

Jadual 4.30
Tebaran Utama Berbanding Tanda Aras Perbendaharaan AS

	Dis-02	Mac-03	Jun-03	Sep-03	Dis-03
MALAYSIA 09	183	180	123	101	85
MALAYSIA 11	145	150	83	70	36
CHINA 11	61	65	29	28	29
INDONESIA 06	348	288	284	173	185
KOREA 08	110	162	84	69	45
PHILIPPINES 10	478	500	382	343	353
THAILAND 07	108	90	53	18	5
PETRONAS 06	204	198	145	126	117

Sumber: Bloomberg

semula yang dilakukan, 161 merupakan pengesahan/ pengesahan semula, 10 terbitan merupakan peningkatan penarafan dan 18 merupakan penurunan taraf. Angka penurunan taraf yang lebih tinggi ini disebabkan sebahagiannya oleh syarikat-syarikat berkaitan dengan sektor pelancongan. Kedudukan kewangan syarikat-syarikat ini terjejas akibat penyebaran wabak SARS.


Di peringkat antarabangsa, sentimen pasaran bagi bon kedaulatan mata wang asing Malaysia dan bon korporat kekal positif disebabkan oleh jangkaan peningkatan penarafan kedaulatan berikutan pengukuhan asas-asas ekonomi. Tebaran bagi bon berdaulat Malaysia mengecil dengan ketara sepanjang tahun ini. Terbitan pertama bon global Sukuk yang disenaraikan di Bursa Saham Luxembourg dan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan pada bulan Julai 2002, juga disenaraikan di Bursa Saham Bahrain pada 24 September 2003. Penyenaraian ini membantu meningkatkan profil Malaysia kepada pelabur Asia Barat.

Sejajar dengan usaha membangunkan pasaran bon, beberapa usaha telah dilakukan pada tahun 2003 untuk memberi fleksibiliti kepada syarikat insurans dalam pelaburan sekuriti hutang, dan juga memberi lebih banyak produk pengurusan risiko. Pada bulan November, Bank Negara Malaysia meningkatkan had pelaburan syarikat insurans dalam kemudahan kredit terjamin dan tidak terjamin, termasuk PDS. Seterusnya, Bursa Derivatif Malaysia memperkenalkan dua produk baru, iaitu kontrak hadapan SKM 3 tahun dan SKM 10 tahun. Produk-produk ini akan menambahkan lagi instrumen lindung nilai dalam pasaran kewangan dalam negeri.

Pasaran Bursa Dagangan Derivatif

Pada tahun 2003, kesemua produk derivatif di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) mencatat urus niaga yang lebih tinggi, kecuali urus niaga di Opsyen Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Jumlah urus niaga

Graf 4.42
MDEX: Jumlah Dagangan Bulanan dan Kedudukan Terbuka pada Akhir Bulan




Sumber: Bursa Derivatif Malaysia

meningkat dengan ketara sebanyak 55.3%, mencapai lebih daripada dua juta kontrak. Berikutan pelancaran dua produk baru, iaitu Kontrak Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun dan 10 tahun, yang meningkatkan peluang pengurusan risiko bagi para pelabur, MDEX kini menawarkan tujuh produk derivatif.

Seperti tahun lepas, pasaran Hadapan Minyak Sawit Mentah sekali lagi mencatat prestasi terbaik di MDEX pada tahun 2003. Sepanjang tahun ini, julat harga kontrak hadapan minyak sawit mentah 3 bulan (penanda aras bagi harga kontrak hadapan) melebar kepada RM622 (2002: RM587) dengan harga dagangan harian tertinggi pada RM1,865 setiap tan dicatat pada 9 Disember.

Harga hadapan Minyak Sawit Mentah membuka tirai pada tahun ini di paras yang kukuh, dengan purata harga bulanan sekitar RM1,600-RM1,635 setiap tan, sebelum menurun pada bulan-bulan berikutnya dengan purata sekitar RM1,300-RM 1,480 setiap tan. Pada suku terakhir tahun

Graf 4.43
Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah



ini, harga minyak sawit mentah kembali kukuh, seterusnya mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh empat tahun dengan purata antara RM1,660 – RM 1,790 setiap tan. Prestasi harga yang kukuh pada tahun 2003 mencerminkan ketidakseimbangan pasaran minyak sayuran dan lelemak sedunia, disebabkan pengeluaran bijirin-bijirin utama, terutamanya kacang soya, sesawi dan bunga matahari yang hanya meningkat sedikit, manakala permintaan daripada pengguna utama minyak sayuran, seperti Republik Rakyat China dan India, meningkat dengan ketara sepanjang tahun. Import yang lebih tinggi dari negara-negara tersebut didorong oleh permintaan yang lebih kukuh di samping kesan penggantian memandangkan harga minyak sawit lebih murah berbanding harga minyak kacang soya.

Aktiviti dagangan Kontrak Hadapan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) meningkat dengan ketara pada tahun 2003. Nisbah Mudah Tunai Derivatif (DLR), yang mewakili nisbah antara nilai urus niaga kontrak hadapan berbanding nilai urus niaga komponen saham yang mendasari IK BSKL meningkat dengan ketara sebanyak 40.3% pada tahun 2003. Pengubahsuaian saiz kontrak daripada RM100 kepada RM50 dan peningkatan saiz tik bagi harga produk tersebut berkesan menurunkan syarat-syarat margin dan kos dagangan. Ini menggalakkan lebih banyak penyertaan bagi pasaran tersebut. Aktiviti dagangan oleh pelabur-pelabur dalam negeri dan institusi asing mencakupi 76% daripada jumlah dagangan.

Jumlah urus niaga Kontrak Hadapan 3 bulan KLIBOR meningkat dengan ketara berikutan kejatuhan mendadak harga-harga bon dan jangkaan mengenai kenaikan kadar faedah. Urus niaga yang tinggi, terutamanya pada separuh tahun kedua, mencerminkan peralihan kecenderungan pasaran daripada pasaran bon kepada instrumen pasaran wang jangka pendek dan instrumen pasaran antara bank. Sementara itu, jumlah urus niaga Kontrak Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) 5 tahun mencatatkan peningkatan sebanyak 32.2% berikutan jangkaan terhadap arah tuju kadar faedah sejagat. Sentimen pasaran bertukar menjadi lebih berwaspada pada separuh kedua tahun 2003. Institusi dalam negeri kekal sebagai pelabur utama di pasaran niaga hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pasaran Niaga Hadapan 3 bulan KLIBOR.

Jadual 4.31
Prestasi Produk MDEX

Produk	Urus Niaga						Bahagian daripada jumlah urus niaga MDEX (%)		Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi
	2002			2003					
	Bilangan lot	Perubahan tahunan (%)	Purata urus niaga harian	Bilangan lot	Perubahan tahunan (%)	Purata urus niaga harian	2002	2003	
Kontrak Hadapan Minyak Sawit Mentah	909,073	89.5	3,666	1,429,959	57.3	5,813	70.6	71.5	• Harga Kontrak Hadapan Minyak Sawit Mentah yang kukuh. • Pentas dagangan yang lebih baik setelah bertukar kepada sistem berasaskan elektronik pada tahun 2002.
Kontrak Hadapan IK BSKL *Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)*	233,863 *1,346*	-18.7	943	331,218 *8,993*	41.6	1,346	18.2	16.6	• Urus niaga meningkat setelah perlaksanaan langkah-langkah pengurangan kos.
Opsyen IK BSKL	1	-99.8	…	0	…	0	…	…	• Kurang mudah tunai dan pengetahuan oleh para peserta.
Kontrak Hadapan 3 bulan KLIBOR *Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)*	64,307 *21,114*	17.1	259	119,659 *18,977*	86.1	486	5.0	6.0	• Urus niaga yang lebih tinggi terutamanya pada separuh tahun kedua 2003, mencerminkan peralihan kecenderungan pasaran daripada pasaran bon kepada pasaran instrumen wang jangka pendek dan antara bank.
Kontrak Hadapan SKM 3 tahun	t.d	t.d	t.d	781	-	3	t.d	…	• Diperkenalkan pada bulan September 2003.
Kontrak Hadapan SKM 5 tahun *Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)*	80,419 *4,860*	t.d	324	118,635 *127*	32.2	482	6.2	5.9	• Pasaran bon dan pasaran kontrak hadapan bon mengalami pembetulan pada bulan Julai 2003 berikutan jangkaan arah tuju kadar faedah global.
Kontrak Hadapan SKM 10 tahun	t.d	t.d	t.d	11	-	…	t.d	…	• Diperkenalkan pada bulan September 2003.

t.d. Tidak diperolehi.

Sumber: Bursa Derivatif Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Perkembangan pada tahun 2003

Pada bulan November 2003, Akta Sistem Pembayaran telah diluluskan oleh Parlimen dan ianya merupakan suatu pencapaian yang bermakna buat Bank Negara Malaysia. Akta tersebut menggariskan rangka kerja penyeliaan yang komprehensif dalam mentadbir dan menangani perubahan dalam sistem pembayaran. Objektif utama Bank Negara Malaysia ialah untuk memastikan bahawa sistem pembayaran yang penting dijalankan dengan cekap dan selamat serta menjamin keyakinan berterusan masyarakat terhadap penggunaan instrumen pembayaran. Tidak ketinggalan juga kemajuan teknologi membolehkan penggunaan kad berasaskan cip yang lebih selamat digunakan sebagai cara pembayaran.

Sepanjang tahun 2003, institusi perbankan dalam negeri telah menggantikan kad ATM jalur magnetik dengan Bankcard yang berasaskan cip. Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2003, semua transaksi ATM dijalankan melalui Bankcard. Kad tersebut mempunyai tiga fungsi utama iaitu berfungsi sebagai kad ATM, e-debit serta wang tunai elektronik MEPS Cash. Bank-bank asing yang diperbadankan dijangka akan menggantikan kad ATM jalur magnetik kepada Bankcard pada bulan Mac 2004. Keberkesanan penggunaan Bankcard dibuktikan melalui tiadanya laporan kes penipuan melalui pengklonan Bankcard.

Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah jangka panjang untuk menangani masalah penipuan secara pengklonan kad kredit. Langkah tersebut adalah dalam bentuk menggantikan kad kredit jalur magnetik dengan cip berasaskan piawaian *Europay-Mastercard-Visa* (EMV). Industri perbankan telah menerima baik langkah tersebut dan menetapkan bahawa kad kredit jalur magnetik harus digantikan sepenuhnya pada akhir tahun 2004. Sementara itu, terminal kad kredit akan semuanya dinaik taraf untuk menerima transaksi kad kredit EMV pada akhir tahun 2005. Pada akhir tahun 2003, sebanyak 243,000 kad kredit EMV telahpun dikeluarkan dan 18,000 terminal kad boleh menerima transaksi kad kredit EMV.

cekap dan efektif supaya pelanggan-pelanggan mereka dapat dan mudah menggunakannya;

(ii) Insentif yang strategik seperti harga yang berpatutan harus diadakan untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan infrastruktur elektronik dan menjadikan pembayaran secara elektronik diterima dengan meluas; dan

(iii) Institusi kewangan memainkan peranan mewujudkan kesedaran pengguna terhadap opsyen-opsyen pembayaran elektronik dan seterusnya menggalakkan masyarakat menggunakan pembayaran elektronik dan instrumen sebagai satu saluran pembayaran utama.

Objektif utama Bank Negara Malaysia ialah untuk memastikan bahawa sistem pembayaran yang penting dijalankan dengan cekap dan selamat serta menjamin keyakinan berterusan masyarakat terhadap penggunaan instrumen pembayaran.

Kemajuan pesat teknologi bukan sahaja mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan dalam sistem pembayaran dan instrumen pembayaran, tetapi juga membantu mempertingkatkan kecekapan cara pembayaran berbanding dengan instrumen pembayaran seperti cek. Pemindahan dana secara elektronik adalah lebih cekap, cepat dan selamat serta menjamin ketepatan dan kemuktamadan pembayaran. *Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd.* telah memajukan beberapa sistem pembayaran elektronik, antaranya adalah membangunkan sebuah Sistem Bursa Pemprosesan Kewangan yang dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2004. Sistem Bursa Pemprosesan Kewangan akan membolehkan pengguna membuat pembayaran secara terus dengan menggunakan pelantar pembayaran pelbagai bank.

Bank Negara Malaysia menggalakkan penggunaan pembayaran secara elektronik kerana kelebihannya berbanding pembayaran berasaskan kertas. Pada bulan Disember 2003, Bank Negara Malaysia telah mengadakan runding nasihat dengan Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan dan diikuti pula dengan institusi-institusi kewangan berhubung penggalakan penggunaan bayaran secara elektronik. Tiga perkara dasar utama telah dicadangkan untuk dipertimbangkan oleh industri perbankan. Antaranya adalah:

(i) Institusi perbankan patut menyediakan kemudahan cara pembayaran elektronik yang

Profil Pembayaran Secara Umum di Malaysia

Jika dibandingkan dengan instrumen pembayaran yang lain, cek masih kekal digunakan sebagai instrumen pembayaran yang paling popular. Berikut adalah pecahan peratus bagi jumlah dan nilai transaksi instrumen pembayaran bukan tunai bagi tahun berakhir 2003 seperti di Jadual 4.32.

Industri perbankan telah membuat pelaburan yang besar dalam meningkatkan infrastruktur pembayaran elektronik tetapi pembayaran melalui cek masih mendominasi nilai pembayaran bukan tunai sebanyak 96.7%. Walaupun nilai transaksi dompet elektronik sangat kecil, jumlah transaksi merupakan 36.4% daripada jumlah pembayaran bukan tunai untuk tahun 2003. Sementara itu, bayaran tol melalui kad *Touch 'n Go* mendominasi transaksi dompet elektronik di Malaysia.

Jadual 4.32
Pembayaran Bukan Tunai di Malaysia

	Nilai (%)	Bilangan (%)
Cek	96.67	34.04
Kad kredit	2.48	27.68
Pemindahan kredit (Giro)	0.63	0.24
Kad caj	0.16	1.42
Dompet elektronik - Pembayaran tol	0.05	36.40
- Runcit	0.00	0.00
Kad debit	0.01	0.22

Akta Sistem Pembayaran 2003

Pengenalan

Akta Sistem Pembayaran 2003 telah diwartakan pada 7 Ogos 2003 dan berkuat kuasa mulai 1 November 2003. Pengenalan Akta ini adalah sejajar dengan saranan di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan yang mencadangkan pengenalan satu rangka kerja pengawalseliaan sistem pembayaran yang fleksibel, proaktif dan efektif bagi meningkatkan kecekapan sistem pembayaran. Pengenalan Akta tersebut menggambarkan kepentingan sistem pembayaran dalam aktiviti ekonomi negara dan mengiktiraf Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa tunggal yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan sistem pembayaran di negara ini. Sistem pembayaran yang cekap dan berfungsi dengan baik akan membantu ke arah pencapaian kecekapan sosial dan ekonomi. Ia juga penting kepada pasaran kewangan dan kestabilan sistem kewangan. Perjalanan operasi sistem pembayaran yang lancar penting kepada Bank Negara Malaysia dalam melaksanakan dasar monetari dengan berkesan.

Objektif pengenalan Akta Sistem Pembayaran 2003 adalah untuk memastikan keselamatan dan kecekapan infrastruktur pembayaran serta memelihara kepentingan awam. Akta tersebut menyediakan rangka kerja perundangan bagi memastikan keyakinan sistem kewangan dan orang ramai terhadap sistem pembayaran tidak tergugat. Akta berkenaan menyediakan kuasa perundangan yang memberi kuasa lebih menyeluruh kepada Bank Negara Malaysia dalam mengawal selia sistem pembayaran dengan efektif. Institusi perbankan dan bukan bank yang menawarkan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran adalah tertakluk kepada Akta ini.

Rangka Kerja pengawalseliaan baru sistem pembayaran

Akta Sistem Pembayaran 2003 telah dirangka bagi menyediakan satu rangka kerja pengawalseliaan sistem pembayaran yang seimbang sejajar dengan objektif Bank Negara Malaysia dan bagi menggalakkan inovasi pasaran dalam sistem pembayaran. Akta ini menggariskan dua rejim pengawalseliaan yang berlainan bagi pengendali sistem pembayaran dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan.

Pengawalseliaan ke atas pengendali sistem pembayaran

Akta baru ini mendefinisikan sistem pembayaran sebagai "sebarang sistem atau perkiraan bagi pemindahan, penjelasan atau penyelesaian dana atau sekuriti". Walau bagaimanapun, beberapa jenis perkiraan termasuk rumah penjelasan yang diiktiraf di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 tidak termasuk dalam definisi sistem pembayaran. Pengendali sesuatu sistem pembayaran perlu mengemukakan dokumen dan mendapat pemberitahuan daripada Bank Negara Malaysia. Dokumen-dokumen dan maklumat ini penting untuk mewujudkan satu mekanisme penyeliaan dan pemantauan terhadap perkembangan sistem pembayaran bagi pembentukan dasar yang sesuai sekiranya diperlukan. Bank Negara Malaysia juga diberi kuasa untuk menghalang operasi sebarang sistem pembayaran sekiranya perlu demi memelihara kepentingan orang awam atau sekiranya operasi sistem tersebut boleh menggugat kebolehpercayaan, keselamatan, kecekapan dan kelancaran operasi sistem pembayaran di negara ini.

Di bawah Akta ini, Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk menetapkan sesuatu sistem pembayaran sebagai satu sistem pembayaran yang ditetapkan ["*Designated Payment System*" (DPS)] sekiranya sistem berkenaan boleh menyebabkan risiko sistemik atau penetapan tersebut perlu dibuat bagi melindungi kepentingan orang awam. Hanya orang yang layak sahaja (*fit and proper*) boleh menerima perlantikan sebagai ahli lembaga pengarah atau ketua pegawai eksekutif sesebuah organisasi yang mengendalikan DPS. Operasi DPS adalah tertakluk kepada pengawalseliaan yang ketat oleh Bank Negara Malaysia termasuk keperluan untuk mewujudkan urus tadbir korporat yang baik. Di samping itu, pengendali DPS juga perlu mewujudkan perkiraan operasi yang mencukupi bagi memastikan bahawa operasi sistem ini berjalan lancar. Ini meliputi keperluan untuk mengadakan kaedah dan tatacara yang sesuai mengenai

penentuan hak dan liabiliti di kalangan pihak-pihak terlibat. Ini termasuk risiko kewangan yang mungkin akan dialami oleh mereka, tatacara pengurusan risiko kredit dan kecairan serta kaedah untuk memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan operasi sistem DPS berkenaan.

Bagi memastikan bahawa sistem DPS dapat beroperasi dengan efektif, semua arahan pembayaran dan penyelesaian yang dilaksanakan menerusi DPS perlu dikira sebagai muktamad dan tidak boleh dibatalkan. Sehubungan ini, Akta Sistem Pembayaran 2003 memperuntukkan bahawa arahan pembayaran atau penyelesaian yang dihantar menerusi sistem DPS dikira sebagai muktamad dan tidak boleh ditarik balik dari masa ianya memasuki sistem DPS berkenaan. Dalam hal ini, pengendali sistem DPS perlu mewujudkan peraturan yang menentukan masa sesuatu arahan pembayaran atau penyelesaian itu dikira sebagai muktamad.

Memandangkan sistem DPS mungkin menggunakan kaedah perkiraan penghasilan bersih (*netting*) bagi mengurangkan risiko penyelesaian, Akta ini memberi pengiktirafan perundangan ke atas mana-mana pengaturan perkiraan penghasilan bersih yang digunakan oleh DPS. Ini bagi mengelakkan sebarang ketidaktentuan terhadap pengaturan perkiraan penghasilan bersih berkenaan. Akta Sistem Pembayaran 2003 juga memperuntukkan bahawa pengaturan perkiraan penghasilan bersih yang digunakan oleh peserta DPS dan juga arahan muktamad pembayaran dan penyelesaian akan mengatasi peruntukan-peruntukan perundangan berkaitan dengan ketaksolvenan.

Pengawalseliaan ke atas pengendali sistem pembayaran

Akta ini memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menetapkan sesuatu instrumen pembayaran sebagai instrumen pembayaran yang ditetapkan ["*Designate Payment Instrument*" (DPI)]. DPI merupakan instrumen yang boleh digunakan secara meluas ataupun yang perlu dikawal selia bagi memelihara kepentingan awam. Pengeluaran DPI memerlukan kelulusan Bank Negara Malaysia. Setakat ini, tiga jenis instrumen pembayaran telah dikelaskan sebagai DPI, iaitu instrumen kad kredit, kad caj dan wang tunai elektronik.

Sama seperti DPS, pengeluar DPI juga dikehendaki melaksanakan urus tadbir dan perkiraan operasi yang mencukupi bagi memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan instrumen pembayaran ini. Ianya meliputi keperluan untuk memastikan pengurusan berhemah terhadap dana yang diperolehi daripada para pengguna DPI dan seterusnya memastikan kewujudan dana tersebut untuk pembayaran balik kepada pengguna.

Kuasa Bank Negara Malaysia

Di bawah Akta ini Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengehendaki sesebuah pengendali sistem atau pengeluar instrumen pembayaran supaya diperbadankan sebagai sebuah syarikat. Keperluan ini boleh dikenakan bagi memastikan bahawa struktur korporat mereka adalah lebih kekal, boleh dipercayai dan kukuh dan seterusnya memastikan bahawa ia adalah mematuhi keperluan Akta Syarikat 1965. Bagi memastikan pemantauan dan pengawalseliaan yang efektif ke atas sistem pembayaran di negara ini, Bank Negara Malaysia mungkin akan mengehendaki pengendali sistem atau pengeluar instrumen pembayaran untuk mengemukakan maklumat kepada Bank Negara Malaysia mengenai sistem pembayaran atau instrumen pembayaran kendalian mereka. Lain-lain kuasa Bank Negara Malaysia di bawah Akta ini ialah:-

i. Kuasa untuk melakukan pemeriksaan
   Akta Sistem Pembayaran 2003 memberi kuasa kepada pegawai pemeriksa yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia untuk memeriksa bangunan dan pejabat, peralatan atau dokumen pengendali sistem atau pengeluar instrumen pembayaran atau mana-mana orang yang tertakluk kepada Akta tersebut.

ii. Kawalan terhadap DPS
   Pengendali sesebuah DPS yang menjadi tidak solven dikehendaki memaklumkan kepada Bank Negara

Malaysia dengan segera. Bank Negara Malaysia menerusi perintah yang disiarkan di dalam Warta Kerajaan boleh mengambil alih kuasa atau aset DPS atau menjalankan perniagaannya. Bank Negara Malaysia juga boleh melantik seseorang untuk menjalankan kuasa tersebut bagi pihaknya. Akta berkenaan juga memperuntukkan bahawa Bank Negara Malaysia boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik penanggung atau pengurus bagi menguruskan syarikat yang diambil alih tersebut.

iii. Penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan
Bank Negara Malaysia boleh melantik kakitangannya atau mana-mana orang sebagai pegawai penyiasat bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini. Pegawai penyiasat tersebut mempunyai kuasa untuk memasuki bangunan, menggeledah dan menyita harta, kelengkapan atau dokumen mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta ini. Kuasa juga diberi kepada Bank Negara Malaysia untuk menyiasat rumah penjelasan yang diiktiraf di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau yang dilesenkan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 setelah mendapat persetujuan daripada Suruhanjaya Sekuriti.


iv. Kesalahan dan penguatkuasaan
Bagi memastikan wujudnya satu rejim pengawalseliaan yang efektif, Akta ini memperuntukkan denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini merupakan kesalahan yang boleh dikenakan denda bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan tersebut serta kesannya terhadap sistem pembayaran.

Kesimpulan
Penggubalan Akta Sistem Pembayaran 2003 bertujuan untuk memperkukuhkan penyeliaan ke atas sistem dan instrumen pembayaran oleh Bank Negara Malaysia. Akta ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengenal pasti dan memantau sistem pembayaran yang berkepentingan sistemik dan instrumen pembayaran yang penting dengan lebih ketat. Pada masa yang sama, ia juga memberi kelonggaran kepada para pengendali sistem dan pengeluar instrumen pembayaran bagi menggalakkan inovasi.

Penyelesaian untuk pembayaran elektronik runcit biasanya dilakukan melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (IFTS) RENTAS.

Pada tahun 2003, jumlah dan nilai transaksi Sistem Pemindahan Dana Antara Bank masing-masing meningkat 10.9% dan 9.1% berbanding tahun 2002. Sementara itu, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah dan nilai transaksi Sistem Perniagaan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS) iaitu 28.6% dan 18.3% berbanding tahun 2002.

Graf 4.44
RENTAS – Urus Niaga IFTS



Graf 4.45
RENTAS – Urus Niaga SSTS



Peningkatan Tahap Kecekapan

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk memperbaiki kecekapan operasi RENTAS. Antaranya adalah:

(i) RENTAS-STP

Modul 'Proses Secara Menerus' atau '*Straight Through Processing*' (STP) yang disambungkan ke sistem RENTAS bagi membolehkan semua proses dalam satu kitaran pembayaran dapat diproses secara elektronik bermula dari masa pembayaran dibuat sehingga pemindahan dana antara bank diselesaikan. Ahli RENTAS dinasihatkan untuk menggunakan RENTAS-STP supaya dapat meningkatkan kecekapan operasi perbankan mereka. Modul ini dapat mengurangkan campur tangan kakitangan, mengurangkan kos serta meningkatkan mutu khidmat pelanggan. Pada masa kini, empat ahli RENTAS telah melaksanakan RENTAS-STP.

(ii) Peningkatan kredit *intra-day*

Pada bulan Ogos 2003, sistem RENTAS dipertingkatkan untuk membolehkan sekuriti jaminan dinilaikan atas harga bersih selepas mengira perubahan dalam nilai pasaran, penarafan kredit dan keperluan margin. Cara ini menggantikan pengiraan *'haircut'* yang menggunakan nilai nominal yang tidak mencerminkan nilai saksama sekuriti. Peningkatan kredit *intra-day* telah memperbaiki kecekapan pengurusan risiko, dengan sekuriti jaminan telah dinilai mengikut harga pasaran semasa.

(iii) Peningkatan RENTAS i-LINK

Pada bulan September 2003, Bank Negara Malaysia telah menyempurnakan pelaksanaan Fasa 2 sistem RENTAS i-LINK. Sistem ini membolehkan maklumat penyelesaian masa-nyata dibuat secara tepat dan cepat serta membolehkan pengawasan, rujukan dan analisis maklumat untuk pengurusan kecairan, tunai dan posisi sekuriti dibuat. Dengan pelaksanaan RENTAS i-LINK, ahli RENTAS dapat mengawas aliran kemasukan dan pengeluaran tunai/sekuriti. Ahli RENTAS juga dapat membuat analisis yang lebih tepat serta dapat menyediakan laporan untuk pihak pengurusan dan juga mengemas kini senarai keahlian secara talian terus.

(iv) Keahlian Broker Universal (BU)

Sebagai langkah untuk membantu memajukan pasaran modal, BU telah dibenarkan untuk menyertai modul SSTS di dalam sistem RENTAS. Ini membolehkan BU berurus niaga dalam sekuriti hutang tidak disenarai bersama-sama dengan ahli-ahli sistem RENTAS yang lain. Sejak bulan Oktober 2003, dua BU sudah menyertai sistem RENTAS.

Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran


Cek

Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia telah menjelaskan 179.9 juta cek, peningkatan sebanyak 2% berbanding dengan 176.4 juta cek dijelaskan pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, nilai cek yang dijelaskan kekal pada paras RM1.1 trilion.

Pada bulan Mei 2003, SPICK-KL (pusat penjelasan SPICK yang terbesar berbanding dengan pusat di Pulau Pinang dan Johor Bahru), telah dianugerahkan sijil ISO 9001:2000 untuk tiga tahun lagi. Ini mencerminkan komitmen Bank Negara Malaysia untuk terus memberikan khidmat pelanggan berkualiti. Sepanjang tahun 2003, beberapa langkah diambil untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi SPICK seperti penggantian subsistem Produksi Cakera Padat dan menaiktarafkan sistem operasi ke *Windows 2000*. Selepas peningkatan ini, secara keseluruhan, prestasi operasi ketiga-tiga pusat SPICK telah meningkat berdasarkan kepada pengurangan masa penjelasan cek secara puratanya antara 1.5 hingga 2 jam.

Pada bulan Oktober 2003, Bank Negara Malaysia mengeluarkan kertas kerja bertajuk "Garis Panduan

Graf 4.46
Jumlah dan Nilai Cek yang dijelaskan oleh pusat-pusat SPICK



Langkah-Langkah Keselamatan Minima bagi Cek" kepada industri perbankan. Objektif garis panduan tersebut adalah untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan cek, mengesan penipuan cek, pengurusan keselamatan semasa mencetak cek dan juga memberi nasihat kepada pengguna. Garis panduan ini juga merangkumi proses urus tadbir korporat. Garis panduan ini akan mula berkuat kuasa pada penghujung tahun 2004 disebabkan oleh keperluan teknikal dan pematuhan kepada sistem yang perlu dilaksanakan oleh industri perbankan.

Pada tahun 2003, bilangan pesalah cek tak laku yang disenaraihitamkan dalam Biro Maklumat Cek (BMC) tidak mengalami perubahan. Bilangan pesalah yang direkodkan pada akhir tahun 2003 adalah 49,389 pesalah termasuk 32,408 individu berbanding dengan 48,814 pesalah termasuk 32,351 individu pada akhir tahun 2002. Pemegang akaun semasa perlu memastikan baki akaun adalah mencukupi sebelum mengeluarkan cek dan menguruskan akaun semasa mereka dengan penuh hemat. Kesan daripada penyenaraian hitam dalam BMC akan menimbulkan masalah yang besar kepada pemegang akaun yang terlibat.


Giro

Selain daripada cek, pengguna boleh menggunakan khidmat pemindahan kredit Giro untuk membuat sebarang pembayaran. Walau bagaimanapun, jumlah transaksi Giro sepanjang tahun 2003 adalah kecil berbanding jumlah dan nilai cek. Akan tetapi, jumlah dan nilai transaksi Giro pada penghujung tahun 2003 telah meningkat dengan ketara masing-masing sebanyak 114.8% dan 57.8% berbanding akhir tahun 2002. Transaksi Giro sejak tahun 2000 ditunjukkan dalam Graf 4.47.

Kad Kredit, Caj dan Debit

Bilangan kad kredit yang dikeluarkan oleh industri perbankan telah meningkat secara ketara dalam masa tiga tahun daripada 2.8 juta kad pada akhir tahun 2000 kepada 5.1 juta kad pada akhir tahun 2003. Seterusnya, nilai transaksi kad kredit meningkat sebanyak 16% antara tahun 2002

Graf 4.47
Transaksi Giro Antara Bank



sehingga 2003 dan kekal sebagai saluran pembayaran yang utama. Penggunaan kad caj dan kad debit pada masa kini masih kecil berbanding dengan penggunaan kad kredit seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.33.

Bank Negara Malaysia juga mengambil langkah-langkah khas perlindungan pengguna dan kesedaran pengguna dengan mengeluarkan 'Garis Panduan Kad Kredit' pada bulan Mac 2003. Antara keperluan yang dinyatakan dalam garis panduan tersebut adalah mengehadkan tanggungan pengguna kepada RM250 bagi sebarang transaksi yang dibuat tanpa pengetahuan mereka, kad kredit tidak boleh digunakan sama sekali untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti perjudian melalui internet. Di samping itu, pihak bank perlu juga menyatakan implikasi sekiranya pemegang kad kredit hanya membuat bayaran minima sahaja. Seterusnya, institusi perbankan dimestikan membuat rujukan kepada Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS) untuk membuat penilaian kredit semasa memproses permohonan kad kredit.

Dompet Elektronik - MEPS Cash

Program pemasaran dan kesedaran dijalankan sepanjang tahun 2003 untuk mempromosikan penggunaan dompet elektronik dan saluran

Jadual 4.33
Kad Pembayaran

	2002			2003		
	Bilangan kad (juta)	Bilangan transaksi (juta)	Nilai transaksi (RM juta)	Bilangan kad (juta)	Bilangan transaksi (juta)	Nilai transaksi (RM juta)
Kad kredit	4.4	126.9	25,304.7	5.1	146.3	29,359.9
Kad caj	0.3	7.8	1,860.6	0.3	7.5	1,895.7
Kad debit	t.d.	1.0	74.2	2.8	1.2	87.4

t.d. Tidak diperolehi.

pembayaran elektronik di negara ini. Industri perbankan telah menaiktarafkan terminal-terminal kad mereka di seluruh negara supaya peniaga-peniaga dapat menerima transaksi melalui MEPS Cash. Lebih daripada 12,000 terminal telah disediakan kepada peniaga-peniaga oleh industri perbankan dan pemeroleh pihak ketiga. Memandangkan bahawa MEPS Cash baru sahaja dilaksanakan secara meluas, jumlah transaksinya masih kecil.

Perbankan Internet

Perbankan Internet menjadi semakin penting sebagai saluran perkhidmatan perbankan kepada individu dan perniagaan. Sepanjang tahun 2003, sebuah bank Islam dan sebuah bank asing yang diperbadankan telah mula menyediakan perkhidmatan perbankan Internet, menjadikan jumlah bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet kepada 13 buah. Pengguna serta peniaga terus menunjukkan minat dalam perbankan Internet untuk membuat pembayaran bil dan pemindahan dana antara bank.

Dalam usaha meningkatkan penggunaan saluran perbankan Internet, bank-bank telah menambah perkhidmatan yang ditawarkan melalui Internet termasuklah servis percuma bagi pembayaran bil dan pemindahan dana antara bank. Bilangan pengguna perbankan Internet terus bertambah dari 1 juta pengguna pada akhir tahun 2002 kepada 1.7 juta pada akhir tahun 2003. Nilai transaksi yang dilakukan oleh pengguna individu meningkat secara ketara dari RM0.9 bilion untuk suku berakhir Disember 2002 kepada RM3.5 bilion untuk suku berakhir Disember 2003.

Perancangan Kesinambungan Operasi

Perancangan Kesinambungan Operasi adalah suatu bentuk tindakan menjangkakan kejadian-kejadian yang boleh menjejaskan fungsi dan proses penting dalam sesebuah organisasi supaya organisasi tersebut boleh bertindak balas dengan cepat terhadap sebarang kejadian yang dijangka berlaku. Rancangan tersebut mengandungi proses dan tatacara yang terdapat dalam organisasi yang memastikan bahawa fungsi utama boleh berfungsi sama ada semasa ataupun selepas krisis berlaku. Bank Negara Malaysia telah mengklasifikasikan operasi RENTAS, SPICK-KL dan SWIFT sebagai operasi kritikal. Dengan itu, Bank Negara Malaysia telah merangka Perancangan Kesinambungan Operasi untuk memastikan operasi-operasi ini dapat diteruskan dengan mudah dan lancar.

Pada tahun 2003, ujian bulanan serta ujian langsung kerap dijalankan supaya kakitangan yang terlibat dapat menyesuaikan diri dengan peraturan operasi di pusat tersebut. Semasa ujian, pihak Bank bekerjasama dengan ahli-ahli bank yang lain supaya operasi berjalan secara licin walaupun di lokasi yang lain. Usaha ini dapat menjalinkan sifat bekerjasama di kalangan ahli-ahli industri perbankan untuk memastikan sistem pembayaran yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia berjalan dengan lancar dan disokong teguh.

PROGRAM PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (AML/CFT) MALAYSIA

Gambaran Keseluruhan

Usaha-usaha bagi mengesan dan mencegah pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan terus dipertingkatkan oleh komuniti sejagat. Kerjasama yang lebih erat antara agensi-agensi kebangsaan terus dipupuk dengan menggubal undang-undang yang berkenaan serta meneruskan usaha untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif AML/CFT.

Di Malaysia, Bank Negara Malaysia menerajui pelbagai agensi penguat kuasa dalam usaha untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Bank Negara Malaysia adalah sekretariat kepada Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (NCC) yang ditubuhkan pada tahun 2000 bagi merumus langkah-langkah untuk program AML/CFT, menyelaras pelaksanaan langkah-langkah program tersebut dan memastikan usaha-usaha di peringkat kebangsaan adalah selaras dengan inisiatif serantau dan antarabangsa. Wakil-wakil daripada agensi-agensi yang menganggotai NCC bermesyuarat beberapa kali setahun bagi menyelaras usaha membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Setiap ahli NCC bertanggungjawab mengkaji dan melaporkan isu-isu berkaitan AML/CFT kepada NCC serta melaksanakan dan melaporkan perkembangan setiap keputusan yang dibuat oleh NCC.

UN International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism

Malaysia komited untuk menjadikan kesalahan pembiayaan keganasan sebagai satu jenayah seperti yang dianjurkan oleh *UN International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism* (Konvensyen). Malaysia bercadang menyertai Konvensyen ini dengan membuat pindaan tertentu

dan menggubal peruntukan undang-undang baru ke atas lima Akta, iaitu, Kanun Keseksaan, Kanun Prosedur Jenayah, Akta Mahkamah Rendah 1948, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (Akta).

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003

Pada bulan November 2003, Parlimen telah meluluskan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 (Akta Pindaan) yang diwartakan sebagai undang-undang pada 25 Disember 2003. Apabila Akta Pindaan ini dikuatkuasakan menerusi perintah Menteri, tajuk ringkas Akta akan ditukar kepada "Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001". Akta Pindaan ini, memperluaskan mekanisme pelaporan pencegahan pengubahan wang haram Bank Negara Malaysia supaya merangkumi pelaporan berhubung pembiayaan keganasan. Selain itu, pindaan ini turut memperuntukkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengesan dan mencegah pembiayaan keganasan serta memberi peruntukan bagi membeku, menyita dan melucuthakkan harta pengganas.

Pelaksanaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001

Mekanisme pelaporan pencegahan pengubahan wang haram di bawah Akta merangkumi institusi-institusi kewangan dan sesetengah kategori institusi-institusi bukan kewangan yang dianggap sebagai berisiko tinggi kepada aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan. Pendekatan pelaksanaan Akta dilakukan secara berperingkat bagi memastikan institusi-institusi pelapor bersedia dan berupaya untuk mematuhi obligasi-obligasi di bawah Akta dengan berkesan.

Langkah-langkah Terbaru AML/CFT di bawah Akta

Menambah Bilangan Institusi Pelapor

Semenjak Akta dikuatkuasakan pada 15 Januari 2002, peruntukan untuk melaporkan transaksi yang mencurigakan diguna pakai ke atas institusi perbankan dan institusi perbankan Islam, syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali takaful, pengurup wang dan entiti-entiti luar pesisir. Pada tahun 2003, beberapa kategori baru perniagaan dimasukkan sebagai institusi pelapor di bawah Akta. Sehingga kini, institusi pelapor di bawah Akta adalah seperti yang berikut:

Jadual 4.34
Institusi Pelapor di bawah Akta

Tarikh Penggunaan	Jenis Institusi Pelapor	Bilangan Institusi (pada 31 Disember 2003)
15-Jan-02	Bank perdagangan	23
	Syarikat kewangan	11
	Bank saudagar	10
	Bank-bank Islam	2
15-Apr-02	Syarikat diskaun	7
	Bank luar pesisir	54
	Syarikat insurans luar pesisir	101
	Syarikat amanah luar pesisir	18
	Syarikat insurans	44
	Syarikat insurans semula	10
	Syarikat pembrokeran insurans	35
	Pengendali takaful	4
1-Jun-02	Pengurup wang	649
15-Jan-03	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	1
	Bank Simpanan Nasional	1
	Lembaga Tabung Haji	1
	Pos Malaysia Berhad	1
	Kasino Genting	1
Jumlah institusi pelapor		**973**

Institusi-institusi bukan kewangan lain yang dikenal pasti berisiko tinggi dalam aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan akan dimasukkan di bawah Akta secara berperingkat-peringkat.

Peningkatan Obligasi Pelaporan

Pemakaian peruntukan obligasi pelaporan di bawah Akta seperti penyimpanan rekod, program pematuhan dan keperluan untuk mengenali pelanggan diterima pakai ke atas institusi-institusi berikut:

- Bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan, bank-bank saudagar dan bank-bank Islam mulai 15 Januari 2003;
- Syarikat-syarikat diskaun, bank-bank luar pesisir, syarikat-syarikat amanah luar pesisir, syarikat-syarikat insurans luar pesisir, syarikat-syarikat insurans, syarikat-syarikat insurans semula, syarikat-syarikat pembrokeran insurans dan pengendali-pengendali takaful mulai 15 April 2003; dan
- Pengurup wang mulai 1 Oktober 2003.

Pihak Bank Negara Malaysia terus bekerjasama dengan institusi-institusi pelapor di atas melalui sesi-sesi dialog yang kerap diadakan bagi memastikan pelaksanaan program pematuhan yang berkesan. Institusi perbankan juga menubuhkan Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan untuk berbincang mengenai isu-isu pematuhan di premis Institut Bank-Bank Malaysia. Pegawai-pegawai Unit Perisikan Kewangan (UPW) menghadiri perjumpaan ini sekiranya dijemput.

Peningkatan Jumlah Kesalahan Predikat
Pada tahun 2003, bilangan kesalahan-kesalahan predikat meningkat daripada 122 kepada 150 kesalahan berat yang terdiri daripada 23 Akta.

Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR)
Sebagai pihak berkuasa berwibawa yang diberi mandat oleh Menteri Kewangan, Bank Negara Malaysia menerima laporan transaksi yang mencurigakan berdasarkan seksyen 14(b) Akta. Seksyen 14(b) memperuntukkan transaksi yang mencurigakan perlu dilaporkan kepada UPW di Bank Negara Malaysia. STR ini akan dianalisis dan sekiranya perlu, akan dimaklumkan kepada agensi-agensi penguat kuasa yang berkenaan untuk pemantauan dan penyiasatan ke atas kes-kes tersebut berdasarkan maklumat risikan dari Bank Negara Malaysia.

Pembinaan Keupayaan
Program Kesedaran
Bank Negara Malaysia terus menganjurkan program kesedaran kepada pihak-pihak berkepentingan berkaitan dengan AML/CFT bagi memastikan pelaksanaan program yang lebih berkesan. Satu program kesedaran di peringkat kebangsaan juga telah diadakan antara bulan Ogos dan Oktober 2003 untuk institusi perbankan termasuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional dan Lembaga Tabung Haji. Sesi-sesi dialog dengan institusi-institusi pelapor juga diadakan secara berkala untuk memaklumkan mengenai perkembangan terbaru dan menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan langkah-langkah AML/CFT.

Inisiatif Latihan
Bank Negara Malaysia telah menganjurkan beberapa bengkel untuk mempertingkat pengetahuan dan kemahiran pemegang-pemegang kepentingan dalam negeri dan serantau berhubung inisiatif AML/CFT. Pakar-pakar sektor kewangan dari Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan badan-badan antarabangsa seperti *IMF, World Bank* dan *Asia/ Pacific Group on Money Laundering* (APG) dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam bengkel-bengkel tersebut. Bank Negara Malaysia telah menganjurkan program-program latihan di peringkat antarabangsa seperti yang berikut:

(i) *ASEAN Anti-Money Laundering Workshop 2003* diadakan dari 28-30 Julai 2003. Bengkel ini bertujuan merumus strategi untuk membentuk suatu rejim AML/CFT yang menyeluruh di setiap negara ASEAN, termasuk memahami fungsi-fungsi utama sebuah unit perisikan kewangan, mengenal pasti agensi-agensi penguat kuasa yang terlibat dalam rangka kerja AML/CFT dan peranan-peranan mereka.

(ii) *Basic Analysis and Suspicious Transaction Reporting Workshop 2003* diadakan dari 25-29 Ogos 2003. Bengkel ini dianjurkan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan. Bengkel ini memberi fokus kepada teknik kemahiran asas penganalisaan dalam mengumpul, menganalisa dan perkongsian maklumat risikan yang disyaki melibatkan wang haram atau pembiayaan keganasan.

(iii) *APG Typologies Workshop* diadakan dari 8-9 Disember 2003. Bengkel ini dihadiri oleh peserta-peserta daripada 34 ahli dan pemerhati APG. Bengkel ini memberi fokus kepada perkongsian mengenai trend dan kes-kes yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Di samping itu, pelbagai jawatankuasa pengkaji diwujudkan bagi membuat kajian yang mendalam ke atas pembawa wang tunai (*cash couriers*), pembiayaan keganasan dan isu-isu berkaitan dengan rasuah.

(iv) *APG AML/CFT Assessment Training Workshop* diadakan dari 10-12 Disember 2003. Bengkel ini melatih pakar-pakar sektor kewangan di kalangan ahli APG untuk membuat penilaian berdasarkan *IMF/ World Bank Methodology for Assessing Compliance with AML/CFT Standards.*

Cabaran Masa Hadapan
Pada bulan Jun 2003, *Financial Action Task Force on Money Laundering* menyemak semula *40 Recommendations.* Semakan semula senarai institusi pelapor ini diperluaskan dengan memasukkan perniagaan dan profession bukan kewangan yang ditetapkan (DNFBP). DNFBP termasuk ejen hartanah, peniaga logam berharga, peniaga batu-batu berharga, peguam, notari dan pengamal undang-undang bebas yang lain, akauntan serta syarikat-syarikat amanah dan pemberi khidmat pensyarikatan. Bank Negara Malaysia akan mengguna pakai obligasi pelaporan ke atas DNFBP ini secara berperingkat dengan mengambil kira kesediaan entiti-entiti ini. Bank Negara Malaysia menyedari bahawa proses perbincangan dengan DNFBP ini dan pihak

penyeliaan dan pengawalan yang berkenaan adalah penting bagi menjamin kejayaan pelaksanaan obligasi pelaporan di bawah Akta.

Pindaan terhadap Kanun Keseksaan, yang menjadikan pembiayaan keganasan sebagai satu jenayah, dan pindaan terhadap Akta bagi memastikan pelaksanaan Konvensyen dengan efektif, memerlukan pembangunan mekanisme dan prosedur pencegahan pembiayaan keganasan yang berkenaan. Bank Negara Malaysia akan bekerjasama dengan ahli-ahli NCC yang berkenaan untuk melaksanakan peruntukan perundangan yang baru ini dengan berkesan.

Trend pengubahan wang haram yang sentiasa berubah memerlukan latihan yang berterusan bagi pegawai-pegawai penguat kuasa untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Bank Negara Malaysia akan terus memainkan peranan untuk memimpin dalam pembanterasan aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram.